



---

# Laporan Tahunan **2013** Perbadanan Putrajaya

---

Terurus • Bersemangat dan Bertenaga • Makmur



**©PERBADANAN PUTRAJAYA**

**Hak Cipta Terpelihara 2014**

Penerbitan ini boleh diterbitkan semula keseluruhan dan sebahagiannya, bagi tujuan pendidikan atau tujuan-tujuan yang tidak memberi keuntungan tanpa persetujuan daripada pemilik hak cipta, dengan syarat penghargaan diberi kepada sumber berkenaan dan senaskhah terbitan yang menggunakan terbitan ini sebagai sumber di Perbadanan Putrajaya, terbitan ini tidak boleh diterbitkan untuk jualan atau untuk apa-apa tujuan perniagaan tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis daripada Perbadanan Putrajaya.

---

Laporan  
Tahunan **2013**  
Perbadanan Putrajaya

---

Terurus • Bersemangat dan Bertenaga • Makmur

# Kandungan

Laporan Tahunan 2013

## PERUTUSAN

- Perutusan Menteri Wilayah Persekutuan 4
- Perutusan Ketua Setiausaha Kementerian Wilayah Persekutuan 6
- Perutusan Presiden Perbadanan Putrajaya 8

## MAKLUMAT KORPORAT

- Visi 14
- Misi 14
- Nilai-Nilai Bersama 15
- Carta Organisasi 16
- Anggota Perbadanan Putrajaya 17
- Mesyuarat Anggota Perbadanan Putrajaya 19
- Pengurusan Tertinggi Perbadanan Putrajaya 20
- Jawatankuasa Audit 21
- Alamat Pejabat Yang Berdaftar 21

## LATAR BELAKANG

### PERBADANAN PUTRAJAYA (PPj) 22

- Penubuhan Perbadanan Putrajaya 23
- Fungsi Perbadanan Putrajaya 23

### Aktiviti Utama: 24

- Pejabat Setiausaha Perbadanan/Jabatan Undang-Undang 24
- Jabatan Audit Dalam 24
- Jabatan Perkhidmatan Korporat 24
- Jabatan Perkhidmatan Bandar 25
- Jabatan Perancangan Bandar 25
- Jabatan Pembangunan Bandar 26
- Jabatan Landskap Dan Taman 27

### ANALISIS PRESTASI KEWANGAN 28

- Pelaburan Dalam Anak Syarikat Subsidiari 31
- Hartanah, Loji & Peralatan Milik Perbadanan Putrajaya 31

## LAPORAN

### AKTIVITI 32

- Anugerah dan Pengiktirafan 34
- Peristiwa Penting 36
- Program Anjuran Kumpulan Pegawai Muda 45

### PERANCANGAN DAN PEMBANGUNAN BANDAR 46

- Kajian Rancangan Struktur Putrajaya 2025 48
- Pusat Setempat (One Stop Centre- OSC) 49
- Rancangan Tempatan 49
- Kawalan Perancangan 50
- Kawalan Rekabentuk Bandar 50
- Local Agenda 21 Putrajaya 51
- Pengurusan Projek Pembangunan 53
- Kawalan Bangunan 53
- Kawalan Infrastruktur 54
- Pengurusan Tanah-Tanah Milik PPj Dan Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP) 54
- Bandar Hijau 55
- Alam Sekitar, Tasik Dan Wetland 56



## PERKHIDMATAN PERBANDARAN

- Pengurusan Kompleks PPj **62**
- Sewaan Dewan Persidangan Dan Auditorium **62**
- Sewaan Kuarters PPj **63**
- Sewaan Lot Niaga **63**
- Program Pembangunan Perniagaan **64**
- Pengurusan Pokok Ameniti **65**
- Propagasi Tumbuhan Nurseri Pusat, Hiasan Acara Dan Majlis **65**
- Pemantauan Dan Pengurusan Hidupan Liar **66**
- Program Kitar Semula Dan Pengkomposan **67**
- Kesihatan Awam **70**
- Komersil Dan Pelesenan **71**
- Pembangunan Perniagaan **72**

## PEMBANGUNAN MASYARAKAT

- Hari Pusat Pembelajaran Kejiranan (PPK) 2013 **76**
- Kayuhan Ceria@Putrajaya Dan Langkah Ceria@ Putrajaya **77**
- Program Master Gardener **78**
- Program Keselamatan Jalan Raya **78**
- Majlis Perwakilan Kesejahteraan Bandar (MPKB) **79**

## PENTADBIRAN DAN PERUNDANGAN

- Perancangan Strategik **82**
- MS ISO 9001:2008 **86**
- Kumpulan Inovatif Dan Kreatif (KIK) **87**
- Program 5S **88**
- Sistem Penarafan Bintang Bahasa Kebangsaan Pihak Berkuasa Tempatan (SPBBK-PBT) **88**
- Komunikasi Korporat **89**
- Pengurusan Aduan **90**
- Pengurusan Media **91**
- Pengurusan Sumber Manusia **92**
- Teknologi Maklumat Dan Komunikasi **95**
- Pengurusan Risiko **96**
- Perundangan **97**
- Auditan Dalaman **98**

## PENILAIAN DAN PENGURUSAN ASET

- Penilaian Untuk Maksud Sumbangan Membantu Kadar (SMK) **102**
- Pengurusan Mendapatkan Kembali Tunggakan Cukai Taksiran **102**

## LAPORAN ANAK SYARIKAT

- Pj Hotels & Resorts Sdn. Bhd. **106**
- Marina Putrajaya Sdn. Bhd. (MPSB) **107**
- Pengangkutan Awam Putrajaya Sdn Bhd **108**
- *Putrajaya International Convention Centre Sdn. Bhd.* **114**

## PENYATA KEWANGAN YANG TELAH DIAUDIT

- Sijil Ketua Audit Negara **118**
- Lembaran Imbangan **122**
- Penyata Pendapatan **123**
- Penyata Aliran Tunai **124**
- Penyata Perubahan Ekuiti **125**
- Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan **127**

---

# Perutusan Menteri

Wilayah Persekutuan

---





“Kita harus sedar, harapan rakyat semakin hari semakin meningkat. Pencapaian yang dahulunya dipandang hebat, kini sudah dianggap pencapaian biasa sahaja. Oleh itu, Perbadanan Putrajaya harus sentiasa meningkatkan kualiti perkhidmatan yang diberikan bagi memenuhi harapan rakyat khususnya warga Putrajaya.”

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam 1Malaysia

Saya ingin merakamkan ucapan syabas dan tahniah kepada Perbadanan Putrajaya kerana berjaya menerbitkan Laporan Tahunan 2013. Dengan penerbitan Laporan Tahunan 2013 ini, pencapaian dan kecemerlangan Perbadanan Putrajaya dapat dikongsi bersama oleh semua warga Putrajaya dan dijadikan sebuah dokumen yang penting untuk rujukan di masa hadapan.

Sesungguhnya Putrajaya bukanlah suatu tempat yang asing bagi saya. Sebagai Ahli Parlimen Putrajaya sejak 2004, saya telah bersama dengan warga Putrajaya melalui pelbagai peristiwa pahit manis. Apa yang pastinya, sejak dahulu hingga sekarang, Perbadanan Putrajaya terus-menerus memberikan perkhidmatan yang cemerlang. Syabas Perbadanan Putrajaya!

Walaupun secara keseluruhannya saya berpuas hati di atas pencapaian Perbadanan Putrajaya sepanjang tahun 2013, kita tidak boleh mendabik dada dan mengambil ringan cabaran-cabaran yang bakal mendatang. Kita harus sedar, harapan rakyat semakin hari semakin meningkat. Pencapaian yang dahulunya dipandang hebat, kini sudah dianggap pencapaian biasa sahaja. Oleh itu, Perbadanan Putrajaya harus sentiasa meningkatkan kualiti perkhidmatan yang diberikan bagi memenuhi harapan rakyat khususnya warga Putrajaya.

Akhir kata, saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada semua pihak yang telah menjayakan penerbitan Buku Laporan Tahunan Perbadanan Putrajaya 2013 ini.

Terima kasih dan salam hormat.


**YB DATUK SERI UTAMA TENGKU ADNAN TENGKU MANSOR**  
Menteri Wilayah Persekutuan

---

# Perutusan Ketua Setiausaha

Kementerian  
Wilayah Persekutuan

---





Sebagai Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, maka Perbadanan Putrajaya tidak boleh lari dari tanggungjawab untuk menjadikan Putrajaya sebagai contoh ikutan bagi Pihak Berkuasa Tempatan lain di seluruh Malaysia.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam 1Malaysia

Tahniah dan syabas saya ucapkan kepada semua pihak yang terlibat di dalam menjayakan penerbitan Laporan Tahunan Perbadanan Putrajaya 2013 ini. Sesungguhnya segala kejayaan program dan aktiviti yang dijalankan oleh Perbadanan Putrajaya sepanjang tahun 2013 adalah merupakan kesinambungan kepada tradisi semangat kerjasama dan sokongan yang telah diberikan oleh semua pihak.

Perbadanan Putrajaya berada di posisi yang unik di mata rakyat. Pencapaian Perbadanan Putrajaya bukan sahaja diberi perhatian oleh Kementerian Wilayah Persekutuan dan warga Putrajaya malah oleh segenap lapisan masyarakat berikutan kedudukannya sebagai Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan. Sebagai Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, maka Perbadanan Putrajaya tidak boleh lari dari tanggungjawab untuk menjadikan Putrajaya sebagai contoh ikutan bagi Pihak Berkuasa Tempatan lain di seluruh Malaysia.

Sesungguhnya kerjasama dan komitmen yang diberikan oleh setiap warga Perbadanan Putrajaya dalam mentadbir dan menguruskan Putrajaya amat dihargai. Sehubungan itu, saya berharap supaya semangat ini terus dipupuk bagi menjadikan Putrajaya maju dan sejahtera selaras dengan hasrat dan matlamat Kementerian Wilayah Persekutuan.

Akhir kata, saya mendoakan semoga Perbadanan Putrajaya akan terus cemerlang sebagai sebuah organisasi yang dihormati dan dicontohi serta berupaya meletakkan Putrajaya sebagai Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan yang terurus, bersemangat dan bertenaga serta makmur, yang memenuhi keperluan sosio ekonomi, rekreasi dan rohaniah penghuni, warga kerja dan pelawat.

Sekian, terima kasih.

**DATO' ADNAN BIN HJ. MD. IKSHAN**

Ketua Setiausaha Kementerian Wilayah Persekutuan




---

# Perutusan Presiden

Perbadanan Putrajaya

---



“Sokongan dan semangat kerja berpasukan yang tinggi di kalangan pekhidmat PPj telah berjaya mengharumkan nama PPj seterusnya Putrajaya apabila PPj banyak menerima anugerah dan pengiktirafan sama ada di peringkat kebangsaan dan juga peringkat antarabangsa.”

---

Bagi mewakili Anggota Perbadanan Putrajaya, saya dengan sukacitanya membentangkan Laporan Tahunan Perbadanan Putrajaya (PPj) untuk tempoh setahun bermula 1 Januari 2013 sehingga 31 Disember 2013.



### KEJAYAAN DAN PENCAPAIAN PPj TAHUN 2013

#### Anugerah dan Pengiktirafan

PPj selaku PBT yang mengurus dan mentadbir Putrajaya sentiasa menunjukkan usaha yang komited dan berterusan dengan meletakkan kepentingan alam sekitar dan kelestarian bandar sebagai aspek utama dalam membangunkan Putrajaya. Usaha murni ini mendapat penghargaan apabila Putrajaya berjaya merangkul *Honour Award bagi Tree Inventory & Management System (SIPP)* di bawah Kategori *Green City Award (Government)* semasa majlis anugerah *Malaysia Landscape Architecture Awards*. PPj turut menerima Anugerah Inisiatif Kejiranan Hijau di bawah kriteria pelaksanaan sistem pengumpulan dan penggunaan semula air hujan dari Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Portal PPj turut merangkul pelbagai anugerah di dalam *Interactive Media Awards (IMA)*, di antaranya *Best in Class* bagi Kategori *Government* dan *Arts/Culture*.

Menerusi program Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK), Kumpulan Hortus dari Jabatan Landskap dan Taman telah terpilih mewakili Wilayah Persekutuan ke Konvensyen KIK Perkhidmatan Awam Peringkat Kebangsaan ke-30 dan berjaya meraih Anugerah Ketua Pengarah Mampu dalam Kategori Teknikal.

#### Peristiwa Penting

PPj telah menganjurkan Pertandingan Bunga Api Antarabangsa Putrajaya (PIFC 2013) yang melibatkan penyertaan enam (6) negara iaitu China, United Arab Emirates (UAE), Amerika Syarikat, Korea, Perancis dan Malaysia. Pertandingan berlangsung selama enam (6) malam bermula pada 30 Ogos 2013 dan berakhir pada 2 Oktober 2013. Bilangan pengunjung yang direkodkan adalah seramai 3.5 juta orang.

Pertunjukan ini merupakan pertandingan bunga api berirama menggunakan teknologi *microwave wireless*. PIFC 2013 juga telah berjaya mencatat rekod di dalam *Malaysia Book Of Records (MBR)* sebagai *Most Number Of Fireworks Shots In A Single Event* iaitu melebihi 12,000 tembakan bunga api dalam satu acara.

Penganjuran FLORIA Putrajaya 2013 telah mengekalkan kejayaannya dengan peningkatan jumlah peserta pameran dari dalam dan luar negara, jumlah pengunjung, jumlah aktiviti dan juga penggerai. Pelbagai anugerah dan pengiktirafan telah diraih dan lebih istimewa lagi penganjuran FLORIA Putrajaya 2013 telah tercatat di dalam Malaysia Book Of Records untuk Pameran *Longest Landscape Vertical Wall*.

Buat julung kalinya PPj berjaya menganjurkan Festival Kesenian dan Kebudayaan Islam Antarabangsa dari 1 hingga 10 November 2013. Bertemakan "Dari Andalusia ke Putrajaya", objektifnya adalah menjadikan Putrajaya sebagai pusat kegemilangan kesenian dan kebudayaan Islam alaf baru. Selain daripada penglibatan tuan rumah Malaysia, PPj berjaya mendapat sokongan dari Maghribi, Iran, Sepanyol, Indonesia dan Mesir. PIIACUF 2013 telah berjaya menarik seramai 250,000 ribu pengunjung.

Acara "Putrajaya International Hot Air Balloon Fiesta 2013", adalah merupakan antara program sukan udara berkala yang ternukil di dalam kalendar tahunan Perbadanan Putrajaya (PPj). Sehingga kini, penganjurannya telah memasuki tahun kelima penganjuran, semenjak dari tahun 2009. Untuk tahun

2013, ianya telah berjaya menarik kehadiran pengunjung melebihi 200,000 orang yang terdiri daripada pelbagai lapisan masyarakat. Fiesta pada tahun 2013 telah melibatkan sebanyak sembilan (9) buah negara luar seperti Belgium, Netherlands, Thailand, USA, New Zealand, Vietnam, India, Poland dan Germany dan tidak ketinggalan Malaysia selaku tuan rumah. Sebanyak 23 buah belon udara panas, telah digunakan sepanjang fiesta.

#### Program Pegawai Muda Perbadanan Putrajaya

Penubuhan kumpulan Pegawai Muda (PM) Perbadanan Putrajaya (PPj) adalah inisiatif yang mewujudkan satu kumpulan pegawai bagi menyokong dan melaksanakan program dan aktiviti untuk merealisasikan visi dan misi Perbadanan Putrajaya. Di antara program dan aktiviti yang telah dilaksanakan sepanjang tahun 2013 adalah:

- Lawatan Kerja PPj ke Makassar pada 7 hingga 9 September 2013.
- Lawatan balas delegasi Pemerintah Kota Makassar seramai 40 orang yang diketuai oleh Walikotanya ke Putrajaya pada 1 hingga 6 Oktober 2013
- Lawatan sambil belajar ke Vietnam, 5 hingga 8 Oktober 2013.

- Pertandingan & Pameran Kucing Putrajaya pada 14 dan 15 September 2013 melibatkan 150 ekor kucing dalam 15 kategori penjurian.
- Solat Hajat dan Doa Keselamatan Negara di Lahad Datu, Sabah.
- Majlis Bacaan Yassin dan Doa Kesyukuran Sempena Hari Wilayah Persekutuan Tahun 2013.
- Pertandingan Kuiz Agama (Permainan Minda) Peringkat PPj, Peringkat Agensi dan Peringkat Sekolah
- Program Santai@Dataran Gemilang pada setiap hari Ahad.
- *Putrajaya Autoshow, Convoy & Gathering* sebanyak 3 siri melibatkan 3748 buah kenderaan)
- *Putrajaya RC (Remote Control) Event* sebanyak 2 edisi melibatkan penyertaan dari dalam dan luar negara.
- Karnival Taman Cabaran pada 27 hingga 29 Disember 2013.
- Menubuhkan PPj *Cycling Team* bagi menyokong dan membantu aktiviti berbasikal yang dianjurkan di Putrajaya oleh PPj dan pihak luar.



### Perancangan dan Pembangunan Bandar

Visi pembangunan bagi Putrajaya adalah "Putrajaya Mampan 2025". Laporan Draf Akhir RS Putrajaya 2025 telah mendapat persetujuan dari Mesyuarat Anggota Perbadanan Putrajaya 12 Februari 2012. Seterusnya, Laporan RS Putrajaya telah dibentangkan dan mendapat kelulusan YB. Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar pada 14 Julai 2012 sebagaimana peruntukan Seksyen 10, Perintah Wilayah Persekutuan Putrajaya (Penguatkuasaan Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976) 2010. Laporan RS Putrajaya 2025 telah dibentangkan semula dan mendapat kelulusan dari Menteri Wilayah Persekutuan pada 22 Oktober 2013.

### Kawalan Perancangan

Sebanyak 63 permohonan Kebenaran Merancang telah diproses sepanjang tahun 2013. Sejak pelancaran Projek Perumahan Penjawat Awam 1 Malaysia (PPA1M) oleh YAB Perdana Menteri Malaysia, Dato' Seri Najib Tun Abdul Razak pada 18 April 2013 di Putrajaya, sebanyak 7 Kelulusan Kebenaran Merancang telah dikeluarkan oleh Perbadanan Putrajaya dalam tahun 2013 yang melibatkan 6,627 unit kediaman jenis pangsapuri.

### Kawalan Rekabentuk Bandar

Pencahayaan Bandar Raya (*Urban Lighting*) merupakan pencahayaan luaran bagi bangunan / struktur termasuk jalan, yang menonjolkan ciri-ciri estetik berkualiti yang diseimbangkan dengan keperluan keselamatan dan keselesaan awam.

Pelan Induk Pencahayaan Putrajaya (*Putrajaya Lighting Masterplan*) telah diguna pakai di Putrajaya sejak ianya diluluskan pada 26 September 2002 oleh Mesyuarat Anggota Perbadanan Putrajaya. Pada 15 Julai 2009, Mesyuarat Jemaah Menteri telah bersetuju untuk meluluskan pemakaiannya sebagai dasar kerajaan yang perlu dipatuhi oleh semua kementerian, jabatan dan agensi kerajaan di Putrajaya.

### Local Agenda 21 Putrajaya

LA 21 Putrajaya telah ditubuhkan pada 18 Disember 2008 dan pada tahun ini telah menginjak usia pelaksanaannya yang ke 5 tahun. Melalui Jawatankuasa Kerja seperti Jawatankuasa Kerja Landskap dan Alam Sekitar, Jawatankuasa Kerja Kitar Semula, Jawatankuasa Kerja Keselamatan Jalan Raya dan Komuniti, Jawatankuasa Kerja Pembangunan Fizikal dan Jawatankuasa Kerja Sosial dan Ekonomi, beberapa program telah dilaksanakan khusus bagi setiap golongan masyarakat di Putrajaya seperti:

- Pelancaran Bandar Sejahtera Putrajaya "Putrajaya Healthy City"
- Majlis Anugerah Sekolah Hijau (Lestari) Putrajaya

### Pengurusan Projek Pembangunan

Dalam tahun 2013, projek yang telah disiapkan adalah Surau Komuniti di Presint 14 di bawah program LA21 manakala projek-projek yang sedang dalam pembinaan ialah Tempat Letak Kereta Bertingkat di Presint 4, Depoh Bas di Presint 14 dan Pusara Negarawan di Presint 20.

### Pengurusan Alam Sekitar, Tasik & Wetland

Pengurusan Bersepadu Tasik dan Wetland Putrajaya telah diperakui antara yang terbaik dengan pengiktirafan antarabangsa sebagai satu daripada tujuh tapak operasi UNESCO-IHP Ecohydrology Programme sejak Februari 2011.

### Program Pembungaan Putrajaya

Putrajaya selaku Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan yang bertemakan Bandar Dalam Taman, Bandar Hijau dan Bandar Berbunga telah dapat direalisasikan melalui Program Pembungaan Putrajaya. Program Pembungaan Putrajaya ini melibatkan penggunaan tidak kurang daripada 500,000 tanaman bunga semusim (*annuals*) setiap



bulan yang terdiri daripada pelbagai spesies, kultivar serta hibrid dengan pelbagai bentuk, saiz dan warna bunga yang akan mewarnai landskap Putrajaya sepanjang tahun. Program ini telah berjalan sepenuhnya semenjak pertengahan tahun 2013 dan ianya merupakan pameran hamparan bunga semusim dengan kepelbagaian reka bentuk dan warna bunga melalui konsep "Carpet Of Flowers", "Terrace Of Flowers", "Flower Tapestry", "Flower Avenue", "Flower Tower", "Hanging Flowers" dan sebagainya untuk tatapan warga penduduk dan pelawat yang berkunjung ke Putrajaya sepanjang masa.

#### Program Kitar Semula

Program 3R (*reuse, reduce & recycle*) iaitu pengurangan sisa, guna semula dan kitar semula adalah merupakan sebahagian daripada sistem pengurusan sisa pepejal bersepadu yang dijalankan oleh PPj. Program kitar semula di Putrajaya telah bermula secara intensif pada Mei 2004. Ia adalah susulan daripada pengumuman Perdana Menteri menjadikan Putrajaya sebagai bandar model pelaksanaan program kitar semula kebangsaan. Jumlah kutipan bahan kitar semula pada tahun 2011 adalah sebanyak 1567 tan metrik, tahun 2012 1659 tan metrik dan tertinggi pada tahun 2013 sebanyak 2212 tan metrik.

#### Perancangan dan Pembangunan Perniagaan

Dalam memajukan Putrajaya sebagai "bandar contoh" pada 2015, PPj bertanggungjawab untuk merancang, melaksanakan dan mengendali kemudahan perniagaan selari dengan perancangan dan pembangunan infrastruktur dan perkhidmatan perbandaran untuk masyarakat serta mewujudkan suasana perniagaan yang kondusif di Putrajaya.

Sepanjang tahun 2013 sebanyak 338 lot penjaja/peniaga kecil semasa acara telah disediakan di mana 72% daripada jumlah tersebut telah ditawarkan kepada penduduk dan peniaga di Putrajaya dan selebihnya adalah kepada peniaga luar Putrajaya.

Penyediaan peluang-peluang perniagaan semasa acara sepanjang tahun 2013 kepada penjaja dan peniaga kecil terutamanya di kalangan penduduk Putrajaya telah berjaya menjana hasil jualan sebanyak RM1,318,703.90. Peluang-peluang yang disediakan ini diharap dapat meningkatkan taraf ekonomi penjaja dan peniaga kecil di Putrajaya khususnya.

#### Majlis Perwakilan Kesejahteraan Bandar (MPKB)

Majlis Perwakilan Kesejahteraan Bandar (MPKB) ialah satu badan yang bertanggungjawab di dalam melaksana, menyelaras dan memantau pembangunan komuniti dan kesejahteraan bandar di Wilayah Persekutuan sehingga ke peringkat akar umbi. MPKB bagi zon Putrajaya secara rasminya telah ditubuhkan pada 7 Julai 2011 melalui perantikan sebanyak 11 subzon MPKB yang disempurnakan oleh YB Menteri Wilayah Persekutuan. MPKB juga turut menjalankan aktiviti/ program di subzon masing-masing bagi mengeratkan ikatan ukhwah dan silaturrahim antara komuniti. Antara aktiviti/program sukan serta segmen komuniti yang dijalankan adalah Sukan Futsal, Projek Jahitan Komuniti, Gotong Royong, Pertandingan Boling, Majlis Suaikenal, Sambutan Awal Muharram, Sukaneka Keluarga, Kem Motivasi dan *Team Building*.

#### Pelancongan

Sepanjang tahun 2013, PPj telah berjaya merekodkan peningkatan kedatangan pelawat/pelancong ke Putrajaya seramai 6.8 juta berbanding 5.4 juta orang pada tahun 2012. Kenaikan sebanyak 25 peratus adalah hasil promosi Putrajaya yang agresif sepanjang 2013 di peringkat antarabangsa dan domestik. Pertambahan bilangan kehadiran pelawat dan pelancong juga adalah hasil daripada pertambahan penganjuran acara dan aktiviti di Putrajaya.

#### Pengurusan Aduan

PPj telah berjaya menyelesaikan keseluruhan aduan yang diterima pada tahun 2013 di mana 970 aduan dari 1,098 aduan (88.34%) berjaya diselesaikan dalam tempoh 15 hari.

#### Pengurusan Risiko

Pengurusan Risiko di Perbadanan Putrajaya telah dilaksanakan berdasarkan piawaian ISO31000 dan Kerangka Kerja Pengurusan Risiko Perbadanan Putrajaya. Menjelang penghujung tahun 2013, sebanyak 20 profil risiko telah didaftarkan. Kemajuan pelaksanaan pelan tindakan mitigasi bagi kesemua risiko tersebut pada akhir tahun 2013 adalah 72.26% berbanding 66.59% pada akhir tahun sebelumnya.

#### Kutipan Cukai Taksiran

PPj telah berjaya mengurangkan peratusan tunggakan di mana peratus tunggakan cukai taksiran bagi tahun 2013 adalah 0.54% dari jumlah keseluruhan tunggakan berbanding jumlah keseluruhan cukai taksiran yang dibilkan.

### PRESTASI KEWANGAN

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013, Perbadanan Putrajaya telah mencatatkan kurangan pendapatan sebanyak RM9,254,841 berbanding kurangan pendapatan RM2,747,079 pada tahun 2012. Ini disebabkan oleh peningkatan sebanyak RM58,538,581 dalam jumlah perbelanjaan tahun 2013 berbanding tahun 2012. Sejumlah RM431,422,202 di catatkan dalam tahun 2013 berbanding RM372,883,621 pada tahun 2012.

Peningkatan kepada jumlah pendapatan Perbadanan yang dicatatkan pada tahun 2013 adalah kesan daripada peningkatan dalam terimaan Geran Penyelenggaraan Bandar Raya Putrajaya dan Sumbangan Bantu Kadar. Bagi tahun 2013, sejumlah RM122,000,000 telah

diluluskan dan disalurkan oleh Kementerian Kewangan berbanding RM121,000,000 dalam tahun 2012. Selain itu, Perbadanan telah menerima tambahan dana berjumlah RM15,576,417 bagi tujuan pengurusan *Putrajaya International Convention Centre (PICC)* selaras dengan keputusan pengambilalihan pengurusan PICC oleh Perbadanan Putrajaya daripada Jabatan Perdana Menteri mulai 1 Jun 2013. Pada tahun 2013, Perbadanan telah mengakaunkan sebanyak RM97,367,104 sebagai hasil Sumbangan Bantu Kadar berbanding RM85,635,676 pada tahun 2012 yang turut menyumbang kepada peningkatan tersebut.

Sementara itu, perbelanjaan Perbadanan bagi tahun 2013 turut menunjukkan peningkatan berbanding tahun 2012.

Perbelanjaan Penyelenggaraan Bandar Raya Putrajaya masih merupakan komponen perbelanjaan terbesar Perbadanan. Komponen perbelanjaan ini menyumbang sebanyak RM194,004,371 atau 44.97% kepada keseluruhan perbelanjaan Perbadanan. Bagi menampung perbelanjaan ini, Perbadanan telah menggunakan keseluruhan Geran Penyelenggaraan Bandar Raya Putrajaya yang diterima disamping turut ditampung daripada dana dalam Perbadanan sendiri. Perbelanjaan ini dijangka akan terus meningkat dari semasa ke semasa bagi memastikan Putrajaya sebagai Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan dapat diurus secara cekap dan berkesan agar memenuhi keperluan sosio ekonomi, rekreasi dan rohaniah penghuni, warga kerja dan pelawat.

### UCAPAN PENGHARGAAN

Saya bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izinNya jua serta berkat usaha gigih yang ditunjukkan oleh semua warga PPJ, semua aktiviti yang dirancang sepanjang tahun ini dapat dilaksanakan dengan jayanya. Sokongan dan semangat kerja berpasukan yang tinggi di kalangan pekhidmat PPJ telah berjaya mengharumkan nama PPJ seterusnya Putrajaya apabila PPJ banyak menerima anugerah dan pengiktirafan sama ada di peringkat kebangsaan dan juga peringkat antarabangsa. Komitmen ini amatlah penting agar PPJ dapat membangunkan Putrajaya dengan lebih terancang dan seterusnya merealisasikan visi dan misi Putrajaya 2015.

Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Anggota PPJ dan Kementerian Wilayah Persekutuan di bawah kepimpinan YB. Datuk Seri Utama Tengku Adnan bin Tengku Mansor yang sentiasa memberi dorongan dan kerjasama yang padu kepada PPJ.

Saya juga ingin mengalu-alukan kehadiran ahli baru Anggota PPJ iaitu Y.M Raja Haji Idris Raja Kamaruddin yang memulakan perkhidmatannya pada 10 Januari 2013. Akhir sekali saya mendoakan semoga PPJ akan terus maju sebagai sebuah organisasi contoh yang dihormati dan menjadi kebanggaan negara.

### TAN SRI DATO' SERI (DR) ASEH BIN HAJI CHE MAT

Presiden Perbadanan Putrajaya

# Maklumat Korporat

## Visi 2015

Putrajaya akan menjadi Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan yang terurus, bersemangat dan bertenaga serta makmur, yang memenuhi keperluan sosio ekonomi, rekreasi dan rohaniah penghuni, warga kerja dan pelawat.

## Misi

Tugas kami ialah merancang, mengurus dan membangunkan Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan secara cekap dan berkesan.

Kami berusaha memainkan peranan utama dalam merealisasikan visi Putrajaya untuk menjadi sebuah bandaraya yang terurus, bersemangat dan bertenaga serta makmur dengan:

**Membentuk dasar dan rangka kerja pembangunan yang sesuai;**

**Menjalin hubungan dan pertalian yang membina dengan semua pemegang kepentingan dan rakan kongsi;**

**Membina organisasi yang berprestasi tinggi, cekap dan mesra pelanggan;**

**Menyediakan kemudahan awam yang bertaraf dunia;**

**Memupuk persekitaran yang kondusif bagi aktiviti komersil yang semakin berkembang maju; dan**

**Mengamalkan tahap tadbir urus dan integriti yang sangat baik.**



## Nilai-Nilai Bersama

**Kami mengutamakan pelanggan dan komited untuk menyediakan perkhidmatan yang berkualiti;**


**Kami sentiasa berusaha untuk mencapai kecemerlangan dalam setiap perkara yang dilaksanakan;**

**Kami bekerja dalam satu pasukan bagi menjana kebolehan dan keupayaan bersama;**

**Kami mendukung dan mengamalkan integriti pada setiap masa; dan**

**Kami prihatin kepada komuniti dan alam sekitar.**

# Carta Organisasi 2013



# Anggota

## Perbadanan Putrajaya



1

**1 YBhg. Tan Sri Dato' Seri (Dr) Aseh bin Haji Che Mat**  
Pengerusi Perbadanan

**2 YDM. Tengku Orang Kaya Maha Bijaya Sepang, Tengku Dato' Dr. Jamaluddin bin Tengku Mahmud Shah Alhaj, D.S.I.S., J.P**  
Wakil Negeri Selangor

**3 Y.M Raja Haji Idris Raja Kamaruddin**  
Wakil Negeri Selangor

**4 YBhg. Dato' Ir. Haji Annies bin Md. Arif**  
Wakil Kerajaan Persekutuan (Jabatan Kerja Raya)

**5 YBhg. Dato' Hashmuiddin bin Mohammad**  
Wakil Kerajaan Persekutuan (Kementerian Kewangan)

**6 YBhg. Datuk Rahamat Bivi binti Yusoff**  
Wakil Kerajaan Persekutuan (Unit Perancang Ekonomi)

**7 YBhg. Dato' Khairudin bin E.S Abd. Samad**  
Wakil Swasta

**8 YBhg. Dato' Zainal Abidin bin Putih**  
Wakil Swasta (Pengerusi CIMB)

2



3



4



5



6



7



8



**Keanggotaan Perbadanan Putrajaya Terdiri Daripada:**

- Presiden Perbadanan Putrajaya yang bertindak sebagai Pengerusi;
- 3 orang wakil Kerajaan Persekutuan;
- 2 orang wakil Kerajaan Negeri Selangor; dan
- 2 orang wakil swasta.

**i. Komposisi tersebut adalah selaras dengan peruntukan subseksyen 5(1) Akta Perbadanan Putrajaya. Senarai Anggota Perbadanan Putrajaya sepanjang tahun 2013:**

Bil.	Agensi	Anggota	Tempoh Lantikan
1.	Pengerusi Perbadanan	YBhg. Tan Sri Dato' Seri (Dr) Aseh bin Haji Che Mat	01.08.2012 hingga 31.07.2014
2.	Wakil Negeri Selangor	YDM. Tengku Orang Kaya Maha Bijaya Sepang, Tengku Dato' Dr. Jamaluddin bin Tengku Mahmud Shah Alhaj, D.S.I.S., J.P	17.10.2012 hingga 18.10.2014
3.	Wakil Negeri Selangor	Y.M Raja Haji Idris Raja Kamaruddin	10.01.2013 hingga 09.01.2015
4.	Wakil Kerajaan Persekutuan (Kementerian Kewangan)	YBhg. Dato' Hashmuddin bin Mohammad	28.01.2013 hingga 27.01.2015
5.	Wakil Kerajaan Persekutuan (Unit Perancang Ekonomi)	YBhg. Datuk Rahamat Bivi binti Yusoff	21.11.2013 hingga 20.11.2015
6.	Wakil Kerajaan Persekutuan (Jabatan Kerja Raya)	YBhg. Dato' Ir. Haji Annies bin Md. Arif	25.07.2012 hingga 24.07.2014
7.	Wakil Swasta	YBhg. Dato' Khairudin bin E.S Abd Samad	18.02.2013 hingga 17.02.2014
8.	Wakil Swasta (Pengerusi CIMB)	YBhg. Dato' Zainal Abidin bin Putih	01.12.2012 hingga 30.11.2014

**ii. Mesyuarat Anggota Perbadanan Putrajaya**

Bil. Mesyuarat	Tarikh
Bil. 1/2013	21 Februari 2013
Bil. 2/2013	25 April 2013
Bil. 3/2013	9 Julai 2013
Bil. 4/2013	22 Ogos 2013
Bil. 5/2013	29 Oktober 2013
Bil. 6/2013	26 Disember 2013
Mesyuarat Khas	8 Mac 2013
<b>Resolusi:</b>	
Bil. 1/2013	8 Februari 2013
Bil. 2/2013	2 Ogos 2013
Bil. 3/2013	26 September 2013

# Mesyuarat Anggota

Perbadanan Putrajaya

Bil.	Nama Tarikh Mesyuarat	M1	Khas	M2	M3	M4	M5	M6	Catatat
		Feb	Mac	Apr	Jul	Ogo	Okt	Dis	
		21	8	25	9	22	29	26	Jumlah Hadir

## ANGGOTA PERBADANAN

1.	Tan Sri Dato' Seri (Dr) Aseh bin Haji Che Mat	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	7
2.	Tengku Dato' Dr. Jamaluddin	✗	✓	✓	✓	✗	✓	✗	4
3.	Datuk Rahamat Bivi bt Yusoff	✗	✗	✗	✗	✗	✗	✗	-
4.	Dato' Hashmuddin bin Mohammad	✓	✓	✓	✓	✓	✗	✗	5
5.	Dato' Khairuddin bin E.S Abd. Samad	✓	✓	✗	✓	✓	✓	✗	5
6.	Dato' Ir Haji Annies bin Md Arif	✗	✗	✗	✓	✗	✓	✓	3
7.	Dato' Zainal Abidn bin Putih	✓	✓	✓	✓	✓		✗	3
8.	Y.M. Raja Haji Idris Raja Kamarudin	✓	✓	✗	✓	✓	✗	✓	5

Bil.	Nama Tarikh Mesyuarat	M1	Khas	M2	M3	M4	M5	M6	Catatat
		Feb	Mac	Apr	Jul	Ogo	Okt	Dis	
		21	8	25	9	22	29	26	Jumlah Hadir

## ANGGOTA SILIH GANTI

1.	Puan Kholiah binti Ismail (silih ganti Dato Hashmuddin)	-	-	-	-	-	✓	✓	2
2.	Encik Noor Ihsan bin Che Mat (silih ganti Datuk Rahamat)	✓	✓	✓	-	✓	✓	✓	6
3.	Ir Azizul bin Ariffin (silih ganti Dato' Annies)	✓	✓	✓	-	✓	-	-	4

# Pengurusan Tertinggi

Perbadanan Putrajaya



**1 YBhg. Tan Sri Dato' Seri  
(Dr.) Aseh bin Hj. Che Mat**

Presiden  
Perbadanan Putrajaya

**2 Puan Mahiran binti Md. Isa**

Naib Presiden/Setiausaha  
Perbadanan Putrajaya  
Jabatan Undang-Undang  
Perbadanan Putrajaya

**3 YBhg. Datuk Hj. Muhamad  
Haitamin bin Ishak**

Naib Presiden Kanan  
Jabatan Perkhidmatan Korporat  
Perbadanan Putrajaya

**4 YBhg. Datuk Hj. Abd. Ghani  
bin Ahmad**

Naib Presiden  
Jabatan Perkhidmatan Bandar  
Perbadanan Putrajaya

**5 YBhg. Dato' Hj. Omairi  
bin Hashim**

Naib Presiden  
Jabatan Perancangan Bandar  
Perbadanan Putrajaya

**6 YBhg. Dato' Mohtar  
bin Kamirun**

Naib Presiden  
Jabatan Audit  
Perbadanan Putrajaya

**7 Tuan Haji Mohamad  
bin A. Shukor**

Naib Presiden  
Jabatan Landskap dan Taman  
Perbadanan Putrajaya

**8 Naib Presiden  
Jabatan Pembangunan Bandar  
Perbadanan Putrajaya**

# Jawatankuasa Audit

**1 Y. Bhg. Dato' Zainal  
Abidin Bin Putih**  
Pengerusi

**2 Y. Bhg. Datuk  
Dr. Rahamat Bivi Binti Yusoff**  
Ahli

**3 Y. Bhg. Dato'  
Ir. Haji Annies Bin Md. Arif**  
Ahli

**4 Y. Bhg. Dato' Hashmuddin  
Bin Mohammad**  
Ahli

# Alamat Pejabat Yang Berdaftar

## **PERBADANAN PUTRAJAYA**

Kompleks Perbadanan Putrajaya  
24, Persiaran Perdana, Presint 3  
62675 Putrajaya

**MALAYSIA**

---

# Latar Belakang

Perbadanan Putrajaya

---





## Penubuhan Perbadanan Putrajaya

Perbadanan Putrajaya ditubuhkan di bawah Akta Perbadanan Putrajaya 1995 (Akta 536) yang berkuatkuasa mulai 1 Mac 1996. Objektif penubuhan adalah untuk membangun, mentadbir dan mengurus Wilayah Persekutuan Putrajaya

## Fungsi Perbadanan Putrajaya

Fungsi Perbadanan Putrajaya sepertimana yang termaktub dalam Seksyen 4 Akta Perbadanan Putrajaya 1995 (Akta 536) merangkumi perkara-perkara berikut:

- (a) Melaksanakan segala fungsi kerajaan tempatan di dalam Wilayah Persekutuan Putrajaya;
- (b) Memajukan, menggalakkan, memudahkan dan mengusahakan pembangunan ekonomi dan sosial di dalam Wilayah Persekutuan Putrajaya;
- (c) Memajukan, menggalakkan, memudahkan dan mengusahakan pembangunan komersil, pembangunan infrastruktur serta juga pembangunan tempat tinggal di dalam Wilayah Persekutuan Putrajaya; dan
- (d) Mengawal dan menyelaraskan pelaksanaan aktiviti-aktiviti yang disebut dalam perenggan (b) dan (c) di atas.

# Aktiviti Utama

## Pejabat Setiausaha Perbadanan/ Jabatan Undang-Undang

- Memberikan khidmat kesetiausahaan kepada Anggota Perbadanan termasuk menyediakan dan menyemak kertas-kertas mesyuarat yang akan dibentangkan.
- Memberikan khidmat nasihat undang-undang berkenaan dengan perkara yang dirujuk oleh PPj dan syarikat milik PPj.
- Membuat penyelidikan mengenai perkara yang berkaitan dengan perundangan.
- Mengkaji, menyemak dan mendraf dokumen undang-undang seperti dokumen perjanjian, memorandum persefahaman, tender, *Request for Proposal* (RFP) dan sebut harga bagi memastikan kepentingan PPj dilindungi.
- Menggubal draf rang undang-undang dan draf undang-undang subsidiari.
- Meminda dan mengubahsuai undang-undang sedia ada.
- Menyediakan kes dan menjalankan pendakwaan di mahkamah.
- Mengendalikan rayuan kompaun; dan
- Menyelaras kes guaman sivil dan kes timbang tara.

## Jabatan Audit Dalam

- Menyediakan Rancangan Audit Tahunan untuk kelulusan Presiden dan Jawatankuasa Audit PPj.
- Mengkaji tahap permatuhan kepada segala dasar, undang-undang, peraturan dan arahan penguatkuasaan.
- Mengkaji kebolehpercayaan dan keberkesanan sistem kewangan serta kawalan dalaman organisasi.
- Memastikan aset dan kepentingan organisasi dilindungi dari segi kehilangan, penipuan dan penyelewengan.
- Menilai penjimatan, kecekapan dan keberkesanan penggunaan sumber-sumber PPj.
- Mengkaji sama ada aktiviti PPj diuruskan secara berhemat, cekap dan berkesan.
- Mengenal pasti masalah dan mengesyorkan langkah-langkah mengatasinya.
- Memberi nasihat/ pandangan mengenai kawalan dalaman terhadap semua sistem termasuk ICT.
- Menentukan keberkesanan data pengurusan PPj.
- Merancang dan menyelaras pengurusan risiko.
- Merancang dan melaksanakan audit sistem pengurusan kualiti MS ISO.
- Melaporkan hasil pengauditan kepada Presiden dan mengambil tindakan susulan terhadap perkara yang dibangkitkan; dan
- Membentangkan Laporan Audit Dalam di Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Audit dan Risiko dan Jawatankuasa Audit PPj.

## Jabatan Perkhidmatan Korporat

- Merancang dan melaksanakan strategi bagi mencapai Visi 2015 PPj.
- Menyelaras pelbagai program kualiti bagi meningkatkan kecekapan dan keberkesanan sistem penyampaian perkhidmatan.
- Menguruskan sistem kewangan melalui pengurusan hasil bersistematik dan pembelanjaan secara berhemah dengan menyediakan bajet berimbang.
- Menguruskan sistem perakaunan PPj dengan baik dan teratur melalui Sistem Perakaunan Berkomputer yang dapat memenuhi keperluan pelaporan kepada pihak pengurusan tertinggi dan pihak berkepentingan.
- Memantau pengurusan anak syarikat dan operator-operator agar dapat mencapai objektif yang telah ditetapkan.
- Merancang pembangunan sumber manusia melalui pelbagai aktiviti dan latihan bagi kemajuan kerjaya.
- Menguruskan perjawatan dan rekod perkhidmatan.
- Merancang dan melaksanakan sistem aplikasi ICT dalam pelbagai aspek pengurusan dan pentadbiran di PPj.
- Menyediakan kemudahan infrastruktur ICT bagi membolehkan warga PPj menyampaikan maklumat dengan cepat serta memberikan perkhidmatan yang berkualiti.

- Mengurus dan menganjurkan majlis dan acara rasmi serta menguruskan lawatan dan aktiviti penggambaran.
- Menguruskan promosi pelancongan dan publisiti berkaitan dengan Putrajaya. Menguruskan aduan dan khidmat pelanggan.
- Menguruskan perhubungan awam dan media.
- Menguruskan Kombo PPj dan pelbagai program-program kesenian dan kebudayaan; dan
- Merancang, mengurus dan mengawal selia pelbagai aktiviti yang meliputi pentadbiran am, aset, prasarana, perkhidmatan keselamatan dan kenderaan pejabat.

#### Jabatan Perkhidmatan Bandar

- Mengkaji dan merancang strategi pengurusan lalu lintas serta pelaksanaan Peraturan Lalu Lintas di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987 serta Ordinan Lalu Lintas 1959.
- Merancang, mengurus dan melaksanakan pengoperasian serta penyelenggaraan perkhidmatan pengangkutan bas berhenti-henti dan tempat letak kereta awam.
- Merancang dan menyelaras program keselamatan jalan raya.
- Merancang, melaksana, mentadbir dan menilai dasar, peraturan dan aktiviti yang berkaitan dengan pembangunan masyarakat serta perkhidmatan yang berkaitan dengannya.
- Merancang dan mengurus dasar, garis panduan dan proses yang berkaitan dengan hal ehwal pentadbiran operasi perkhidmatan kemudahan masyarakat seperti kompleks kejiranan, tanah perkuburan serta kemudahan dan peralatan yang berkaitan dengannya.
- Merancang dan melaksanakan dasar, peraturan serta aktiviti yang berkaitan dengan pembangunan sukan dan rekreasi serta perkhidmatan kemudahan yang berkaitan dengannya.
- Merancang, melaksana dan mengendalikan kemudahan perniagaan selari dengan perancangan dan pembangunan infrastruktur dan perkhidmatan perbandaran untuk masyarakat serta mewujudkan suasana perniagaan yang kondusif.
- Merangka strategi pemasaran yang berkesan bagi memajukan premis-premis perniagaan yang diluluskan oleh PPj dan mengenalpasti peluang-peluang perniagaan baru yang boleh menjana pendapatan kepada PPj.
- Merancang dan menguruskan perkhidmatan perbandaran seperti pengurusan sampah dan sisa pepejal/ kerja-kerja pembersihan jalan dan taman-taman awam.
- Merancang dasar pengurusan kesihatan awam dan melaksanakan program dan aktiviti kesihatan awam.
- Merancang dan menguruskan kerja-kerja penyelenggaraan bangunan dan premis kemudahan awam di Putrajaya; dan
- Menjalankan fungsi-fungsi penguatkuasaan termasuk membenteras kelakuan kurang sopan, kegiatan perjudian, laku musnah dan penyalahgunaan kemudahan awam.

#### Jabatan Perancangan Bandar

- Memproses dan menyelaras permohonan Kebenaran Merancang mengikut Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172).
- Menjalankan kajian-kajian perancangan merangkumi Rancangan Pemajuan (Rancangan Struktur, Rancangan Tempatan dan Rancangan Kawasan Khas) serta lain-lain kajian Reka Bentuk Bandar, Kualiti Kehidupan Bandar Raya, Bandar Hijau dan pelaksanaan LA21.
- Menguruskan permohonan melalui Pusat Setempat *One Stop Centre* (OSC).
- Menguatkuasakan seksyen-seksyen yang diperwakilan kuasa oleh Ketua Pengarah Alam Sekitar di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling (1974).
- Mentadbir dan mengurus alam sekitar, kawasan tadahan, sistem perparitan serta kerja tanah daripada aspek pemantauan dan pematuhan kepada kehendak alam sekitar bagi Fasa Pembinaan dan Fasa Operasi melalui perancangan, pengawasan, audit serta penguatkuasaan undang-undang berkaitan alam sekitar di Putrajaya dan kawasan sekitarnya.
- Mengurus tasik dan Wetland Putrajaya dari aspek perancangan dan pembangunan meliputi kawasan persiaran, pengurusan kawalan tadahan, kawasan persisiran, pembangunan kemudahan awam serta infrastruktur yang berkaitan dengan aktiviti tasik.
- Mengawasi operasi penyelenggaraan dan aktiviti di Tasik dan Wetland termasuk pengawasan kualiti air dan biologi, tumbuhan wetland, burung dan ikan.



- Mengawasi operasi Cruise Tasik Putrajaya mengikut piawaian yang ditetapkan.
  - Mengawal dan menguatkuasakan aktiviti pelayaran di Tasik Putrajaya.
  - Membuat penilaian bagi maksud cukai taksiran, sumbangan membantu kadar dan penilaian ad-hoc sebagaimana yang dikehendaki oleh PPj. Membuat tuntutan Sumbangan
  - Membantu Kadar bagi pegangan harta kerajaan kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.
  - Menguruskan pelbagai urusan pentadbiran tanah seperti permohonan pembangunan tanah, pengambilan tanah, pengurusan tanah-tanah milik PPj, mengurus dan memantau kerja-kerja pengukuran dan memproses permohonan Rumah Mampu Milik (RMM).
  - Menjadi Sekretariat Pesuruhjaya Bangunan bagi mengawal selia kesempurnaan penyelenggaraan dan pengurusan bangunan dan harta bersama, menyelesaikan pertelingkahan yang timbul dan menguatkuasakan peruntukan undang-undang berpandukan kuasa yang diberikan di bawah Akta Bangunan dan Harta Bersama (Penyenggaraan dan Pengurusan) 2007 (Akta 663) dan Akta Hakmilik Srata 1985 (Akta 318); dan
  - Memastikan pengeluaran kelulusan pelan bangunan, kebenaran permit, perakuan dan pemantauan yang dipertanggungjawabkan dengan mematuhi semua ketetapan dan peruntukan Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133) dan pindaan 2007, Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam (Selangor) dan pindaan 2007 serta selaras dengan garis panduan yang ditetapkan oleh PPj.
- Jabatan Pembangunan Bandar**
- Mengurus, menyelaraskan dan melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan berkaitan bangunan (*civil, structural and architectural*) serta pemasangan sistem mekanikal/elektrik bagi bangunan dan kemudahan awam milik PPj, lampu jalan serta lampu taman.
  - Merancang, mengurus, menyelaraskan serta melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan, penambahbaikan dan naik taraf jalan, jambatan, terowong, struktur dalam rizab jalan serta komponen berkaitan, cerun, sistem pengairan dan saliran serta lain-lain komponen infrastruktur milik PPj.
  - Memproses permohonan kelulusan Kerja Tanah, Kerja Jalan dan Perparitan, Kerja Lampu Jalan dan lampu isyarat serta Permit Kerja (Kerja di Jalan, Angkut Bahan, Tutup Jalan/Lorong, Kerja Malam dan Pecah Batu).



- Membangunkan projek-projek kemudahan awam dari *project inception* sehingga Sijil Akaun Muktamad dikeluarkan; dan Menguruskan tender dan kontrak supaya teratur mengikut syarat-syarat dan prosedur yang ditetapkan.

#### **Jabatan Landskap Dan Taman**

- Merancang, melaksana dan mengurus pembangunan kawasan landskap dan taman.
- Memberi kelulusan dan mengawal pembangunan landskap.
- Mengurus dan menyelenggara taman-taman dan kawasan landskap.
- Menguruskan operasi dan menyelenggara taman-taman awam.
- Merancang, membangun dan menguruskan sistem pengairan.
- Membangun dan mengurus sumber landskap berasaskan pendekatan bioteknologi.
- Memberi khidmat nasihat dan kepakaran teknikal serta menyediakan perkhidmatan senibina landskap, hortikultur, botani dan hidupan liar.
- Merancang, melaksana dan menguruskan operasi, pemasaran dan pendidikan taman.
- Merancang, mengurus dan menganjurkan acara/ aktiviti/ program berkaitan landskap; dan
- Merancang, mengurus dan melaksanakan aktiviti penyelidikan, pendidikan dan penerbitan dalam bidang senibina landskap, hortikultur, botani dan hidupan liar.




# Analisis Prestasi Kewangan



# Analisis Prestasi Kewangan

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013, Perbadanan Putrajaya telah mencatatkan kurangan pendapatan sebanyak RM9,254,841 berbanding kurangan pendapatan RM2,747,079 pada tahun 2012. Ini disebabkan oleh peningkatan sebanyak RM58,538,581 dalam jumlah perbelanjaan tahun 2013 berbanding tahun 2012. Sejumlah RM431,422,202 di catatkan dalam tahun 2013 berbanding RM372,883,621 pada tahun 2012.

**Jumlah Pendapatan dan Perbelanjaan, 2009-2013**



Peningkatan kepada jumlah pendapatan Perbadanan yang dicatatkan pada tahun 2013 adalah kesan daripada peningkatan dalam terimaan Geran Penyelenggaraan Bandar Raya Putrajaya dan Sumbangan Bantu Kadar. Bagi tahun 2013, sejumlah RM122,000,000 telah diluluskan dan disalurkan oleh Kementerian Kewangan berbanding RM121,000,000 dalam tahun 2012. Selain itu, Perbadanan telah menerima tambahan dana berjumlah RM15,576,417 bagi tujuan pengurusan Putrajaya International Convention Centre (PICC) selaras dengan keputusan pengambilalihan pengurusan PICC oleh Perbadanan Putrajaya daripada Jabatan Perdana Menteri mulai 1 Jun 2013. Pada tahun 2013, Perbadanan telah mengakaunkan sebanyak RM97,367,104 sebagai hasil Sumbangan Bantu Kadar



berbanding RM85,635,676 pada tahun 2012 yang turut menyumbang kepada peningkatan tersebut.

Sementara itu, perbelanjaan Perbadanan bagi tahun 2013 turut menunjukkan peningkatan berbanding yang dicatatkan pada tahun 2012. Perbelanjaan Penyelenggaraan Bandar Raya Putrajaya masih merupakan komponen perbelanjaan terbesar Perbadanan. Komponen perbelanjaan ini menyumbang sebanyak RM194,004,371 atau 44.97% kepada keseluruhan perbelanjaan Perbadanan. Bagi menampung perbelanjaan ini, Perbadanan telah menggunakan keseluruhan Geran Penyelenggaraan Bandar Raya Putrajaya yang diterima disamping turut ditampung daripada dana dalaman Perbadanan sendiri. Perbelanjaan ini dijangka akan

terus meningkat dari semasa ke semasa bagi memastikan Putrajaya sebagai Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan dapat diurus secara cekap dan berkesan agar memenuhi keperluan sosio ekonomi, rekreasi dan rohaniah penghuni, warga kerja dan pelawat.

Secara keseluruhannya, prestasi kewangan Perbadanan bagi tempoh 5 tahun iaitu dari tahun 2009 sehingga 2013 bagi lebihan/kurangan pendapatan dan rizab terkumpul adalah sebagaimana Graf Ringkasan Petunjuk Prestasi Kewangan di sebelah:



**Lebihan/Kurangan Pendapatan, 2009-2013****Rizab Terkumpul, 2009-2013**

## Pelaburan Dalam Anak Syarikat Subsidiari

Sehingga 31 Disember 2013, Perbadanan mempunyai 3 buah syarikat subsidiari di mana ketiga-tiga syarikat tersebut merupakan milikan penuh Perbadanan dengan jumlah pelaburan seperti di bawah:

Nama Anak Syarikat Subsidiari	Jumlah Pelaburan (RM)
Syarikat Pengangkutan Awam Putrajaya Sdn. Bhd.	100,000.00
Pj Hotels & Resorts Sdn. Bhd.	5,000,000.00
Marina Putrajaya Sdn Bhd. (Dahulunya Dikenali PPJKOM Sdn Bhd)	999,998.00
<b>Jumlah Keseluruhan</b>	<b>6,999,998.00</b>


## Hartanah, Loji & Peralatan Milik Perbadanan Putrajaya

Sehingga tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013, nilai hartanah, loji & peralatan milikan PPj adalah sebanyak RM3,617.1 juta. Amaun ini adalah setelah mengambilkira susut nilai terkumpul yang berjumlah sebanyak RM874.38 juta. Hartanah, Loji & Peralatan milikan Perbadanan adalah merangkumi tanah, bangunan, infrastruktur, taman-taman, tasik & wetland, loji dan jentera, peralatan, perabot dan kelengkapan, kenderaan, buku dan komputer. Perbadanan turut mempermodalkan aset kuda yang dikategorikan di dalam kelas aset hidupan.

**Hartanah, Loji & Peralatan PPj 2013**

Bangunan	1,151,672,087
Tasik & Wetland	755,540,796
Tanah	662,150,674
Taman	527,864,205
Infrastruktur	358,118,705
Komputer	55,522,925
Aset Dalam Binaan	47,294,996
Kenderaan	28,753,325
Perabot & Kelengkapan	19,324,735
Peralatan	8,712,912
Aset Haiwan	987,349
Bangunan Sementara	514,948
Buku	415,575
Loji & Jentera	238,184

Berdasarkan kepada pendapatan bersih dari tahun 2009 sehingga tahun 2013, tren hasil pulangan aset memperlihatkan bergerak secara menurun dengan drastik dan seterusnya bergerak secara mendatar dengan sedikit kenaikan pada tahun 2010. Walaubagaimanapun, tren ini menunjukkan penurunan kepada 3.9% pada tahun 2013.

**Nisbah Pulangan Aset Tetap 2009-2013**


# Laporan Aktiviti





# Laporan Aktiviti

## Anugerah dan Pengiktirafan

Bil.	Anugerah	Anjuran
1.	<p><b>Best in Class, category:</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Government, and</li> <li>Arts/Culture.</li> </ul> <p><b>2013 Communicator Awards, World Wide Web Domination</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Putrajaya Portal Visual Appeal- Gold</li> <li>Putrajaya Portal Travel/Tourism- Gold</li> <li>Putrajaya Portal Homepage- Silver</li> <li>Putrajaya Portal Community- Silver</li> <li>Putrajaya Portal Corporate Communications- Silver</li> <li>Putrajaya Portal Branding- Silver</li> </ul>	<p>Interactive Media Awards (IMA)</p> 
2.	<p><b>Longest Vertical Landscape Wall</b> (343 M Panjang x 3.4 M tinggi) bersempena dengan "Festival Bunga &amp; Taman, FLORIA Putrajaya 2013</p>	<p>The Malaysia Book of Records</p>
3.	<p><b>The Largest Gathering Of Inline Skating</b> (mencatatkan rekod penyertaan teramai: 829 peserta)</p>	<p>The Malaysia Book of Records</p>



Bil.	Anugerah	Anjuran
4.	<b>The Biggest Logo Made of Recycle Plastic Bottles</b> (menggunakan 22,400 botol plastik terpakai bagi membentuk logo Sambutan Hari Wilayah Persekutuan 2013)	<i>The Malaysia Book of Records</i>
5.	<b>"Most Number Of Fireworks Shots In A Single Event"</b> (melebihi 12,000 tembakan bunga api dalam satu acara)	<i>The Malaysia Book of Records</i>
6.	<b>Information Security Management System (ISMS) Certification Scheme</b> - Complying with MS ISO/IEC 27001:2007	Majlis Sirim 2013- Industri
7.	<b>ILAM Green City Award (Government) Honour Award</b> <b>Tree Inventory &amp; Management System (SIPP)</b>	<i>Institute of Landscape Architects Malaysia (ILAM)</i>
8.	<b>Anugerah Inisiatif Kejiranan Hijau</b> (di bawah kriteria pelaksanaan sistem pengumpulan dan penggunaan semula air hujan- SPAH)	Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan
9.	<b>Anugerah Ketua Pengarah Mampu dalam Kategori Teknikal.</b>	Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Perkhidmatan Awam peringkat Kebangsaan Ke-30
10.	<b>Melaksanakan Aplikasi Perakaunan yang Mematuhi Kriteria Pematuhan SAGA</b>	Jabatan Akauntan Negara Malaysia
11.	<b>Magic Of The Nights - Champion Overall Best Boat</b>	Kementerian Pelancongan Dan Kebudayaan Malaysia



## Peristiwa Penting

### **5th PUTRAJAYA INTERNATIONAL FIREWORKS COMPETITION 2013**

PPj telah menganjurkan Pertandingan Bunga Api Antarabangsa Putrajaya (PIFC 2013) yang melibatkan penyertaan enam (6) negara iaitu China, United Arab Emirates (UAE), Amerika Syarikat, Korea, Perancis dan Malaysia. Pertandingan berlangsung selama enam (6) malam bermula pada 30 Ogos 2013 dan berakhir pada 2 Oktober 2013. Bilangan pengunjung yang direkodkan adalah seramai 3.5 juta orang

Pertunjukan ini merupakan pertandingan bunga api berirama menggunakan teknologi "*microwave wireless*". PIFC 2013 juga telah berjaya mencatat rekod di dalam *Malaysia Book Of Records (MBR)* sebagai "*Most Number Of Fireworks Shots In A Single Event*" iaitu melebihi 12,000 tembakan bunga api dalam satu acara.



## FLORIA PUTRAJAYA 2013

Penganjuran FLORIA Putrajaya 2013 telah mengekalkan kejayaannya dengan peningkatan jumlah peserta pameran dari dalam dan luar negara, jumlah pengunjung, jumlah aktiviti dan juga penggerai. Pelbagai anugerah dan pengiktirafan telah diraih dan lebih istimewa lagi penganjuran FLORIA Putrajaya 2013 telah tercatat di dalam *Malaysia Book Of Records* untuk Pameran *Longest Landscape Vertical Wall*. Setiap pengunjung didedahkan dengan pelbagai maklumat mengenai landskap, hotikultur dan perkebunan yang boleh diamalkan serta mengambil bahagian dalam aktiviti-aktiviti yang diadakan. Pengusaha-pengusaha yang terlibat dalam industri landskap berpeluang untuk memperkenalkan produk serta meluaskan perniagaan mereka semasa festival berlangsung.





### **PUTRAJAYA INTERNATIONAL ISLAMIC ARTS AND CULTURE FESTIVAL (PIIACUF 2013)**

Buat julung kalinya PPj berjaya menganjurkan Festival Kesenian dan Kebudayaan Islam Antarabangsa dari 1 hingga 10 November 2013. Bertemakan "Dari Andalusia ke Putrajaya", objektifnya adalah menjadikan Putrajaya sebagai pusat kegemilangan kesenian dan kebudayaan Islam alaf baru. Pelbagai aktiviti diadakan seperti Persidangan Seni Bina

dan Alam Bina Antarabangsa, Pameran Kesenian Islam Antarabangsa, Tayangan Filem Islam Antarabangsa, Forum Islam Antarabangsa Putrajaya serta gerai-gerai Jualan Produk/Barangan Islam. Selain daripada penglibatan tuan rumah Malaysia, PPj berjaya mendapat sokongan dari Maghribi, Iran, Sepanyol, Indonesia dan Mesir. PIIACUF 2013 telah berjaya menarik seramai 250,000 ribu pengunjung.

Di samping itu, acara ini juga telah berjaya menjana pendapatan keseluruhan sebanyak RM335,126.60 yang mana sebanyak RM81,625.00 adalah melalui gerai jualan makanan dan RM253,501.60 pula melalui jualan di Souq PIIACUF 2013.



### **5th PUTRAJAYA INTERNATIONAL HOT AIR BALLOON FIESTA 2013**

Acara "Putrajaya International Hot Air Balloon Fiesta 2013", adalah merupakan antara program sukan udara berkala ternukil di dalam kalendar tahunan Perbadanan Putrajaya (PPj). Sehingga kini, penganjurannya telah memasuki tahun ke-lima penganjuran, semenjak dari tahun 2009. Untuk tahun 2013, ianya telah berjaya diadakan pada 28 - 31 Mac 2013, di Monumen Alaf Baru, Presint

2, Putrajaya, dan telah berjaya menarik kehadiran pengunjung yang melebihi 200,000 orang, yang terdiri daripada pelbagai segmen atau lapisan masyarakat.

Fiesta pada tahun 2013 telah melibatkan sebanyak sembilan (9) buah negara luar seperti Belgium, Netherlands, Thailand, USA, New Zealand, Vietnam, India, Poland dan Germany dan tidak ketinggalan Malaysia selaku tuan rumah. Sebanyak 23 buah belon udara panas, telah digunakan sepanjang fiesta berkenaan, di mana lima (5)

daripadanya telah dibuka untuk pengunjung atau orang ramai merasai pengalaman menaikinya, secara tethered. Selain daripada itu, sebagai pengisian fiesta, beberapa acara/program sampingan telah turut diadakan bagi memeriahkan penganjuran fiesta selama empat (4) hari itu.



### KARNIVAL WOW! PUTRAJAYA 2013

Karnival Wow! Putrajaya (KWP) 2013 yang merupakan salah satu dari *signature event* di Putrajaya, telah berlangsung pada 28 Februari – 3 Mac 2013. Karnival ini telah dirasmikan oleh YB Datuk Seri Raja Nong Chik bin Raja Zainal Abidin, Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar pada 28 Februari 2013. Karnival telah mencipta sejarahnya apabila berjaya mencatatkan lebih daripada 300 ribu orang pengunjung melebihi sasaran 150 ribu pengunjung sepanjang 4 hari penganjuran.

Karnival kali ini turut berjaya mencipta dua (2) rekod baharu dalam *Malaysia Book of Records* melalui percubaan "*The Largest Gathering Of Inline Skating*", yang berjaya mencatatkan 829 peserta dan "*The Biggest Logo Made of Recycle Plastic Bottles*" dengan sebanyak 22,400 botol plastik terpakai bagi membentuk logo Sambutan Hari Wilayah Persekutuan 2013.

### JEJAK PELANCONGAN PUTRAJAYA 2013 (PTH2013)

Acara yang telah dianjurkan pada 20 April 2013 ini merupakan penjenamaan semula kepada *Putrajaya Teasure Hunt* yang telah dianjurkan sebelumnya. Objektif acara ini adalah untuk memperkenalkan tempat-tempat menarik di Putrajaya. Satu kategori khas 'Pihak Berkuasa Tempatan' telah diperkenalkan dan mendapat 15 penyertaan.

Acara ini berjaya mendapat penyertaan 200 pasukan (kereta) dari seluruh negara melalui Kategori Terbuka, Pihak Berkuasa Tempatan dan Media. Hadiah keseluruhan yang ditawarkan ialah sebanyak RM31,000.00.

### SAMBUTAN AMBANG MERDEKA KE 56 TAHUN 2013

Buat pertama kalinya Putrajaya dipilih sebagai lokasi Sambutan Ambang Merdeka Ke 56. Acara ini telah berlangsung pada 30 Ogos 2013 di Marina Putrajaya, Presint 5. Majlis ini telah disempurnakan oleh YAB Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia diiringi oleh menteri-menteri kabinet.

### SAMBUTAN AMBANG TAHUN BAHARU 2014.

Buat kali kedua, Perbadanan Putrajaya dengan kerjasama AmBank telah berjaya menganjurkan Sambutan Ambang Tahun Baharu 2014 di Dataran Putrajaya pada 31 Disember 2013. Acara ini telah berjaya mengumpulkan lebih 500 ribu pengunjung untuk menyaksikan persembahan artis-artis popular tanah air, kiraan detik 12 malam dan pertunjukan bunga api. Pada malam yang sama juga acara "*soft launching Putrajaya Lighting Festival*" turut berlangsung.



## FESTIVAL RAMADAN PUTRAJAYA

Pada tahun 2013, buat julung kalinya Festival Ramadan Putrajaya diadakan di *Kiblat Walk* dan perkarangan Kompleks Perbadanan Putrajaya 2013. Objektif utama penganjuran festival ini adalah untuk menarik pelancong dan pengunjung ke Putrajaya dan menjadikan Putrajaya sebagai lokasi alternatif untuk mendapatkan barang keperluan sambutan hari raya Aidilfitri. Hasil jualan kasar bagi 50 peniaga barangan raya adalah sebanyak RM941,185.50 manakala bagi 20 peniaga mini pasar ramadan pula adalah sebanyak RM161,750.00 sepanjang sebulan. Anggaran jumlah pengunjung yang telah menghadiri festival ini adalah seramai 150,000.00 orang.

Bagi memeriahkan Festival Ramadan Putrajaya 2013, pelbagai pengisian telah dirancang untuk memeriahkan lagi festival yang dianjurkan. Antaranya jualan keperluan barangan raya, Aktiviti keagamaan dan persembahan kesenian islam oleh artis-artis terkenal dan ceramah / tazkirah agama oleh penceramah jemputan. Kemuncak Festival adalah pada hari Nuzul Al Quran di mana akan diadakan Forum Perdana, Majlis Khatam Quran dan persembahan artis jemputan Opick dan Habib Sheikh Assegaf.



### PROGRAM LAWATAN ALAMI 1PUTRAJAYA (AL1P)

Program yang merupakan inisiatif baru ini telah diilhamkan oleh Presiden Perbadanan Putrajaya. Program yang mengandungi pakej lengkap iaitu taklimat dan lawatan ini memberi peluang kepada pelbagai lapisan rakyat untuk melawat sekitar Putrajaya. Pegawai Muda PPj (Gred 41–48) telah dilantik sebagai Duta Pelancongan menyampaikan taklimat dan mengiringi lawatan di sekitar Putrajaya.

Sebanyak 37 rombongan (7,160 orang) telah menyertai program yang melibatkan pesara kerajaan, pemimpin masyarakat, NGO, persatuan penduduk, Rukun Tetangga, AJK Masjid dan Surau.

### PROGRAM BEST OF PUTRAJAYA TOUR (BOPT)

Program Best of Putrajaya Tour (BOPT) semakin mendapat sambutan dengan kadar RM1.00 menaiki bas khas untuk melawat tempat-tempat tarikan pelancong selama tempoh 2 setengah jam. Program ini dijalankan pada setiap Sabtu dan Ahad, jam 11.30 pagi dan 2.30 petang.



### LAWATAN RASMI KE PUTRAJAYA

PPj telah menerima kunjungan pemimpin serta organisasi daripada luar negara untuk berkongsi pengalaman dalam aspek perancangan dan pembangunan Putrajaya.

PPj juga telah menerima lebih dari 13,000 orang pengunjung seperti jadual berikut:

**Jadual : Jumlah Lawatan Yang Diterima bagi tahun 2011 - 2013**

Aktiviti Lawatan	2011		2012		2013	
	Bil. Kumpulan	Bil. Pelawat	Bil. Kumpulan	Bil. Pelawat	Bil. Kumpulan	Bil. Pelawat
Taklimat	47	1,170	47	1,411	54	3,584
Lawatan Berpandu	75	3,584	58	2,488	68	4,138
Taklimat dan Lawatan Berpandu	40	1,527	35	1,269	45	5,179
Lawatan Pembesar Negara	10	232	22	377	6	118
Lawatan Umum	15	1,888	22	1,125	4	280
<b>JUMLAH</b>	<b>187</b>	<b>8,401</b>	<b>184</b>	<b>6,670</b>	<b>177</b>	<b>13,299</b>

## PENGANJURAN ACARA TAMAN

Sepanjang tahun 2013, PPj telah melaksanakan 25 acara dan program taman. Taman-taman yang terlibat adalah Taman Botani, Taman Warisan Pertanian, Taman Wetland dan juga Taman Metropolitan. Jadual 1 menunjukkan statistik aktiviti dan program yang telah dijalankan dari sepanjang tahun 2013.

Antaranya ialah Program Putrajaya *Inter Parks Ride* (PIPR), Laman Seni Putrajaya, Jom Makan Buah, Pertandingan Pencarian Harta Karun, Pertandingan Cat Air, Pertandingan *Nature Photography*, Kembara Taman Anda 1Putrajaya 2013 dan *Walk of Hope*.

Dalam menganjurkan acara tersebut, PPj telah menjalinkan hubungan kerjasama dengan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Malaysia *Water Colour Society*, Universiti Lim Kok Wing, Fitrah Malaysia dan Dewan Bahasa dan Pustaka.

**Jadual 1 : Statistik Kalendar Acara & Program Taman Tahun 2013**

Nama Taman	Bilangan Kalendar Acara & Program Taman
	2013
1. Taman Warisan Pertanian	2
2. Taman Wetland	3
3. Taman Botani	11
Taman Metropolitan :	1
• Taman Putra Perdana	
• Taman Wawasan	
• Taman Saujana Hijau	
4. Lain-Lain Program:	
• Laman Seni Putrajaya	3
• Program PIPR	5
<b>Jumlah</b>	<b>25</b>

Bagi Taman Botani, sepanjang tahun 2013 telah berjaya mengurus dan melaksanakan program-program pendidikan, latihan industri, acara taman dan lawatan-lawatan rasmi. Antaranya ialah :

- Program *Botanical Discovery*
- Kursus Taman Botani Putrajaya : Tanaman Herba
- Program *Nature Art – Floral Pounding Environmental Acticity – Larian Botani*
- Kursus Taman Botani Putrajaya : Penanaman Bonsai



### Program Putrajaya Inter Parks Ride (PIPR)

Program Putrajaya *Inter-Parks Ride* (PIPR) merupakan program beriadah berbasikal secara berkumpulan di sekitar Putrajaya. Mendokong konsep 'Taman Sejahtera, Rakyat Sihat' program ini dianjurkan untuk meningkatkan kesedaran masyarakat terutamanya komuniti Putrajaya dan sekitarnya ke atas penggunaan taman-taman Putrajaya bagi kegiatan fizikal, terapi tekanan dan menyembuh penyakit.

Program PIPR dilaksanakan buat pertama kalinya pada 30 Mei 2010. Sehingga penghujung tahun 2013, PIPR telah merekodkan penganjuran sebanyak 23 siri. Tahun 2013 sahaja, program ini telah dilangsungkan sebanyak 5 kali dengan jumlah penyertaan adalah sebanyak 2,683 orang.

Selain aktiviti berbasikal, peserta program turut didedahkan mengenai flora dan fauna di dalam taman melalui edaran brosur dan *edu talk* yang diselit sepanjang perjalanan oleh kakitangan bertugas. Di akhir program peserta boleh membawa pulang hadiah berupa peralatan basikal atau rumah melalui aktiviti cabutan bertuah.

### Program Jom Makan Buah

Pada 6 hingga 10 Disember 2013 lalu, Perbadanan Putrajaya bersama Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) berkerjasama buat kali ke-9 menganjurkan program Jom Makan Buah bertempat di Tapak Laman 1 Malaysia, Presint 2, Putrajaya. Pelbagai aktiviti telah disusun buat pengunjung antaranya:

- Pameran taman-taman Putrajaya oleh pihak Perbadanan Putrajaya dan pameran mengenai kanser oleh Majlis Kanser Negara (MAKNA)
- Jualan pelbagai buah-buahan yang segar dari ladang, produk proses berasaskan buah-buahan, makanan popular seluruh Malaysia, pakej makan buah 'Pilih, Timbang dan Bayar', jualan anak-anak pokok dan varieti orkid serta menawarkan pelbagai input pertanian seperti peralatan menanam, baja dan sebagainya.
- Pertandingan memasak, pertandingan karaoke dan mewarna.

Pada tahun 2013, program ini telah merekod seramai 40,000 pelawat dengan kutipan hasil jualan sebanyak RM 132,600.00.

### Statistik Pengunjung dan Hasil Bagi Taman-Taman Putrajaya 2013

Sepanjang tahun 2013, sejumlah 939,862 pengunjung telah melawat ke taman-taman awam Putrajaya. Jadual 2 menunjukkan jumlah bilangan pengunjung ke taman-taman Putrajaya bagi tahun 2011 – 2013. Hanya Taman Wetland Putrajaya menunjukkan peningkatan pengunjung berbanding taman-taman lain yang dibuat perbandingan sebagaimana di jadual 2 di bawah.

**Jadual 2: Bilangan Pengunjung Taman Bagi Tahun 2011 - 2013**

Nama Taman	Bilangan Pengunjung Ke Taman		
	2011	2012	2013
1. Taman Warisan Pertanian	543,476	559,550	434,983
2. Taman Wetland	176,122	122,619	147,982
3. Taman Botani	257,314	482,558	356,897
<b>Jumlah</b>	<b>976,912</b>	<b>1,164,727</b>	<b>939,862</b>

Sejumlah RM 765,468 berjaya dikutip sebagai hasil melibatkan tiga taman utama yang menjalankan perkhidmatan kepada orang ramai di Putrajaya pada tahun 2013. Jadual 3 menunjukkan statistik kutipan hasil mengikut taman bagi tahun 2011 hingga 2013.

**Jadual 3 : Ringkasan Kutipan Hasil Bagi Taman, 2011 - 2013**

Nama Taman	Kutipan Hasil Taman –Taman (RM)		
	2011	2012	2013
1. Taman Warisan Pertanian	528,645.00	543,295.00	329,960.00
2. Taman Wetland	317,032.20	155,686.00	66,260.00
3. Taman Botani	347,733.00	385,067.00	369,248.00
<b>Jumlah</b>	<b>1,193,410.20</b>	<b>1,084,048.00</b>	<b>765,468.00</b>

## Program Anjuran Kumpulan Pegawai Muda

Kumpulan Pegawai Muda (PM) Perbadanan Putrajaya (PPj) terdiri daripada kakitangan PPj gred 41, 44 dan 48 telah melaksanakan pelbagai aktiviti dan program di Putrajaya yang merupakan antara penggerak utama bagi mencapai visi dan misi yang ditetapkan.

Pelbagai aktiviti dan program di bawah anjuran Pegawai Muda telah dilaksanakan sepanjang tahun 2013:

### Sekretariat Pelancongan

- Lawatan Kerja PPj ke Makassar pada 7 hingga 9 September 2013.
- Lawatan balas delegasi Pemerintah Kota Makassar seramai 40 orang yang diketuai oleh Walikotanya ke Putrajaya pada 1 hingga 6 Oktober 2013
- Lawatan sambil belajar ke Vietnam, 5 hingga 8 Oktober 2013.
- Soalselidik Kempen Berbasikal Ke Pejabat melibatkan semua kakitangan PPj



**Pertandingan & Pameran Kucing Putrajaya pada 14 dan 15 September 2013 melibatkan 150 ekor kucing telah dipertandingan di dalam 15 kategori penjurian.**

### Sekretariat Kerohanian

- Aktiviti berkuda bersama imam dan pegawai masjid di Unit Berkuda Penguatkuasa PPj di Presint 15 pada setiap hari Selasa,
- Solat Hajat dan Doa Keselamatan Negara di Lahad Datu, Sabah,
- Majlis Bacaan Yassin dan Doa Kesyukuran Sempena Hari Wilayah Persekutuan Tahun 2013,
- Majlis Tahlil Kakitangan PPj yang meninggal dunia,
- Ceramah agama dan motivasi,
- Pertandingan Kuiz Agama (Permainan Minda) Peringkat PPj, Peringkat Agensi dan Peringkat Sekolah, dan
- Kelas teknik bacaan Al-Quraan (Al-Baghdadi).

### Sekretariat Fotografi & Videografi:

- Merakam gambar-gambar aktiviti dan imej video dan dimuatturun ke dalam facebook Pegawai Muda dan Portal Tan Sri Presiden Perbadanan Putrajaya, dan
- Penyimpanan untuk arkib PPj gambar dan imej video sebagai rujukan dan kegunaan pada masa hadapan.

**Program Santai@Dataran Gemilang pada setiap hari Ahad yang dianjurkan mengikut penggiliran kumpulan-kumpulan kecil Pegawai Muda.**

### Putrajaya Autoshow, Convoy & Gathering

- Putrajaya Autoshow, Convoy & Gathering Siri 1 pada 19 Januari 2013 (melibatkan sebanyak 660 buah kenderaan)

- Putrajaya Autoshow, Convoy & Gathering Siri 2 pada 23 Mac 2013 (melibatkan sebanyak 888 buah kenderaan)
- Putrajaya Autoshow, Convoy & Gathering Siri 3 pada 19 Oktober 2013 (melibatkan sebanyak 2,200 buah kenderaan)

### Putrajaya RC Event.

- Edisi Pertama (16 dan 17 Februari 2013) dan Edisi Kedua (20 dan 21 April 2013)
- Program ini telah mendapat penyertaan dari dalam dan luar Negara di mana sebanyak empat acara utama telah diadakan melibatkan Pertandingan Perlumbaan RC Buggy (off Road), Pertunjukan RC Powerboat/ RC Sailboat dan Pameran Statik RC. Acara Utama yang telah dianjurkan pada edisi ke-2 oleh *Malaysian Nasional League (MNL)* ; Round 2 bagi acara *buggy* merupakan tarikan utama pada edisi tersebut.

**Karnival Taman Cabaran pada 27 hingga 29 Disember 2013.**

**Menubuhkan PPj Cycling Team bagi menyokong dan membantu aktiviti berbasikal yang dianjurkan di Putrajaya oleh PPj dan pihak luar.**





# Perancangan dan Pembangunan Bandar





# Perancangan dan Pembangunan Bandar

## Kajian Rancangan Struktur Putrajaya 2025

Visi pembangunan bagi Putrajaya adalah "Putrajaya Mampan 2025". Kajian RS Putrajaya 2025 ini akan jadi panduan pembangunan berteraskan 8 polisi yang dibentuk seperti berikut dan ia akan dipantau pelaksanaannya dari masa ke semasa.

- Polisi 1** - Melonjakkan Putrajaya Sebagai Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan Yang Cemerlang
- Polisi 2** - Membangunkan Ekonomi Bandar Yang Progresif Dan Pelbagai
- Polisi 3** - Memperkukuhkan Pelancongan Sebagai Fungsi Ekonomi Utama
- Polisi 4** - Memperkasakan Persekitaran Hidup Komuniti
- Polisi 5** - Putrajaya Ke Arah Bandar Hijau
- Polisi 6** - Melaksanakan Sistem Pengangkutan Bersepadu
- Polisi 7** - Menerapkan Pengurusan Guna Tanah Yang Responsif Dan Boleh Diadaptasikan
- Polisi 8** - Menerapkan Perkongsian Berkesan Dan Urus Tadbir Yang Baik.

Laporan Draf Akhir RS Putrajaya 2025 telah mendapat persetujuan dari Mesyuarat Anggota Perbadanan Putrajaya 12 Februari 2012. Seterusnya, Laporan RS Putrajaya telah dibentangkan dan mendapat kelulusan YB. Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar pada 14 Julai 2012 sebagaimana peruntukan Seksyen 10, Perintah Wilayah Persekutuan Putrajaya (Pembaharuan Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976) 2010. Laporan RS Putrajaya 2025 telah dibentangkan semula dan mendapat kelulusan dari Menteri Wilayah Persekutuan pada 22 Oktober 2013.



## Pusat Setempat (*One Stop Centre-OSC*)

Pusat Setempat, Perbadanan Putrajaya (OSC PPj) telah diwujudkan bertujuan menyelaraskan semua proses permohonan pemajuan di Wilayah Persekutuan Putrajaya supaya dipertimbangkan dalam jangka masa piagam yang ditetapkan.

Peratusan permohonan selesai berdasarkan piagam Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) untuk OSC PPj bagi keseluruhan tahun 2013 adalah 100%. Pencapaian ini telah melepasi sasaran KPI sebanyak 90% yang ditetapkan oleh Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP).



## Rancangan Tempatan

Draf Akhir Laporan Rancangan Tempatan bagi Kajian Rancangan Tempatan Presint 5,6 & 20, Putrajaya dan Kajian Rancangan Tempatan Presint 16,17 & 19, Putrajaya telah dibentangkan semula dan mendapat kelulusan dari YB Datuk Seri Menteri Wilayah Persekutuan pada 06 November 2013.

## Kawalan Perancangan

Sebanyak 63 permohonan Kebenaran Merancang telah diproses sepanjang tahun 2013.

Pemprosesan Permohonan Kebenaran Merancang adalah melalui E-Submission (EWS). Jenis permohonan adalah sebagaimana berikut.

- Permohonan Kebenaran Merancang Pelan Susun Atur
- Permohonan Kebenaran Merancang Pelan Pra-Hitungan
- Permohonan Kebenaran Merancang Pelan Pendirian Bangunan (KMPB)
- Permohonan Lanjutan Kebenaran Merancang Pelan Pendirian Bangunan
- Permohonan Perubahan Material (tukar guna kediaman kepada tadika/taska)

Sejak pelancaran Projek Perumahan Penjawat Awam 1Malaysia (PPA1M) oleh YAB Perdana Menteri Malaysia, Dato' Seri Najib Tun Abdul Razak pada 18 April 2013 di Putrajaya, sebanyak 7 Kelulusan Kebenaran Merancang telah dikeluarkan oleh Perbadanan Putrajaya dalam tahun 2013 yang meibatkan 6,627 unit kediaman jenis pangsapuri.

Berikut adalah di antara pemajuan yang telah diberi kelulusan Kebenaran Merancang pada tahun 2013.



## Kawalan Rekabentuk Bandar

Pencahayaan Bandar Raya (*Urban Lighting*) merupakan pencahayaan luaran bagi bangunan / struktur termasuk jalan, yang menonjolkan ciri-ciri estetik berkualiti yang diseimbangkan dengan keperluan keselamatan dan keselesaan awam.

Pelan Induk Pencahayaan Putrajaya (*Putrajaya Lighting Masterplan*) telah diguna pakai di Putrajaya sejak ianya diluluskan pada 26 September 2002 oleh Mesyuarat Anggota Perbadanan Putrajaya. Pada 15 Julai 2009, Mesyuarat Jemaah

Menteri telah bersetuju untuk meluluskan pemakaiannya sebagai dasar kerajaan yang perlu dipatuhi oleh semua kementerian, jabatan dan agensi kerajaan di Putrajaya.

Pencahayaan fasad luaran bangunan pada bangunan kerajaan dan bangunan komersil ini dapat menambah nilai dalam sektor pelancongan ke Putrajaya terutamanya di *Core Island / Persiaran Perdana*. Dalam masa yang sama pengawalan terhadap pencahayaan fasad bangunan ini akan membolehkan keunikan reka


bentuk bangunan dan elemen-elemen menarik dalam sesuatu bangunan terus dikekalkan.

Perbadanan Putrajaya juga telah menganjurkan '*Putrajaya Lighting Festival 2013*' pada 31 Disember 2013 bersempena sambutan Ambang Tahun Baru 2014 dan sedang merancang menganjurkan

'*Putrajaya Lighting Festival 2014*' pada bulan Disember 2014. Fasad bangunan ini juga dapat membantu dalam mengurangkan penggunaan tenaga kepada sesuatu bangunan sekaligus menepati visi kerajaan untuk menjadikan Putrajaya sebagai Bandar Berteknologi Hijau.



Menara Kerajaan di Presint 3



Jambatan Seri Wawasan



Menara Kerajaan di Presint 4



Pelancaran '*Putrajaya Lighting Festival 2013*'

## Local Agenda 21 Putrajaya

*Local Agenda 21* Putrajaya telah ditubuhkan pada 18 Disember 2008 dan pada tahun ini telah menginjak usia pelaksanaannya yang ke 5 tahun. Melalui Jawatankuasa Kerja seperti Jawatankuasa

Kerja Landskap dan Alam Sekitar, Jawatankuasa Kerja Kitar Semula, Jawatankuasa Kerja Keselamatan Jalan Raya dan Komuniti, Jawatankuasa Kerja Pembangunan Fizikal dan Jawatankuasa Kerja

Sosial dan Ekonomi, beberapa program telah dilaksanakan khusus bagi setiap golongan masyarakat di Putrajaya.

### Pelancaran Bandar Sejahtera Putrajaya "*Putrajaya Healthy City*"

Sebagai sebuah bandar yang menjadi contoh dan peneraju bagi bandar-bandar di Malaysia, Putrajaya telah mengambil inisiatif untuk menyertai "*Alliance for Healthy Cities*" sebuah gagasan yang mendukung hasrat bagi melahirkan komuniti bandar yang mengamalkan budaya hidup sihat di dalam kehidupan seharian. Majlis pelancaran telah disempurnakan oleh YB Dato' Dr Loga Bala Mohan, Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan pada 5 September 2013.



### Majlis Anugerah Sekolah Hijau ( Lestari) Putrajaya

Majlis ini telah diadakan pada 7 Mac 2013 dan pihak JK Induk telah menjemput YBhg Dato' Dr Sheikh Muzasphar, Angkasawan Negara bagi sesi ramah mesra dan motivasi bersama pelajar Putrajaya. Sekolah yang telah dinobatkan sebagai Sekolah Lestari Putrajaya 2013 ialah Sek Men Keb Putrajaya Presint 14 dan Sek Keb Putrajaya Presint 9(1).



Sejak pelaksanaan *Local Agenda 21* Putrajaya, program-program komuniti seperti Kenduri Rakyat LA 21, Program Beg Banner Kitar Semula, Forum Ehwat Islam LA 21, Program Anugerah Sekolah Lestari, Forum Kesihatan, Program Bandar Sejahtera, pembangunan surau komuniti, program Kebun Komuniti dan transformasi ke "*Urban Farming*", boleh dirumuskan komuniti yang terlibat memberikan sepenuh kerjasama bagi PPj merealisasikan program-program berkenaan.

## Pengurusan Projek Pembangunan

### Pencapaian

Dalam tahun 2013, projek yang telah disiapkan adalah seperti berikut :

- Surau Komuniti di Presint 14 di bawah program LA21

Projek-projek yang sedang dalam pembinaan ialah :

- Tempat Letak Kereta Bertingkat di Presint 4
- Depoh Bas di Presint 14 dan
- Pusara Negarawan di Presint 20

## Kawalan Bangunan

Fungsi Kawalan Bangunan ialah untuk memproses dan menyelaraskan pengemukaan pelan-pelan bangunan bagi tujuan mendirikan sesuatu bangunan baru, kekal atau sementara, memperbaiki, menambah atau mengubahsuai sesuatu bangunan sediaada,

mendudukinya secara keseluruhan atau sebahagian dan menguruskan hal-hal penambahbaikan apa-apa kehendak atau prosedur kerja yang berkaitan dengannya serta memantau aktiviti-aktiviti kawalan bangunan yang akan dibina, dalam pembinaan atau telah siap, dalam

kawasan Putrajaya, mengikut peruntukan Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133) dan kehendak Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam (Selangor) 1986.

Berikut adalah maklumat jenis-jenis permohonan dan bilangan permohonan yang diterima berdasarkan tiga tahun sebelum:

### Jumlah Permohonan Aktiviti Kawalan Bangunan, 2011 – 2013

Permohonan	2011	2012	2013
Kelulusan Mendirikan Bangunan (MB)	38	23	26
Kelulusan Pelan Pindaan (PP)	34	17	17
Perakuan Kelayakan Menduduki (CFO)	23	26	1
Perakuan Siap Dan Pematuhan (CCC)	21	89	19
Kelulusan Kerja-Kerja Kecil dan Ubahsuai (UB).	203	220	178
Permit Sementara	159	132	45
Khemah & Struktur Mudah Alih	111	110	74
<b>Jumlah Keseluruhan</b>	<b>589</b>	<b>617</b>	<b>360</b>

Jumlah permohonan bagi tahun 2013 menunjukkan pengurangan sebanyak 41% berbanding permohonan bagi tahun 2012. Pada dasarnya kebanyakan permohonan berkurangan kecuali permohonan Kelulusan Mendirikan Bangunan. Jumlah permohonan terbanyak bagi Tahun 2013 adalah daripada permohonan Kelulusan Kerja-Kerja Kecil dan Ubahsuai (UB) iaitu pengurangan sebanyak 19%.

## Kawalan Infrastruktur

### Penguatkuasaan

Kesalahan yang direkodkan bagi program Penguatkuasaan Kawalan Infrastruktur sepanjang tahun 2011 - 2013, adalah sebagaimana Jadual di bawah.

Program Penguatkuasaan	Tahun			
	2011	2012	2013	Jumlah
Penyediaan laporan status pematuhan, prosedur kompaun/mahkamah	13	5	6	24
Kawalan pemantauan bagi kerja-kerja pembinaan infrastruktur (kerja tanah, jalan dan perparitan) untuk memastikan pembinaan dijalankan menurut pelan yang diluluskan.(1 kali/minggu)	42	48	34	124
Mengawal kerja-kerja penggalan oleh agensi kemudahan awam untuk mencegah penggalan tanpa kebenaran (2 kali/minggu)	24	24	18	66

Berdasarkan pemerhatian terhadap rekod program penguatkuasaan dari tahun 2011 hingga 2013, didapati terdapat pengurangan yang ketara bagi tindakan penguatkuasaan. Ini disebabkan oleh kesedaran pihak kontraktor/ perunding untuk mematuhi ulasan perbadanan dalam tempoh yang ditetapkan sebelum surat peingatan dikeluarkan.

## Pengurusan Tanah-Tanah Milik PPj Dan Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP)

Selaras dengan keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri, PPj bertanggungjawab membuat permohonan tanah kerajaan yang akan diberi hak milik kepada Pesuruhjaya Tanah

Persekutuan dan juga tanah milik PPj iaitu permohonan berkaitan pembangunan tanah, pengambilan tanah, dan memantau kerja-kerja pengukuran tanah.

Berikut adalah senarai aktiviti-aktiviti dan pencapaian yang berkaitan dengan pengurusan hartanah sepanjang tahun 2013.

Aktiviti	Pemohon
Mengurus permohonan pindahmilik	15 permohonan
Mengurus permohonan pemberihakmilikan	28 permohonan
Mengurus pajakan	10 permohonan
Mengurus perizaban	28 permohonan

Pada tahun 2013, sebanyak 15 permohonan bagi pindahmilik tanah telah dipohon bagi memastikan tapak-tapak tanah seperti kemudahan awam dan utiliti milik PTP dipindah milik kepada PPj.

Sebanyak 28 permohonan pemberihakmilikan tanah telah dipohon bagi memastikan tapak-tapak tanah milik Pesuruhjaya Tanah Persekutuan dan Perbadanan Putrajaya diberimilik.

Jumlah permohonan perizaban tanah adalah sebanyak 28 permohonan yang meliputi kawasan lapang, taman-taman dan jaluran hijau. Perizaban tanah ini adalah memastikan kawasan hijau di Wilayah Persekutuan Putrajaya dapat dijaga dan dipelihara bagi kegunaan awam.




## Bandar Hijau


### Inventori Tahap Pelepasan Gas Rumah Hijau di Putrajaya

Inventori tahap pelepasan Gas Rumah Hijau (*Green House Gas-GHG*) Putrajaya yang pertama telah dijalankan pada tahun 2010 dan menetapkan tahun 2007 sebagai tahun asas untuk pengukuran tahap GHG. Inventori secara interim yang seterusnya telah dilaksanakan pada tahun 2013 berdasarkan data tahun 2012. Hasil inventori menunjukkan tahap pelepasan GHG tahun 2012 adalah sebanyak 1,135ktCO<sub>2</sub>eq berbanding dengan tahun 2007 sebanyak 664 ktCO<sub>2</sub>eq iaitu peningkatan sebanyak 1.7 kali ganda. Sektor bangunan (748ktCO<sub>2</sub>eq) masih kekal sebagai sektor pelepasan GHG yang utama di bandar ini dan diikuti oleh sektor pengangkutan (338ktCO<sub>2</sub>eq) dan sektor sisa pepejal (49ktCO<sub>2</sub>eq).

### Perbandingan Tahap Pelepasan



### Tahap Pelepasan GHG Tiga Sektor



Sumber-sumber pelepasan GHG utama yang dikenalpasti adalah daripada tenaga elektrik, produk petroleum, LPG, natural gas dan metana. Pelepasan tertinggi adalah daripada penggunaan tenaga elektrik iaitu sebanyak 563ktCO<sub>2</sub>eq. Secara keseluruhannya, tahap pelepasan

per kapita di Putrajaya adalah sebanyak 12.6tCO<sub>2</sub>eq. Hasil laporan inventori ini juga telah dibentangkan dalam persidangan antarabangsa *Conference of Parties 19 (COP19)*, *United Nations* di Warsaw Poland, November 2013.

**Bangunan**   **Pengangkutan**   **Sisa**

### Forum Bandar Hijau Karbon Rendah Putrajaya

Sepertimana yang disarankan dalam 12 Tindakan Utama untuk mencapai Putrajaya Bandar Hijau 2025, salah satu program adalah melalui pendidikan dan usahasama bersama pihak kepakaran dalam teknologi bandar hijau. Untuk

tujuan tersebut Forum Bandar Hijau Karbon Rendah yang pertama telah diadakan pada 3 Julai 2013, bertempat di Dewan Seri Melati, Kompleks Perbadanan Putrajaya. Tema forum tersebut adalah sumber tenaga boleh diperbaharui. Empat orang penceramah jemputan dari agensi Sustainable

Development Authority Malaysia (SEDA) dan syarikat Kris Biofuels Sdn. Bhd telah menyampaikan taklimat berkenaan sumber tenaga boleh diperbaharui dan sumber tenaga alternatif.



### Lawatan sambil belajar

Tiga lawatan sambil belajar telah dianjurkan di bawah program bandar hijau karbon rendah untuk mendapatkan pendedahan perkembangan teknologi hijau di bandar-bandar lain. Sasaran peserta

lawatan termasuk warga PPj, guru dan pelajar sekolah-sekolah Putrajaya. Antara tempat-tempat yang dilawati adalah:

- Binaan *Green Energy Office (GEO)*, *Greentech Malaysia*, Bandar Baru Bangi,
- Syarikat *Kris Biofuels Sdn Bhd*, Shah Alam, dan
- *Recycle Energy Sdn. Bhd*, Semenyih, Selangor.

## Alam Sekitar, Tasik Dan Wetland

### Pengurusan Alam Sekitar Putrajaya

Pengurusan alam sekitar di Putrajaya sentiasa memberi fokus kepada usaha mewujudkan persekitaran Putrajaya yang mampan melalui keseimbangan alam sekitar, kesihatan, ekonomi, sosial, agama dan kebudayaan di setiap peringkat perancangan, pemantauan dan penguatkuasaan alam sekitar. Selain itu program pendidikan dan kesedaran alam sekitar juga menjadi elemen utama bagi melahirkan komuniti Putrajaya yang mampan dan mengamalkan amalan lestari alam sekitar dalam kehidupan seharian.

### Objektif Program Pengurusan Alam Sekitar Putrajaya adalah:

- Menggabungkan aspek-aspek pengurusan alam sekitar dalam perancangan, pengawasan dan peningkatan sistem pengurusan kualiti alam sekitar di dalam pembangunan projek selaras dengan konsep Pembangunan Mapan.
- Memastikan pematuhan kepada kehendak-kehendak alam sekitar selaras dengan perwakilan kuasa seksyen-seksyen tertentu dan peraturan-peraturan yang berkaitan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 serta akta dan garis panduan lain yang berkaitan.

- Meningkatkan tahap kesedaran orang ramai bagi mewujudkan komuniti Putrajaya yang prihatin dan bertanggungjawab terhadap pemuliharaan alam sekitar serta mengamalkan budaya mesra alam.

Program Penguatkuasaan Alam Sekitar memerlukan penglibatan, komitmen dan kawalan yang lebih cekap dan berkesan selaras dengan bertambahnya punca-punca pencemaran yang dijangka meningkat dari tahun ke tahun seperti berikut:

- Pencemaran efluent/discaj yang berpunca daripada bilangan premis perniagaan dan fasa operasi yang bertambah.
- Pencemaran air larian daripada kawasan pengajuran acara akibat bertambah permintaan mengadakan acara di Putrajaya

Penglibatan lebih aktif pihak komuniti, swasta, NGO, sekolah dan IPTA dapat meningkatkan tahap pendidikan alam sekitar seperti program *Local Agenda 21*, program *Greening For A Sustainable Future* dan Program Anugerah Sekolah Lestari Putrajaya.



Persembahan Eco drum Sekolah Menengah Presint 14(1) Putrajaya



Program Anugerah Sekolah Lestari 2012 - 2013

### Pengurusan Bersepadu Tasik Dan Wetland

Pengurusan Bersepadu Tasik dan Wetland Putrajaya telah diperakui antara yang terbaik dengan pengiktirafan antarabangsa sebagai satu daripada tujuh tapak operasi *UNESCO-IHP Ecohydrology Programme* sejak Februari 2011.

Kerja-kerja Penyelenggaraan Struktur dan Kemudahan serta Penyelenggaraan Tumbuhan Wetland sama ada secara rutin dan berkala berjalan lancar. Wetland berfungsi dengan baik sebagai penapis semulajadi air tasik dimana kualiti air tasik berkenaan didapati lebih baik berbanding kualiti air yang masuk. Purata Indeks Kualiti Air tasik juga masih mengekalkan pencapaian dalam julat Kelas II iaitu 88.7. Meskipun begitu, terdapat beberapa insiden pencemaran limpahan kumbahan dan nutrien berlebihan di perairan tasik Presint 2 dan Presint 6. Pemeriksaan menyeluruh dari aspek sistem saluran, keberkesanan *Continuous Deflective Separation (CDS)* serta kekerapan kerja pembersihan optimum masih dijalankan agar pencemaran dapat dikekang di peringkat punca.

Data-data kepelbagaian biologi pula menunjukkan status semasa yang baik dengan penemuan 13 spesies amfibia, 14 spesies reptilia, 9 spesies mamalia, 767 spesies serangga serta 124 spesies burung, termasuk 22 spesies burung hijrah yang singgah di sini pada Oktober hingga April 2013 khususnya di sel *Upper Bisa*, Presint 16. Pemantauan juga merekodkan 9 spesies burung baru ditemui, termasuklah *Asian Openbill (Anastomus oscitans)*, *Ruddy-breasted Crake (Porzana fusca)* dan *Asian Drongo Cuckoo (Dendronanthus indicus)*.

Spesies akuatik paling asas sebagai sumber makanan iaitu *phytoplankton*, *zooplankton* dan *macrobentos* juga menunjukkan hirarki yang seimbang serta membantu kemandirian dan tumbesaran spesies ikan yang direkodkan sebanyak 18 spesies termasuk kelah, temoleh, tenggalan dan ketutu. Bagi tujuan pengurusan ikan yang mapan, sebanyak 5,576 ekor Temoleh, 368 ekor Kelah, 500 ekor Kelah Merah, 28,380 ekor Lampam Sungai, 2,460 ekor Baung dan 5,000 ekor Kerai Lampam telah dilepaskan pada tahun 2013 hasil sumbangan Jabatan Perikanan Malaysia di bawah Program Pelepasan Umum. Kesemuanya berjumlah 42,284 ekor.

Bagi memperkukuhkan pengiktirafan Tasik dan Wetland Putrajaya sebagai tapak UNESCO-IHP yang menekankan kepada 3 proses saintifik penting iaitu ekosistem (biotik), proses hidrologi dan penglibatan pihak awam, aktiviti-aktiviti berikut telah dilaksanakan, iaitu:


- 4 Siri Sirkuit Pancing Putrajaya;
- Bengkel dan Pertandingan Fotografi;
- Mengenali dan Mengenal Pasti Burung;
- *Putrajaya Lake & Wetland Explorace*;
- Pameran dan Demonstrasi Sumber Kuasa Alternatif Bot (Teknologi Hijau);
- Program perkongsian ilmu bersama Pensyarah Fakulti Kejuruteraan Awam UiTM Shah Alam, UM, UTM, UPM, Politeknik Sultan Azlan Shah, Politeknik Sultan Alam Shah, Puncak Niaga, peserta seminar *Transboundary Water Assessment Programme (TWAP)*, Institut Penyelidikan Hidraulik Kebangsaan (NAHRIM), peserta Kem Pemimpin Muda Prihatian Air UNESCO-IHP peringkat Kebangsaan (Zon Selatan, Borneo dan Zon Timur) dan delegasi *Sejong Metropolitan Autonomous City* serta delegasi Bandung, Indonesia; dan

- 6 siri *Environment Ecosystem Educational Programme (3EP)* dan 2 siri *Healthy Community Healthy Ecosystem (HCHE)* bersama komuniti Putrajaya.

Program-program seumpama ini telah memberi kesan kepada 12,600 orang peserta dan akan terus diperhebatkan sebagai satu langkah mempromosikan kempen kesedaran dan penyertaan pihak awam untuk menghargai Tasik dan Wetland Putrajaya agar faedah yang kita nikmati pada hari ini dapat terus kekal dan diwarisi oleh generasi akan datang.

**Indeks Kualiti Air Tasik Putrajaya**

WQI (AVE) 2001-2013



Pandangan 'bird eye view' sel Upper North (UN) Wetland Putrajaya



(kiri) Spesies burung Asian Openbill (*Anastomus oscitans*) dan (kanan) Asian Drongo Cuckoo (*Dendronanthus indicus*) direkodkan buat pertama kali pada 2013

Spesies Burung Botak Padi atau Upeh Sawah (*Painted Stork*) yang disenaraikan sebagai spesies hampir terancam kepupusan secara global oleh *International Union Conservation of Nature (IUCN)* masih menjadikan Tasik dan Wetland sebagai habitatnya dan sering ditemui di sini sejak tahun 2009.



Sirkuit Pancing Putrajaya 2013 merekodkan 9934 orang peserta. Sebanyak 875 ekor ikan telah berjaya dinaikkan dengan spesies paling popular ialah Lampam, Baung, Tenggalan, Temoleh, Jelawat dan Toman.



Explorace Putrajaya 2013 menghimpunkan 406 peserta dari 30 buah IPT seluruh Malaysia



Excellence Award bagi kategori Green City Awards, Malaysia Landscape Architecture Awards (MLAA)



# Perkhidmatan Perbandaran



# Perkhidmatan Perbandaran

## Pengurusan Kompleks PPj

Pasukan Pemantau Kompleks PPj yang telah wujud sejak tahun 2009 terus berperanan dalam membuat pemeriksaan secara berkala dan melaporkan sebarang kerosakan. Tahun 2013 telah merekodkan aduan sebanyak 579 kerosakan kecil. Kerosakan-kerosakan yang dilaporkan telah dilaksanakan pembaikannya oleh kontraktor yang dilantik. Didapati terdapat kenaikan hanya sebanyak 1% sahaja bagi tahun 2013 berbanding 2012. Ini

adalah ekoran dari tindakan proaktif dan preventive *maintenance* yang telah dilaksanakan oleh PPj. Unit Keselamatan PPj dengan 15 orang anggota adalah bertanggungjawab bagi memastikan kawalan keselamatan aset milik PPj termasuk bangunan kompleks PPj, premis dan taman-taman awam adalah terpelihara. Unit Keselamatan ini turut dibantu oleh 407 pengawal keselamatan swasta yang dilantik secara kontrak.

Sebagai tambahan, penggunaan kamera litar tertutup (Close Circuit TV-CCTV) juga turut dilaksanakan mulai Oktober 2013 bagi meningkatkan tahap kawalan keselamatan. Sebanyak 39 unit CCTV telah dipasang di Kompleks PPj.

## Sewaan Dewan Persidangan Dan Auditorium

Selain pejabat, Kompleks PPj juga mengandungi 2 komponen dewan iaitu Dewan Persidangan yang terdiri daripada Dewan Sri Melati dan Dewan Sri Siantan serta Auditorium Cempaka Sari. Terdapat juga sebuah dewan yang terletak di Presint 15 iaitu Dewan Sri Seroja. Kemudahan-kemudahan ini menyediakan ruang untuk aktiviti-aktiviti kemasyarakatan seperti majlis perkahwinan, mesyuarat agong, persembahan, konsert dan sebagainya.

Untuk tahun 2013, hasil kutipan sewaan dewan-dewan tersebut telah menunjukkan sedikit peningkatan iaitu sebanyak 8% atau RM1,752,858.00 berbanding tahun 2012 iaitu sebanyak RM1,618,308.00 dan tahun 2011 iaitu sebanyak RM1,217,914.00.

Selain itu, terdapat juga lot-lot pejabat/komersil yang disewakan kepada agensi kerajaan, organisasi korporat dan syarikat-syarikat swasta. Jumlah lot yang disewakan adalah seperti di bawah:

- 20 unit di Kompleks PPj;
- 5 unit di Kompleks Pejabat Kedutaan dan Pusat Pelawat di Presint 15;
- 3 unit di Pangsapuri Putra Damai.

Hasil kutipan sewa lot pejabat/komersil telah meningkat bagi tahun 2013 iaitu sebanyak 18% dengan jumlah RM5,414,379.06 berbanding tahun 2012 iaitu sebanyak RM4,457,112.00 dan tahun 2011 iaitu sebanyak RM5,638,751.00



## Sewaan Kuarters PPj

PPj turut mempunyai 425 unit rumah mampu milik yang terletak di Pangsapuri Putra Damai, Presint 11, Putrajaya. 55 unit rumah diperuntukan untuk pegawai/kakitangan tetap, kontrak dan sambilan PPj. Manakala selebihnya iaitu berjumlah 365 unit disewakan kepada penyewa luar dengan kadar antara RM400.00 hingga RM500.00 sebulan berdasarkan aras rumah.

Daripada jumlah tersebut, sebanyak 5 unit rumah telah dijadikan sebagai Rumah Tetamu di mana 3 unit mempunyai 3 bilik tidur dan 2 unit lagi mempunyai 2 bilik tidur. Rumah-rumah ini disediakan adalah bertujuan untuk disewakan kepada tetamu PPj, Kementerian Wilayah Persekutuan, pihak yang ada urusan rasmi dengan PPj serta pegawai & kakitangan PPj untuk tempoh jangka pendek. Bagi tujuan penyelesaian, rumah-rumah tersebut telah

dilengkapkan dengan kemudahan asas seperti TV, penghawa dingin, katil, sofa, meja makan, almari pakaian, *microwave* dan sterika.

Hasil kutipan sewaan kuarters kepada pegawai/kakitangan PPj bagi tahun 2013 adalah sebanyak RM132,880.00, manakala untuk penyewa luar adalah sebanyak RM1,748,700.00. Manakala hasil sewaan Rumah Tetamu pula adalah sebanyak RM21,420.00.


## Sewaan Lot Niaga

Sepanjang tahun 2013, tiada premis baru yang dibangunkan oleh PPj. PPj juga telah menyerahkan pengurusan lot-lot kedai dan kios di Putrajaya Sentral, Presint 7 kepada Syarikat Pengangkutan Awam Putrajaya Sdn. Bhd. bermula 01 Mei 2013. Penyerahan ini dilaksanakan bagi memudahkan penyelarasan aktiviti-aktiviti pemantauan pengurusan kontrak premis-premis tersebut.

Selain itu juga, PPj menjalankan pemantauan bayaran sewa mengikut masa yang telah ditetapkan di samping menyelia operasi perniagaan premis-premis di bawah kawalan PPj. Pertemuan dengan penyewa dibuat dari masa ke semasa bagi mengetahui masalah-masalah mereka dan juga penerangan mengenai dasar-dasar PPj.

Pengurusan kontrak premis yang lebih efisien ini telah menunjukkan kesannya apabila jumlah keenggaran oleh penyewa juga dapat dikurangkan terutamanya selepas taklimat diadakan.

**Carta 1: Bilangan Premis Sewaan PPJ 2010 - 2013**



Secara keseluruhannya terdapat 195 premis perniagaan di bawah seliaan PPj yang ditawarkan untuk sewaan seperti Carta 1. Sebanyak 83.0% daripada jumlah tersebut telah berjaya disewakan dan selebihnya 17.0% belum disewakan kerana terdapat kerja-kerja pembaikan yang sedang dilaksanakan. Penambahbaikan infrastruktur

dilaksanakan bagi menambahkan imej dan keceriaan premis disamping boleh menampung lebih ramai pengunjung ke sesebuah premis. Ketika ini pengubahsuaian dijalankan di Medan Selera presint 8 dan kawasan Penangah, Taman Warisan Pertanian, Presint 16.

Pengurusan kontrak penyewaan yang lebih efisien dilaksanakan bagi memastikan kelicinan operasi bagi setiap premis dibawah kawalan PPj. Taklimat dan perjumpaan dengan penyewa-penyewa lebih kerap dibuat bagi memastikan mereka lebih tahu skop dan tanggungjawab dengan jelas.

## Program Pembungaan Putrajaya

Putrajaya selaku Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan yang bertemakan Bandar Dalam Taman, Bandar Hijau dan Bandar Berbunga telah dapat direalisasikan melalui Program Pembungaan Putrajaya. Sekaligus, program ini mencerminkan inisiatif dinamik untuk mempromosikan Putrajaya sebagai destinasi pelancongan antarabangsa yang unggul di rantau ini.

Bagi melaksanakan Program Pembungaan Putrajaya ini, Perbadanan Putrajaya telah mengenalpasti beberapa *venue* strategik untuk ditingkatkan keindahan landskapnya termasuk di semua pintu masuk utama ke Putrajaya, Teres Bunga PUTRAJAYA,

Jalan-jalan protokol, pintu masuk ke semua kompleks pejabat Kerajaan, Istana Melawati, Istana Darul Ehsan, Pejabat Perdana Putra, Kompleks Jabatan Perdana Menteri, Kompleks Seri Perdana, Sri Satria, Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC), Persiaran Perdana, Dataran Putrajaya, Dataran Putra, Dataran Wawasan, Dataran Rakyat, Persisiran Tasik, Taman-taman awam dan beberapa lokasi utama lain yang merupakan satu usaha transformasi pengindahan bandar yang berasaskan inovasi dan kreativiti.

Program Pembungaan Putrajaya ini melibatkan penggunaan tidak kurang daripada 500,000 tanaman bunga semusim (*annuals*) setiap

bulan yang terdiri daripada pelbagai spesies, *kultivar* serta *hibrid* dengan pelbagai bentuk, saiz dan warna bunga yang akan mewarnai landskap Putrajaya sepanjang tahun. Program ini telah berjalan sepenuhnya semenjak pertengahan tahun 2013 dan ianya merupakan pameran hamparan bunga semusim dengan kepelbagaian reka bentuk dan warna bunga melalui konsep "*Carpet Of Flowers*", "*Terrace Of Flowers*", "*Flower Tapestry*", "*Flower Avenue*", "*Flower Tower*", "*Hanging Flowers*" dan sebagainya untuk tatapan warga penduduk dan pelawat yang berkunjung ke Putrajaya sepanjang masa.



## Pengurusan Pokok Ameniti

Pengurusan Pokok Ameniti yang dilaksanakan sepanjang tahun 2013 telah dapat menyelesaikan kes-kes pokok tumbang di Putrajaya dalam tempoh dengan segera dan lebih cekap. Dengan penambahbaikan program pengurusan penyelenggaraan serta pemangkasan pokok ameniti yang diuruskan lebih sistematik, mengikut jadual berkala dan professional banyak membantu memberikan impak yang positif

Program/Aktiviti	Kualiti/ Kuantiti/ Masa	Data Dari 1 Januari hingga 31 Disember 2013	
		Bilangan diterima	Bilangan diselesaikan dalam tempoh
<b>Kerja-Kerja Pengurusan Pokok Ameniti</b>			
Mengambil tindakan bagi kes pokok tumbang:  ● Kawasan kritikal (kawasan jalan, kawasan rumah, kawasan pejabat dan kawasan yang mengganggu kepentingan awam)	Serta merta (dalam tempoh 24 jam)	586 kes	586 kes
● Kawasan tidak kritikal (kawasan taman dan kawasan yang tidak mengganggu kepentingan awam)	Dalam tempoh 2 hari (14 hari dalam tempoh <i>estimated respond time</i> )	508 kes	508 kes

## Propagasi Tumbuhan Nurseri Pusat, Hiasan Acara dan Majlis

Salah satu peranan Nurseri Pusat Perbadanan Putrajaya adalah sebagai pusat untuk propagasi dan penyimpanan stok tumbuhan serta menampung keperluan landskap lembut di Putrajaya. Pada masa kini, telah banyak kawasan-kawasan landskap di Putrajaya yang telah dinaiktaraf menggunakan sumber tanaman dari Nurseri Pusat.

Perbadanan Putrajaya melalui Jabatan Landskap dan Taman banyak menerima permohonan dan tempahan gubahan bunga dan hiasan landskap daripada bahagian-bahagian PPj dan agensi-agensi kerajaan serta pihak swasta bagi acara-acara dan majlis-majlis rasmi di Putrajaya termasuk acara dan majlis berprofil tinggi yang melibatkan kehadiran menteri kabinet dan ahli korporat.



Bil.	Tahun	Tanaman Hiasan	Tree Bank	Annual
1.	2011	8,400 pokok	15,136 pokok	72,720 pokok
2.	2012	21,400 pokok	14,200 pokok	52,000 pokok
3.	2013	20,100 pokok	2,500 pokok	63,850 pokok

Bil.	Tahun	Bilangan Acara	Anggaran Pendapatan
1.	2011	164	62,855.00
2.	2012	169	102,595.00
3.	2013	167	93,900.00

## Pemantauan dan Pengurusan Hidupan Liar

Unit Hidupan Liar memainkan peranan penting dalam program pemantauan dan pengurusan hidupan liar di Putrajaya dengan menyediakan perkhidmatan dalam menangani aduan kacau gangguan spesies hidupan liar yang

menimbulkan rasa ketakutan ke atas keselamatan orang ramai dengan matlamat memastikan semua urusan kacau gangguan diurus dengan cepat dan teratur. Selain itu unit ini juga mengurus, menyelaras dan melaksanakan

aktiviti pemuliharaan hidupan liar mengikut peraturan Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 (Akta 716) disamping mengurus, menyelaras dan melaksanakan aktiviti kajian atau inventori hidupan liar di Putrajaya.

### Statistik/perbandingan 3 tahun sebelum

Tahun	2011	2012	2013
<b>Operasi Tangkap Pindah Kera</b>			
Bilangan Operasi	365	365	365
Bilangan Tangkap Pindah	361	195	155
<b>Operasi Pemburuan Babi Hutan</b>			
Bilangan Operasi	54	63	54
Bilangan Babi Hutan Ditembak Mati	98	118	80
<b>Operasi Memusnah Koloni Tebuan/Lebah</b>			
Bilangan Operasi	87	70	82
Bilangan Sarang Tebuan/Lebah dimusnah	87	70	82
Aduan CRM	30	70	82

Terdapat 4 spesies utama yang sering menimbulkan konflik manusia-hidupan liar, iaitu: Kera, Babi Hutan, Tebuan dan Lebah. Dalam tempoh 2011 hingga 2013 sebanyak 711 ekor Kera telah ditangkap pindah oleh Unit Hidupan Liar. Jumlah tangkap pindah Kera pada Tahun 2013 telah menurun

kerana populasi kera di Putrajaya telah berjaya dikawalselia dengan berkesan. Walaubagaimanapun populasi kera masih kelihatan di beberapa kawasan yang besar seperti Taman Rimba Alam dan Taman Wetland.

Sebanyak 80 ekor babi hutan telah ditembak mati dalam Tahun 2013. Angka ini juga tinggi kerana penghijrahan spesies ini ke Putrajaya kerana kehilangan habitat kerana pembangunan *Garden Residence Cyberjaya* yang bersempadan dengan Presint 11 dan juga pembangunan

Palm Garden Golf Resort, yang berhampiran Putrajaya.

Pembangunan kawasan Presint 12 juga membuat populasi babi hutan menjadi tinggi di sekitar Taman Botani dan Taman Putra Perdana kerana penghijaran spesies ini ke taman-taman Metropolitan tersebut. Dalam Tahun 2013 sebanyak 82 sarang tebuan dan lebah telah dimusnahkan oleh Unit Hidupan Liar. Angka ini juga telah meningkat dari Tahun 2012. Fakta ini adalah pertunjuk bahawa Putrajaya adalah sebuah Bandaraya Dalam Taman yang sihat dan baik (*viable*) untuk spesies-spesies fauna kerana pokok-pokok yang ditanam telah

matang dan memberi makanan dan perlindungan kepada fauna seperti burung, mamalia kecil, reptilian dan serangga. Kehadiran serangga yang berbisa ini perlu dimusnahkan kerana mengancam ketenteraman awam di Putrajaya.

Aduan CRM berjumlah sebanyak 82 aduan yang telah dapat diselesaikan dengan segera oleh Unit Hidupan Liar. Kebanyakan CRM adalah aduan mengenai kacau ganggu kera dan kehadiran koloni tebuan dan Lebah berhampiran premis kediaman. Selain daripada itu aduan mengenai ular berbisa dan kacau ganggu burung merpati dan burung gagak juga diterima oleh pihak kami.

Dalam Tahun 2013, Unit Hidupan Liar telah berjaya mencapai Sasaran Kerja Tahunan yang telah ditetapkan dengan cemerlang. Kesemua aduan pelanggan mengenai kacau ganggu hidupan liar telah dapat ditangani dengan cepat dan teratur. Unit Hidupan Liar telah menyediakan perkhidmatan dan menangani konflik manusia-hidupan liar dengan berkesan bagi mengelakkan kecederaan, kerosakan harta benda, kemusnahan landskap dan rasa ketakutan ke atas keselamatan orang ramai. Terdapat 4 spesies utama yang sering menimbulkan konflik manusia-hidupan liar di Putrajaya iaitu Kera, babi hutan, Tebuan dan Lebah.

## Program Kitar Semula Dan Pengkomposan

Program 3R iaitu pengurangan sisa, guna semula dan kitar semula (*reuse, reduce & recycle*) adalah merupakan sebahagian daripada sistem pengurusan sisa pepejal bersepadu yang dijalankan oleh PPj. Program kitar semula di Putrajaya telah bermula secara intensif pada Mei 2004. Ia adalah susulan daripada pengumuman Perdana Menteri menjadikan Putrajaya sebagai bandar model pelaksanaan program kitar semula kebangsaan. Program kitar semula di Putrajaya telah dibahagikan kepada 3 program utama iaitu:

- i. Program Komuniti
- ii. Program *Wastewise*
- iii. Program Sekolah (KITS)

Setiap bahan kitar semula yang dihantar ke Pusat Kitar Semula Tetap (PKST) akan ditukar dengan insentif tunai berserta resit. Penduduk yang menghantar bahan kitar semula juga berpeluang untuk memperoleh mata ganjaran dengan mendaftar sebagai ahli '*Green Card*'.

Kutipan *kerbside* adalah kutipan bahan kitar semula dari rumah ke rumah bagi kawasan perumahan teres, semi-D dan banglo. Setiap rumah yang terlibat akan dibekalkan dengan beg plastik kitar semula berwarna putih dan biru. Beg kitar semula tersebut akan diganti dengan dengan beg yang baru mengikut kuantiti yang dikeluarkan.

Kutipan apartment merupakan kutipan dari sangkar kitar semula yang ditempatkan di setiap blok apartment. Setiap bahan kitar semula yang dikutip akan ditukarkan dengan insentif tunai berserta resit. Bayaran akan dibuat kepada wakil persatuan penduduk.



Aktiviti kitar semula di Pusat Kitar Semula Bergerak Presint 11

Program *wastewise* merupakan program kitar semula yang dijalankan di jabatan/agensi kerajaan, pejabat swasta, hotel dan pusat komersil. Kutipan akan dijalankan di lokasi-lokasi berikut mengikut permintaan.

Pihak PPJ membekalkan kotak kitar semula (berdasarkan permintaan) sebagai inisiatif dalam mempertingkatkan amalan kitar semula di Putrajaya.

Program *Kits* adalah program yang

dibentuk bagi menjalankan program kitar semula secara berkesan di sekolah. Program ini merangkumi sekolah menengah, sekolah rendah dan tadika. Kutipan bahan kitar semula dibuat berdasarkan permintaan daripada pihak sekolah.



Aktiviti di Pusat Kitar Semula Komuniti Presint 9 dan Pusat Kitar Semula Tetap Presint 8



Kutipan bahan kitar semula dari rumah ke rumah



Pekerja menjalankan kutipan bahan kitar semula daripada sangkar kitar semula yang ditempatkan di kawasan apartmen



Aktiviti pengumpulan bahan kitar semula di jabatan kerajaan sekitar Putrajaya



Program kitar semula di sekolah menengah dan tadika

Secara keseluruhannya, jumlah bahan kitar semula yang dikumpulkan pada bulan tahun 2013 adalah sebanyak 2,212,308 kg. Jumlah ini adalah meningkat berbanding tahun 2012 iaitu 1,659,163 kg. Sebanyak 90% daripada bahan yang dikumpul adalah kertas diikuti bahan-bahan lain seperti plastik, tin dan selebihnya adalah kaca, e-waste dan minyak masak terpakai.

Berdasarkan jenis program yang telah dilaksanakan, program Wastewise mencatatkan kutipan tertinggi iaitu daripada berat keseluruhan bahan kitar semula dan diikuti dengan program Pusat Kitar Semula Tetap. Secara purata, jumlah bahan kitar semula yang dikumpulkan pada setiap bulan tahun 2013 adalah sebanyak 184,359 kg.

Jumlah kutipan bahan kitar semula pada tahun 2011 adalah sebanyak 1,567 tan metrik, tahun 2012 1,659 tan metrik dan terkini pada tahun 2013 sebanyak 2,212 tan metrik.

## Kesihatan Awam

### Kebersihan Premis Makanan

Bilangan premis makanan tetap yang diperiksa telah meningkat berbanding tahun sebelumnya. Ini adalah kerana bilangan premis makanan tetap di Putrajaya yang telah bertambah dan operasi-operasi yang giat dijalankan bersama Pejabat Kesihatan Putrajaya (PKPJ), Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya (JKWPKL & Pj).

Pemeriksaan premis secara berjadual dan teratur juga menyumbang kepada pertambahan kekerapan pemeriksaan ke atas premis-premis makanan di Putrajaya. Premis-premis yang berisiko tinggi dan menjadi tumpuan utama orang ramai seperti kantin sekolah dan kafeteria premis kerajaan diberi penekanan yang lebih untuk memastikan tidak berlaku kes keracunan makanan.

Dari segi pemeriksaan penjaja terdapat pertambahan kerana pada tahun 2013 Perbadanan Putrajaya banyak menganjurkan acara-acara besar dimana ia melibatkan juga pertambahan penjaja pada setiap acara tersebut.

Manakala pemeriksaan premis taska/tadika adalah sama seperti tahun 2012 ini kerana lebih menumpukan pemeriksaan pengedaran premis makanan dan permohonan untuk lesen taska/tadika juga adalah sama. Pemeriksaan yang telah dijalankan pada tahun 2013 adalah sebanyak 1,228 pemeriksaan.

PPj juga telah mewajibkan para pengendali makanan mendapatkan pemeriksaan kesihatan dan suntikan anti-tifoid.

### Kawalan Vektor Dan Penyakit Berjangkit

Aktiviti kawalan vektor dan penyakit berjangkit yang dijalankan sepanjang tahun 2013 adalah seperti berikut :

- Pengawasan epidemiologi;
- Siasatan dan tindakan susulan;
- Pengurangan tempat dan punca pembiakan nyamuk Aedes;
- Semburan kawalan dan semburan kes;
- Pendidikan dan promosi kesihatan; dan
- Penguatkuasaan undang-undang.

Tahun 2013 telah menunjukkan peningkatan kejadian kes Demam Denggi (DD) dan Demam Denggi Berdarah (DDB) yang ketara iaitu 112 kes yang didaftarkan berbanding tahun 2011 iaitu sebanyak 101 kes. Peningkatan kes pada tahun 2013 menunjukkan kenaikan sebanyak 10% berbanding tahun 2012. Keseluruhan kes yang di daftarkan bagi tahun 2013 adalah Demam Denggi sahaja. Tiada kes kematian dilaporkan yang di sebabkan oleh penyakit Demam Denggi sepanjang tahun ini.

Kadar insiden kes bagi tahun 2013 adalah 124 kes bagi setiap 100,000 penduduk di mana anggaran bilangan penduduk Putrajaya pada tahun 2012 adalah seramai 90,000 orang. Pada tahun 2013 juga, berlaku kejadian lapan (9) episod wabak demam denggi.

Selain daripada itu sebanyak 43 aktiviti larvaciding memusnahkan tempat-tempat pembiakan vektor dan sebelas (11) aktiviti pendidikan kesihatan kepada komuniti Putrajaya telah dijalankan sepanjang tahun 2013.

### Kawalan Haiwan Kacau Ganggu

Operasi ke atas anjing dan kucing liar serta burung gagak dijalankan secara berkala dan berdasarkan aduan yang diterima daripada orang awam. Kekerapan kawalan ini dapat mengurangkan populasi anjing dan kucing liar serta burung gagak. Selain memastikan tiada kejadian kacau ganggu daripada kehadiran haiwan rayau ini, ia juga bertujuan untuk menghalang penyebaran penyakit berjangkit yang mungkin dibawa oleh haiwan ini.

Didapati banyak faktor penyebab yang mempengaruhi kehadiran anjing dan kucing yang berkeliaran di Putrajaya. Ini adalah kerana kehadiran anjing-anjing dari kawasan luar Putrajaya dan kadar kelahiran anjing dan kucing yang meningkat dengan cepat.

Disamping usaha-usaha yang dijalankan untuk mengatasi masalah ini, kaedah-kaedah berikut perlu diberi penekanan:-

Meningkatkan tahap kebersihan terutamanya dalam soal pengurusan sisa pepejal. Tempat-tempat yang tidak terurus sistem pembuangan sisa pepejal akan menjadi daya penarik kepada kehadiran anjing-anjing dikawasan berkenaan.



- Mengadakan pemantauan secara kerap mengenai kehadiran anjing-anjing dan kucing terbiar dan mengambil tindakan pantas sekiranya ada menerima aduan awam.
- Menguatkuasakan undang-undang yang berkaitan sekiranya ada berlaku kacauganggu yang disebabkan oleh anjing dan kucing yang di pelihara tanpa kebenaran

## Komersil Dan Pelesenan

### Perancangan dan Pembangunan Perniagaan

Dalam memajukan Putrajaya sebagai "bandar contoh" pada 2015, PPj bertanggungjawab untuk merancang, melaksanakan dan mengendali kemudahan perniagaan selari dengan perancangan dan pembangunan infrastruktur dan perkhidmatan perbandaran untuk masyarakat serta mewujudkan suasana perniagaan yang kondusif di Putrajaya.

- Perancangan untuk masa hadapan adalah lebih kepada pemantapan ICT bagi tujuan *ease of doing business* dan juga pemeriksaan dan penguatkuasaan.
- Mewujudkan Akta Hiburan Wilayah Persekutuan Putrajaya supaya pengawalan aktiviti hiburan lebih berkesan.
- Menganjurkan Uptown Bazaar yang akan di kenali sebagai Putrajaya Waterfront Uptown.
- Mensasarkan kadar penyewaan premis PPj pada tahap 90% daripada lot yang ada.

PPj bertanggungjawab untuk mengenalpasti kawasan-kawasan komersial baru yang berpotensi di Putrajaya di samping pembukaan kawasan-kawasan komersial baru bagi menggalakkan pertumbuhan perniagaan dan menarik pelaburan ke Putrajaya.

PPj juga bertanggungjawab memberi dan membuka peluang-peluang perniagaan bagi peniaga di Putrajaya dengan kewujudan Pasar Ramadan dan penganjuran Festival Ramadan Putrajaya 2013.

Bagi memperkasakan pengetahuan dan kemahiran peniaga di Putrajaya satu program seminar pembangunan usahawan melalui Program Pembangunan Francais dengan kerjasama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi Dan Kepenggunaan (KPDNKK) dan Perbadanan Nasional Berhad telah diadakan.

### Pelesenan

Pada masa ini Lesen 1 Wilayah sedang dalam peringkat pembangunan sistem di mana DBKL telah diberikan tanggungjawab untuk mengetuainya. Sistem ini akan digunakan oleh ketiga-tiga agensi iaitu DBKL, PL dan PPj.

PPj juga sedang menambahbaik proses permohonan lesen penjaja sementara terutamanya yang melibatkan acara-acara besar di Putrajaya. Jika sistem ini digunakan kelak pemilihan penjaja akan dapat dilaksanakan dengan lebih mudah kerana sistem ini akan menyusun atur permohonan berdasarkan "*weightage*" yang ditetapkan.

Pengeluaran lesen penjaja sementara bagi acara juga menunjukkan pergerakan positif selari dengan pertambahan penganjuran acara-cara di Putrajaya di mana pada tahun 2013 sebanyak 3,855 lesen telah dikeluarkan.

## Pembangunan Perniagaan

Aktiviti yang diadakan pada tahun 2013 adalah seperti berikut :

### Bazar Laman Perdana

Bazar Laman Perdana telah mula beroperasi pada bulan April 2012. Bazar Laman Perdana diadakan pada setiap hari Sabtu yang mengetengahkan konsep jualan barangan kering. Pendapatan peniaga kecil di sini adalah sebanyak sekitar RM500.00 hingga RM1,500.00 sebulan. Secara puratanya, anggaran jumlah jualan kasar bagi 50 peniaga yang dijana dari aktiviti ini bagi sepanjang tahun 2013 adalah sebanyak RM 374,150.00.

### Pasar Ramadhan Putrajaya

Pasar Ramadhan Putrajaya diadakan pada setiap tahun di dua lokasi berbeza iaitu di tapak Laman 1 Malaysia, Presint 2 yang menempatkan seramai 240 peniaga dengan hasil jualan kasar sebanyak RM2,838,902.00, dan di tapak Kompleks Kejiranan Presint 11 menempatkan seramai 30 orang peniaga dengan hasil jualan kasar sebanyak RM49,090.00.

### Pelesenan Premis

#### Perniagaan Dan Penjaja

Sebanyak 4,749 lesen premis perniagaan dan penjaja telah dikeluarkan sepanjang tahun 2013. Bilangan Lesen Premis dan Penjaja yang dikeluarkan menunjukkan peningkatan sebanyak 12% berbanding tahun sebelumnya. Peningkatan ini berkait secara langsung dengan pertambahan penganjuran acara-acara di Putrajaya. Perincian perbandingan bilangan pengeluaran lesen dari tahun 2011 – 2013 adalah seperti Jadual 1.

**Jadual 1 : Perbandingan Bilangan Lesen Yang Dikeluarkan**

Jenis Lesen	Tahun		
	2011	2012	2013
Lesen Premis Perniagaan	182	211	172
Pembaharuan Lesen Premis	610	658	636
Lesen Penjaja Statik	18	55	12
Pembaharuan Lesen Penjaja Statik	38	52	74
Penjaja Sementara	3,201	3,264	3,855
<b>Jumlah</b>	<b>4,049</b>	<b>4,240</b>	<b>4,749</b>

Sepanjang tahun 2013 sebanyak 338 lot penjaja/peniaga kecil semasa acara telah disediakan, 72% daripada jumlah tersebut telah ditawarkan kepada penduduk dan peniaga di Putrajaya dan selebihnya adalah kepada peniaga luar Putrajaya.

Penyediaan peluang-peluang perniagaan semasa acara sepanjang tahun 2013 kepada penjaja dan peniaga kecil terutamanya di kalangan penduduk Putrajaya telah berjaya menjana hasil jualan sebanyak RM1,318,703.90. Peluang-peluang yang disediakan ini diharap dapat meningkatkan taraf ekonomi penjaja dan peniaga kecil di Putrajaya khususnya.

### Pelesenan Iklan

Pada tahun 2013 pengeluaran lesen iklan tidak menunjukkan peningkatan yang ketara iaitu hanya 1% berbanding tahun sebelumnya. Perkara ini disebabkan tiadanya pembukaan lot-lot komersial yang baru.

**Jadual 2: Kutipan Hasil Aktiviti Komersial, Pengembangan Perniagaan Dan Perlesenan, 2011 – 2013**

Bil.	Perkara	Tahun		
		2011	2012	2013
1	Kutipan sewa dari premis tetap	2,369,549.93	2,919,240.64	3,378,189.32
2	Kutipan Hasil dari lesen perniagaan	370,504.50	403,925.00	398,987.00
3	Kutipan Hasil dari lesen iklan	338,910.00	474,788.30	526,592.00
	a. Kutipan sewa pasar ramadhan	142,330.00	107,665.00	118,000.00
	b. Kutipan sewa tapak Bazar Laman Perdana	-	18,660.00	29,744.00
	c. Kutipan sewa gerai semasa acara	97,860.00	142,285.00	255,984.50
	<b>Jumlah keseluruhan</b>	<b>3,319,154.93</b>	<b>4,066,563.94</b>	<b>4,707,496.82</b>

Berdasarkan jadual 2, secara keseluruhannya kutipan hasil PPj tahun 2013 telah meningkat sebanyak 16% berbanding dari tahun sebelumnya. Kutipan hasil sewaan pada tahun 2013 bagi premis-premis milik PPj adalah sebanyak RM3,378,189.32. Peningkatan hasil pada tahun ini berbanding tahun-tahun sebelumnya adalah kerana hampir semua premis milik PPj telah disewakan, pembayaran sewa yang konsisten dan jumlah tunggakan sewaan semakin berkurangan.

Kutipan hasil lesen pada tahun 2013 menunjukkan penurunan sebanyak 1% berbanding tahun sebelumnya. Penurunan ini disebabkan oleh tiadanya pembukaan lot-lot komersial baru. Bagaimanapun

pengeluaran lesen penjaja menunjukkan peningkatan sebanyak 18% seiring dengan pertambahan penganjuran acara di Putrajaya.

Selari dengan peningkatan pengeluaran lesen iklan tahun 2013, kutipan hasil lesen iklan turut menunjukkan peningkatan sebanyak 11% berbanding tahun sebelumnya menjadikan jumlah kutipannya adalah sebanyak RM526,592.00.

Kutipan hasil sewaan tapak bagi lot menjaja semasa acara pada tahun 2013 menunjukkan peningkatan sebanyak 80% berbanding tahun sebelumnya. Peningkatan ini berkait langsung dengan penganjuran pelbagai acara-acara besar di Putrajaya yang telah memberi peluang perniagaan

kepada masyarakat penjaja dan peniaga kecil di Putrajaya seterusnya menyumbang kepada perkembangan ekonomi setempat.

Secara keseluruhannya, peningkatan dari segi kutipan hasil keseluruhan sebanyak 16% berbanding tahun sebelumnya iaitu berjumlah RM4,707,496.82. Peningkatan ini seiring dengan perkembangan positif sektor komersial yang berjaya menarik peniaga dan pelabur untuk membuka perniagaan mereka di Putrajaya. Selain itu, Putrajaya kini menjadi lokasi tumpuan pelbagai pihak untuk menganjurkan acara-acara besar yang mampu menarik minat ramai secara langsung telah menyumbang kepada peningkatan hasil lesen dan iklan.



# Pembangunan Masyarakat



# Pembangunan Masyarakat

## Hari Pusat Pembelajaran Kejiranan (PPK) 2013

"Hari PPK" adalah merupakan kemuncak aktiviti yang dianjurkan oleh Pusat Pembelajaran Kejiranan (PPK), Bhg. Perkhidmatan Komuniti, PPj, pada setiap tahun. Tujuan utama penganjurannya adalah untuk menarik minat lebih ramai komuniti Putrajaya, khususnya, dan masyarakat di sekitar, amnya, untuk menjadi ahli PPK dan menggunakan segala infra yang disediakan oleh pihak PPj di PPK, kepada seluruh komuniti Putrajaya.

Program yang dimaksudkan ini telah berjaya diadakan pada 23 - 24 November 2013, bertempat di Kompleks Kejiranan (KKj), Presint 9, Putrajaya.

Pelbagai aktiviti atau program menarik telah disusun sebagai pengisian di "Hari PPK", ini, iaitu seperti Kaunter Khidmat Pelanggan, Pertandingan Mewarna, Persembahan Boboi-boy & Yaya, Pertandingan Mereka-Bentuk Blok, Pertandingan Menulis Jawi dan Jualan Buku. Atur cara program adalah bermula pada jam 8.00 pagi sehingga 6.00 petang.

Impak Positif Kepada Pengunjung

- Mendapat maklumat terkini mengenai PPK melalui [www.facebook.com/perpustakaanputrajaya](http://www.facebook.com/perpustakaanputrajaya) ;
- Berpeluang mendaftar sebagai ahli baru PPK, dan terus akses kepada segala kemudahan yang disediakan di PPK ; dan
- Kaunter Khidmat Pelanggan juga menerima apa-apa juga idea, cadangan dan komen konstruktif (daripada pengunjung), untuk tujuan penambahbaikan perkhidmatan PPK.



## Kayuhan Ceria@Putrajaya & Langkah Ceria@Putrajaya

Perbadanan Putrajaya (PPj) telah memperkenalkan satu lagi inisiatif ke arah menjadikan Putrajaya sebagai sebuah bandar yang meriah, makmur dan bersinergi, bermula pada tahun 2013. Program yang dimaksudkan ialah program berjalan kaki - 'Langkah Ceria@Putrajaya' dan program berbasikal - 'Kayuhan Ceria@Putrajaya'.

Kedua-dua program sukan atau riadah yang berkonsepkan santai bersama keluarga ini, akan diadakan pada setiap pagi hari Ahad, minggu ketiga (program jalan kaki) dan pada setiap pagi hari Ahad, minggu keempat (program berbasikal), pada setiap bulan (kecuali bulan Ramadhan), yang bermula pada jam 7.00 pagi, untuk kedua-dua program ini.

Pada amnya, pihak PPj akan berkolaborasi dengan pihak atau "rakan strategik" di dalam penganjurannya, dengan disediakan baju-T, topi, makan/minum dan juga cabutan bertuah, untuk semua peserta yang menyertainya. Antara 'rakan strategik' PPj di dalam penganjuran kedua-dua program ini, yang telah dimulai semenjak 20 Januari 2013 (program jalan kaki) dan pada 27 Januari 2013 (program berbasikal), adalah Syarikat SP Setia Bhd. Group, Bank Malayan Banking Berhad (MBB), Bank Al-Rajhi, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Pos Laju Bhd., dan beberapa buah Kementerian/Jabatan/Agensi kerajaan dan swasta lain.

Program ini mendapat sambutan yang menggalakkan dari kalangan Penduduk di Putrajaya dan kawasan sekitarnya. Jumlah peserta telah mencecah sehingga 10,000 orang dalam salah satu program yang telah dijalankan.



## Program Master Gardener

Program *Master Gardener* adalah program sukarelawan yang berkebolehan dan pakar dalam bidang hortikultur yang dianjurkan oleh PPj bagi meningkatkan informasi hortikultur dan kualiti kehidupan masyarakat melalui projek-projek hortikultur.

Program *Master Gardener* akan melibatkan masa dan tenaga serta kewangan yang akan mengimplentasikan jaringan aktiviti yang amat berguna di dalam komuniti Putrajaya khususnya dan negara amnya.

*Master Gardener* dilatih bagi menjalankan kerja-kerja pengembangan oleh pegawai-pegawai pengembangan. Mereka mempunyai potensi untuk menggunakan kepakaran hortikultur berserta lain-lain kepakaran seperti ucapan awam, pengajaran, penulisan dan lain-lain di dalam program komuniti.

*Master Gardener* membantu melaksanakan projek-projek taman, menyebarkan maklumat hortikultur, menjalankan dan mewujudkan taman-taman di sekolah, bekerjasama dengan golongan tertentu dalam komuniti dan merekabentuk serta menambahbaik projek-projek komuniti.

Objektif program boleh dicapai dengan mengimplementasi kepakaran melalui latihan-latihan dan menggunakan sukarelawan tempatan yang dikenali sebagai *Master Gardener*.

### Objektif

- Mengembangkan informasi hortikultur kepada individu dan komuniti di Putrajaya.
- Membangunkan dan mengayakan projek komuniti yang berkaitan dengan hortikultur, termasuk: kebun komuniti, laman contoh, program dan aktiviti sekolah dan demonstrasi.
- Membangunkan kerjasama untuk membantu mentadbir Program *Master Gardener* di dalam Komuniti.

### Aktiviti

Antara aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh *Master Gardener* adalah seperti berikut:

- Penganjuran kursus dan latihan
- Memberi tunjuk ajar dan panduan merujuk kepada Amalan Hortikultur Baik dan spesifikasi yg telah ditetapkan kepada komuniti dan sekolah-sekolah di Putrajaya.
- Memberi khidmat nasihat di tapak kepada kontraktor
- Program menyemai dan menanam anak pokok bersama agensi swasta
- Program Jom Makan Buah
- Festival Floria Putrajaya
- Karnival 'WOW' Putrajaya
- Program penanaman pokok Sempena Hari Belia
- Santai@ Dataran Gemilang

### Pencapaian

- Berdasarkan Jadual di bawah, di dapati aktiviti *Master Gardener* meningkat setiap tahun atas permintaan dan kepentingan khidmat pakar yang diberikan.
- *Master Gardener* adalah nadi kepada penambahbaikan penyelenggaraan landskap.

Master Gardener	2009	2010	2011	2012	2013
Bilangan Aktiviti	12	36	50	63	65

## Program Keselamatan Jalan Raya

Program ini bertujuan untuk memberi pendidikan dan pembelajaran Keselamatan Jalan Raya kepada pelajar dan mengulangkaji keberkesanan pengetahuan Keselamatan Jalan Raya di kalangan Komuniti Putrajaya. Ia juga bagi mencapai hasrat Kerajaan dalam menjadikan Putrajaya Bandar Selamat dalam Aspek Keselamatan Jalan Raya dan Wawasan Sifar Kemalangan Maut tercapai. Antara program utama sepanjang tahun 2013 adalah seperti berikut:



Bil.	Program	Tarikh	Lokasi
1.	Kursus Warden Trafik Sekolah	18 Februari 2013	DeCARE Training Centre & Taman DeCARE Presint 7, Putrajaya
2.	<i>Road Safety Awareness</i>	Sepanjang tahun	Dewan Sebaguna, Pusat Kejiranan Presint 9, Putrajaya
3.	Dialog Agensi Penguatkuasaan Dengan Komuniti Putrajaya	28 Mei 2013	Auditorium Cempaka Sari, Kompleks PPj
4.	Karnival Keselamatan Jalan Raya	15 Jun 2013	Dewan Seri Melati, Kompleks PPj
5.	Pertandingan Pameran Keselamatan Jalan Raya	15 Mei – 15 Jun 2013	Sekolah-Sekolah Putrajaya
6.	Let's Talk Road Safety	3 Julai 2013	Sekolah-Sekolah Putrajaya
7.	Kempen Keselamatan Jalan Raya Sempena Perayaan Hari Raya Aidilfitri	2 & 5 Ogos 2013	Kompleks PPj dan Presint 9, Putrajaya
8.	Smart DeCARE Pelajar Pendidikan Khas	4 September 2013	Taman DeCARE Presint 7, Putrajaya
9.	Xplorasi DeCARE	<ul style="list-style-type: none"> <li>• 24 &amp; 25 September 2013</li> <li>• 9 &amp; 10 Oktober 2013</li> <li>• 4 Disember 2013</li> </ul>	Taman DeCARE Presint 7, Putrajaya
10.	Kursus "Training For Trainers" Kursus Lanjutan Jurulatih DeCare	<ul style="list-style-type: none"> <li>• 19-21 Februari 2013</li> <li>• 10-13 November 2013</li> </ul>	DeCARE Training Centre Putrajaya dan Langkawi, Kedah

## Majlis Perwakilan Kesejahteraan Bandar (MPKB)

Majlis Perwakilan Kesejahteraan Bandar (MPKB) ialah satu badan yang bertanggungjawab di dalam melaksana, menyelaraskan dan memantau pembangunan komuniti dan kesejahteraan bandar di Wilayah Persekutuan sehingga ke peringkat akar umbi. MPKB bagi zon Putrajaya secara rasminya telah ditubuhkan pada 7 Julai 2011 melalui perlantikan sebanyak 11 subzon MPKB yang disempurnakan oleh YB Menteri Wilayah Persekutuan. MPKB juga turut menjalankan aktiviti/program di subzon masing-masing bagi mengeratkan ikatan ukhwa dan silaturrahim antara komuniti. Antar aktiviti/program sukan serta segmen komuniti yang dijalankan

adalah seperti Sukan Futsal, Projek Jahitan Komuniti, Gotong Royong, Pertandingan Boling, Majlis Suaikenal, Sambutan Awal Muharram, Sukaneka Keluarga Kem Motivasi, Team Building dan lain-lain lagi yang bermatlamatkan menyatukan komuniti di Putrajaya.


Bagi tahun 2013 MPKB Zon dan Subzon telah diperuntukkan bajet khusus untuk menjalankan aktiviti dan pengurusan MPKB masing-masing. MPKB Zon menerima peruntukan sebanyak RM 70,000.00 setahun manakala setiap MPKB Subzon menerima peruntukan sebanyak RM 30,000.00 setahun. Setiap MPKB Zon telah ditetapkan untuk mengadakan mesyuarat

bagi membincangkan hala tuju dan perjalanan pentadbiran serta menyelaraskan dan memantau sebarang proses pentadbiran MPKB Subzon. Untuk rekod, MPKB Zon telah mengadakan mesyuarat pentadbiran sebanyak 4 kali di sepanjang 2013.

Antara aktiviti/program sukan serta segmen komuniti yang dijalankan adalah seperti Sukan Futsal, Projek Jahitan Komuniti, Gotong Royong, Pertandingan Boling, Majlis Suaikenal, Sambutan Awal Muharram, Sukaneka Keluarga Kem Motivasi, *Team Building Pemimpin Komuniti* dan lain-lain lagi yang bermatlamatkan menyatukan komuniti di Putrajaya.



# Pentadbiran dan Perundangan



# Pentadbiran dan Perundangan

## Perancangan Strategik

### Petunjuk Prestasi Utama (KPI) Kementerian Wilayah Persekutuan

Key Result Area (KRA)	KPI	Sasaran 2013	Status Terkini/Catatan
Meningkatkan keceriaan di WP Putrajaya	<b>Program &amp; Acara yang diadakan di WP Putrajaya</b>		
	• Program/acara peringkat antarabangsa	5 acara	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Hot Air Ballon</li> <li>2. Festival Bunga dan Taman (FLORIA)</li> <li>3. 1Malaysia International Tourism Night Floral Parade (Magic of the Night)</li> <li>4. Putrajaya International Firework Competition (PIFC)</li> <li>5. Putrajaya International Dragon Boat Festival</li> <li>6. Putrajaya International Islamic Arts and Culture Festival (PIIACUF)</li> </ol> <b>Jumlah = 6 acara</b>
	• Program/acara peringkat kebangsaan	10 acara	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Sambutan Hari Wilayah</li> <li>2. Sambutan Maulidur Rasul</li> <li>3. Kejohanan Kanu Kebangsaan</li> <li>4. Sambutan Hari Belia Negara</li> <li>5. Sambutan Bulan Bahasa Kebangsaan</li> <li>6. Sambutan Ambang Merdeka</li> <li>7. Kejohanan Sukan Extreme Kebangsaan</li> <li>8. Putrajaya Powerman Challenge 2013</li> <li>9. Varsity Boat Race 2013</li> <li>10. Sambutan Ambang Tahun Baru</li> </ol> <b>Jumlah = 10 acara</b>
• Program/acara peringkat Putrajaya	180 acara	<b>Jumlah = 229 acara</b>	

Key Result Area (KRA)	KPI	Sasaran 2013	Status Terkini/Catatan
Memulihara Alam Sekitar dengan Mewujudkan Persekitaran & Premis yang Bersih & Sejahtera	Program penghijauan Bandar dengan Menanam Pokok	5,000 pokok	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pokok Teduhan = 4,032 batang</li> </ul> <b>Jumlah = 4,032 pokok</b>
Mempertingkatkan Daya Saing & Tahap Kualiti Penjaja-penjaja di Wilayah Persekutuan	Program Latihan/kursus Pembekal Makanan/ Operator Premis Makanan/Penjaja	100 orang	<ul style="list-style-type: none"> <li><b>5 Januari 2013</b> Kursus Pengendali Makanan = 60 peserta</li> <li><b>8 Mei 2013</b> Kursus Pengendali Makanan = 30 peserta</li> <li><b>17 Januari 2013</b> Lawatan ke Kilang Gardenia = 30 orang</li> </ul> <b>Jumlah = 120 orang</b>

#### Petunjuk Prestasi Utama (KPI) PPj

Bil.	KPI Utama PPj 2013	Sasaran 2013	Pencapaian 2013
1.	Aduan Rasmi oleh Stakeholders	20 Aduan	131 Aduan
2.	Purata skor Kepuasan Pelanggan	85%	100%
3.	Peratus Aduan Diselesaikan Dalam Tempoh	85%	88%
4.	Kualiti air tasik pada Kelas IIB	100%	97%
5.	Peratus Tandas Awam mendapat 4 bintang	20%	25%
6.	Peratus premis makanan mendapat Gred A	30%	27%
7.	Nisbah kes jenayah berbanding penduduk	50:10,000	43:10,000
8.	Peratus proses yang melaksanakan MS ISO 9001 berbanding keseluruhan proses	50%	70%
9.	Peratus proses yang melaksanakan ISMS berbanding keseluruhan proses	20%	5%
10.	Bilangan Anugerah Diterima	2 Anugerah	12 Anugerah
11.	Bilangan Program "Green Practice" di PPj	1 Program	8 Program
12.	Purata pertumbuhan pelancong dan pelawat setahun	1%	4%



## Pencapaian Piagam Pelanggan 2013

Bil.	Program/Aktiviti	Kualiti/Kuantiti/ Masa	% PENCAPAIAN 1 Januari – 31 Disember 2013
1.	<b>PERMOHONAN PENYEWAAN</b>		
	(a) Kelulusan penyewaan Dewan Persidangan dan Auditorium di Kompleks Perbadanan Putrajaya:		
	• Permohonan di kaunter	10 minit	100%
	• Permohonan melalui surat	3 hari	100%
	• permohonan dalaman	3 hari	100%
	(b) Kelulusan penyewaan Dewan Serbaguna di Kompleks Kejiranan:		
	• Permohonan di kaunter	10 minit	100%
	• Permohonan melalui surat	3 hari	100%
	(c) Kelulusan penyewaan Pangsapuri Perbadanan Putrajaya	14 hari	47%
2.	<b>PERMOHONAN PERANCANGAN DAN PEMBANGUNAN</b>		
	Menerima, memproses dan mengeluarkan surat kelulusan/premit/ kebenaran bagi pengemukaan yang lengkap secara elektronik (ES) dan melalui Kaunter Pusat Setempat (OSC) oleh orang yang berkelayakan/ pemohon dan setelah notis penerimaan dikeluarkan bagi permohonan berikut :		
	(a) Kelulusan Kebenaran Merancang Pelan Susun Atur	53 hari	100%
	(b) Kelulusan Kebenaran Merancang Pelan Pra-Hitungan	53 hari	67%
	(c) Kelulusan Kebenaran Merancang Pendirian Bangunan	53 hari	70%
	(d) Kelulusan Kebenaran Merancang Pendirian Bangunan (rumah sesebuah)	30 hari	58%
	(e) Kelulusan Kebenaran Merancang Pendirian Bangunan Sementara	53 hari	100%
	(f) Kelulusan Lanjutan KM	53 hari	100%
	(g) Kelulusan Nama Penamaan Bangunan	53 hari	100%
	(h) Perubahan Material	53 hari	69%
	(i) Kelulusan Mendirikan Bangunan	37 hari	100%
	(j) Kelulusan Pelan Pindaan	37 hari	100%
	(k) Kelulusan Perakuan Kelayakan Menduduki (CF)	14 hari	100%
	(l) CCC (untuk rekod)	14 hari	100%

Bil.	Program/Aktiviti	Kualiti/Kuantiti/ Masa	% PENCAPAIAN 1 Januari – 31 Disember 2013
	(m) Kelulusan Pelan Kerja-Kerja Kecil Dan Ubahsuai	30 hari	100%
	(n) Kelulusan Permit Sementara	30 hari	100%
	(o) Kelulusan Pelan Kerja Tanah Am dan Asas	53 hari	63%
	(p) Kelulusan Kerja Jalan Dan Perparitan	53 hari	70%
	(q) Kelulusan Pelan Kerja Jalan (Lampu Jalan dan Lampu Isyarat)	53 hari	100%
	(r) Kelulusan Permit Kerja-Kerja :	30 hari	80%
	i) Jalan		
	ii) Tutup lorong		
	iii) Malam		
	iv) Angkut Bahan		
	v) Laluan Logistik		
	(s) Kelulusan Pelan Landskap	53 hari	100%
	(t) Kelulusan mendirikan pagar	30 hari	100%

### 3. KERJA-KERJA PENYENGGARAAN

(a) Penyenggaraan Bangunan dan komponen yang berkaitan.	Dalam tempoh	
• Kritikal dan perlu dibaiki segera.	24 jam	100%
• Tidak Kritikal ( kos tidak melebihi RM20 ribu )	14 hari	100%
• Tidak Kritikal ( kos melebihi RM20 ribu )	60 hari	0%
(b) Mengambil tindakan bagi kerosakan lampu isyarat	Dalam tempoh	
• Aduan melalui Hotline	4 jam	100%
• Aduan melalui CRM	48 jam	100%
(c) Mengambil tindakan bagi kes pokok tumbang:	Serta merta	100%
• Kawasan kritikal (kawasan jalan, kawasan rumah, kawasan pejabat dan kawasan yang mengganggu kepentingan awam)	(Dalam tempoh 24 jam)	
• Kawasan tidak kritikal (kawasan taman dan kawasan yang tidak mengganggu kepentingan awam)	Dalam tempoh 2 hari (14 hari dalam tempoh estimated respond time)	100%

Bil.	Program/Aktiviti	Kualiti/Kuantiti/ Masa	% PENCAPAIAN 1 Januari – 31 Disember 2013
4.	<b>KERJA-KERJA PENYENGGARAAN</b>		
	(a) Kelulusan lesen premis perniagaan (prosesan ekspres)	1 jam	100%
	(b) Kelulusan lesen premis perniagaan (prosesan biasa)	18 hari bekerja	41%
	(c) Kelulusan lesen papan tanda perniagaan (prosesan ekspres)	1 jam	100%
	(d) Kelulusan lesen papan tanda perniagaan (prosesan biasa)	14 hari bekerja	73%
	(e) Kelulusan semua jenis pembaharuan lesen	10 minit	
	• Premis		100%
	• Papan tanda perniagaan		100%

## Pengurusan Kualiti: MS ISO 9001:2008

Pada tahun 2013, sijil Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001:2008 Perbadanan Putrajaya telah dilanjutkan berkuatkuasa 25 Mac 2013 sehingga 28 Februari 2016.

Daripada 74 prosedur, 2 prosedur telah digugurkan kerana skop prosedur tersebut telah diambil alih oleh anak syarikat milik PPj. Prosedur tersebut ialah :

- **PK-PPj(CTP)-01 :**  
Kawalan Operasi Bot dan Perahu Cruise Tasik Putrajaya.
- **PK-PPj(NPutra)-01 :**  
Penyenggaraan Bas Nadiputra.

### Aktiviti-aktiviti berkaitan dengan pelaksanaan Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001:2008 PPj adalah seperti berikut:

Bil.	Aktiviti/Program	Tarikh
1.	Kursus Juruaudit Dalam SPK MS ISO 9001:2008 Perbadanan Putrajaya	3 - 6 Mac 2013
2.	Kursus Pemantapan Audit Dalam SPK MS ISO 9001:2008 Perbadanan Putrajaya	12 - 15 Mei 2013
3.	Minggu Auditan Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001:2008 Oleh Juruaudit Dalam MS ISO PPj	8 - 11 Oktober 2013
4.	Kursus Analisa Data Untuk Kajian Semula Pengurusan (MKSP) SPK MS ISO 9001:2008 Perbadanan Putrajaya	24 - 26 Oktober 2013
5.	Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan MS ISO 9001:2008 Bil. 1 Tahun 2013 Perbadanan Putrajaya	4 Disember 2013
6.	Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan MS ISO 9001:2008 Bil. 1 Tahun 2013 Perbadanan Putrajaya (sambungan)	5 Disember 2013



## Kumpulan Inovatif Dan Kreatif (KIK)

KIK merupakan mekanisme pengurusan untuk membina modal insan dalam Perkhidmatan Awam bagi merealisasikan aspirasi Kerajaan untuk meningkatkan kecekapan dan keberkesanan agensi-agensi Kerajaan dalam menyampaikan perkhidmatan kepada rakyat. Di samping itu, KIK juga mempunyai prinsip asas yang mengiktiraf pekerja sebagai sumber paling bernilai dalam organisasi dan menyediakan forum kepada mereka untuk melibatkan diri dalam proses membuat keputusan dan seterusnya melaksanakan tindakan yang diputuskan secara berpasukan dengan mengemukakan projek-projek baru yang berkepentingan kepada agensi.

Pada tahun 2013 sebanyak 6 kumpulan KIK telah ditubuhkan mewakili jabatan masing-masing di PPj.

- Kumpulan HORTUS (Jabatan Landskap dan Taman)
- Kumpulan 1SYNERGY (Jabatan Landskap dan Taman)
- Kumpulan Q-FORCES (Jabatan Kewangan)

- Kumpulan Matrik (Jabatan Kewangan)
- Kumpulan SOLVE (Jabatan Pembangunan Bandar)
- Kumpulan SATRIA (Jabatan Perkhidmatan Bandar)

Pada 1 dan 2 Oktober 2013 Kumpulan HORTUS dari Jabatan Landskap dan Taman yang mewakili Perbadanan Putrajaya di dalam Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Perkhidmatan Awam peringkat Wilayah Persekutuan Kali Ke-10 telah mendapat **Tempat Kedua dalam Kategori Teknikal**.

Kumpulan ini telah menerima hadiah berupa wang tunai sebanyak RM3,000.00, trofi serta sijil penghargaan.

Kemenangan tempat kedua tersebut telah menempah tiket bagi Kumpulan HORTUS mewakili Kementerian Wilayah Persekutuan di dalam Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) peringkat Kebangsaan Kali Ke-30 di Kuching, Sarawak yang telah diadakan pada 30 November hingga 4 Disember 2013. Sekali lagi kumpulan HORTUS

telah mengharumkan nama PPj kerana telah mendapat **Anugerah Ketua Pengarah Mampu dalam Kategori Teknikal**. Kumpulan HORTUS telah menerima hadiah berupa wang tunai sebanyak RM5,000.00, trofi serta sijil penghargaan.

Senarai ahli Kumpulan HORTUS adalah seperti berikut:

- **Fasilitator**  
Tuan Haji Zolkaplie Bin Mustafa
- **Ketua Kumpulan**  
Encik Haris Bin Embong
- **Ahli Kumpulan**
  - Puan Salwa Binti Mohd Sharif
  - Encik Rahim Bin Ibrahim
  - Encik Azrul Ikhsan Bin Mohd Salleh
  - Tuan Hj Kamel Abdul Azem Bin Othman
  - Puan Che Wan Rohata Binti Abdul Hamid
  - Encik Muhammad Yusri Bin Yunus



## Program 5S

Amalan 5S merujuk kepada cara penjagaan ditempat kerja ala Jepun. 5S adalah merupakan perkataan dari bahasa Jepun iaitu Seiri, Seiton, Seiso, Seiketsu dan Shitsuke, yang membawa maksud tersendiri tetapi sangat berkaitan dengan sistem penjagaan kebersihan dan kekemasan di persekitaran kita.

Pelaksanaan 5S ini bertujuan untuk memberi kesedaran kepada warga kerja PPJ bahawa budaya kerja yang cemerlang dapat dicapai dengan

komitmen yang berterusan dan konsep pemilikan tempat kerja (workplace ownership) oleh semua warga kerja PPJ dalam meningkatkan tahap kecemerlangan sesuatu kerja bersesuaian dengan keadaan semasa. Berikut merupakan senarai Jabatan/ Bahagian di PPJ yang telah melaksanakan program 5S di PPJ bagi tahun 2013:

- Jabatan Undang-Undang (Blok B, Aras 7 & 8)
- Jabatan Audit (Blok C, Aras 7 & 8)
- Pejabat NP/SU Jabatan Undang-Undang (Blok B, Aras 8)
- Pejabat NP Jabatan Perkhidmatan Bandar (Blok B, Aras 8)
- Pejabat NP Jabatan Perancang Bandar (Blok D, Aras 8)
- Pejabat NP Jabatan Landskap (Blok D, Aras 5)
- Bahagian Perancangan Strategik (Blok B, Aras 3)
- Bahagian Komuniti (Blok B, Aras 3)
- Bahagian Sumber Manusia (Blok A, Aras 2)
- Bahagian Pentadbiran (Blok A, Aras 8)
- Bahagian Perancang (Blok D, Aras 7 & 8)
- Bahagian ICT (Blok A, Aras 3,4,6 & 7)
- Bahagian Komersial (Blok B, Aras 7)
- Bhg Hortikultur & Sumber Landskap (Blok D, Aras 4)
- Bhg Pengurusan & Penyelenggaraan (Blok D, Aras 4)
- Bhg Operasi & Pendidikan Taman (Blok D, Aras 4)
- Bhg Kawalan Infrastruktur (Blok C, Aras 6)

## Sistem Penarafan Bintang Bahasa Kebangsaan Pihak Berkuasa Tempatan (SPBBK-PBT)

Perbadanan Putrajaya adalah di antara 18 agensi Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang terpilih sebagai perintis pelaksanaan Sistem Penarafan Bintang Bahasa Kebangsaan Pihak Berkuasa Tempatan (SPBBK-PBT).

Satu lawatan Panel Penilai ke Perbadanan Putrajaya telah diadakan pada 11 September 2013 yang terdiri daripada wakil dari Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), wakil dari agensi luar seperti Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dan

wakil daripada Persatuan-Persatuan Bahasa Kebangsaan untuk menilai penggunaan bahasa kebangsaan mengikut indikator penilaian yang telah ditetapkan.

Lawatan ini bagi menilai pematuhan kepada beberapa indikator penggunaan Bahasa Kebangsaan yang dilaksanakan oleh PPJ dengan penggunaan Bahasa Kebangsaan yang tepat dan betul, objektif pelaksanaan adalah untuk:

- Menilai tahap pencapaian pelaksanaan penggunaan bahasa kebangsaan di PPJ;
- Meletakkan PPJ pada tahap kedudukan yang sesuai mengikut kedudukan agar PPJ dapat meningkatkan usaha untuk memartabatkan bahasa kebangsaan; dan
- Menggalakkan dan memberi penghargaan kepada PBT yang memartabatkan bahasa kebangsaan.

## Komunikasi Korporat

### Aktiviti Promosi Pelancongan

#### HASIL PELANCONGAN PUTRAJAYA

Sepanjang tahun 2013, PPj telah berjaya merekodkan peningkatan kedatangan pelawat/pelancong ke Putrajaya seramai 6.8 juta berbanding 5.4 juta orang pada tahun 2012. Kenaikan sebanyak

25 peratus adalah hasil promosi Putrajaya yang agresif sepanjang 2013 di peringkat antarabangsa dan domestik. Pertambahan bilangan kehadiran pelawat dan pelancong juga adalah hasil daripada pertambahan penganjuran acara dan aktiviti di Putrajaya.

Berikut adalah statistik pelawat dan pelancong yang berkunjung dan menginap di Putrajaya bagi tahun 2011 – 2013.

Kategori	Tahun		
	2011	2012	2013
Pelancong *	245,124	490,104	514,309
Pelawat & Pelancong **	1,716,499	1,815,201	2,043,543
Pengunjung Acara***	2,832,700	3,115,970	4,225,850
<b>Jumlah</b>	<b>4,794,323</b>	<b>5,421,275</b>	<b>6,783,702</b>

#### NOTA:

\* Sumber Data dari Tourism Malaysia

\*\* Data pelawat & pelancong yang diambil di tempat tarikan pelancongan

\*\*\* Data pengunjung yang mengunjungi acara di Putrajaya

### Penyertaan Dalam Pameran Dan Misi Jualan

PPj telah menyertai Misi jualan pelancongan anjuran Kementerian Pelancongan, Kesenian dan Kebudayaan Malaysia, Tourism Malaysia, MATTA Fair (Malaysian Tour & Travel Agent) dan pameran anjuran Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU). Terdapat 5 penyertaan dalam negara dan 3 penyertaan di luar negara yang telah disertai.

Penyertaan Pameran Dan Misi Jualan	Tahun 2013	Bil.
Dalam Negara	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Visit Malaysia Year 2014, Bukit Jalil</li> <li>2. Majlis Penyerahan Memorandum Sokongan Badan-Badan Ekonomi Melayu/Bumiputra kepada PM, Putrajaya</li> <li>3. Program Sehari bersama Jemaah 2013, Masjid Putra</li> <li>4. Aero Meet 2013, Langkawi</li> <li>5. CTB, Penang - Oktober 2013</li> </ol>	5
Luar Negara	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Misi Jualan Pelancongan di Jepun (14 - 19 April 2013)</li> <li>2. Arab Travel Mart (3 - 9 Mei 2013)</li> <li>3. OTDY Leisure Fair, Moscow (16 - 22 Sept 2013)</li> </ol>	3

### I-Centre (Pusat Informasi Pelancongan)

Pusat informasi pelancongan (i-centre) di Dataran Putra menyediakan maklumat/informasi berkaitan Putrajaya, lokasi menarik yang perlu dilawati, perkhidmatan sewaan basikal serta perkhidmatan lain di Putrajaya. Seramai 45,704 orang berbanding 36,964 orang pada tahun 2012 telah menggunakan pelbagai perkhidmatan yang ditawarkan.

### Penggambaran

Putrajaya menjadi pilihan lokasi penggambaran kepada syarikat produksi iklan, drama dan filem dengan jumlah permohonan yang meningkat iaitu 125 permohonan berbanding 107 permohonan tahun 2012. Jumlah kutipan RM84,000.00 pada tahun 2012 telah meningkat kepada RM97,530.00 bagi tahun 2013.

**Secara keseluruhannya**, Putrajaya telah berjaya dipromosikan sebagai destinasi pelancongan yang unggul di peringkat kebangsaan dan antarabangsa dengan peningkatan jumlah kunjungan pelancong dalam dan luar negara. Tahun 2013 juga telah berjaya membuktikan kemampuan Putrajaya sebagai "venue" kepada pelbagai acara-acara peringkat kebangsaan dan antarabangsa melalui sambutan dan kehadiran pengunjung, penyertaan pelbagai pihak dalam dan luar negara, pihak swasta dan hasil perniagaan yang berjaya diraih melalui acara-acara yang telah diadakan.



## Pengurusan Aduan

### Bilangan Aduan Mengikut Bulan

Sistem CRM telah menerima sebanyak 1,099 aduan sepanjang tahun 2013. Bilangan ini didapati berkurangan sebanyak 1.88% berbanding tahun 2012 iaitu sebanyak 1,120 aduan.

### Status Penyelesaian Aduan

PPj telah berjaya menyelesaikan keseluruhan aduan yang diterima pada tahun 2013 di mana 970 aduan dari 1,098 aduan (88.34%) berjaya diselesaikan dalam tempoh 15 hari.

Tempoh Penyelesaian Aduan	Bilangan	%
1 Hari	56	5.4
2 - 5 Hari	158	14.39
6 - 10 Hari	289	26.32
11 - 15 Hari	523	47.63
<b>Jumlah Kecil</b>	<b>970</b>	<b>88.34</b>
16 - 20 Hari	65	5.92
21 - 25 Hari	28	2.55
26 - 30 Hari	35	3.19
31 -60 Hari	-	-
>90 Hari	-	-
<b>Jumlah Kecil</b>	<b>128</b>	<b>11.66</b>
<b>Jumlah Besar</b>	<b>1,098</b>	<b>100.00</b>

## Pengurusan Media

Pemantauan Media PPj meliputi 5 kategori utama iaitu PPj, KWP, Putrajaya, PBT dan Kerajaan/Perkhidmatan Awam. Di bawah Kategori PPj, terdapat 12 Sub-Kategori iaitu Alam Sekitar, Kecemasan, Kawalan, Komuniti, Pengangkutan, Penguatkuasaan, Kemudahan Awam, Infrastruktur, Perkhidmatan, Perbandaran, Maklumat Korporat dan Perancangan & Pembangunan Putrajaya.

Pada tahun 2013 sejumlah 1,598 artikel/berita telah direkodkan dengan Nilai Persamaan Iklan (AVE) berjumlah RM21,057,555.47. Nilai AVE berkaitan PPj didapati telah meningkat sebanyak 34%. Peningkatan nilai AVE ini adalah disumbangkan oleh faktor peningkatan penganjuran acara. Nilai kualiti AVE siaran/liputan bagi tahun 2013 adalah lebih besar berbanding kuantiti liputan tahun 2012.


Bagi tahun 2013, Surat Khabar telah merekodkan bilangan liputan yang tertinggi berbanding jenis media yang lain iaitu sebanyak 714 berita/artikel. AVE yang direkodkan pada tahun 2013 merekodkan peningkatan sebanyak 15% berbanding dengan tahun 2012. Butiran adalah seperti dalam jadual berikut.

Liputan Media	Tahun				Perbezaan (%)
	2012		2013		
	Bilangan	AVE (RM)	Bilangan	AVE (RM)	
Surat Khabar	849	8,039,530.23	714	8,615,101.00	7.12%
Radio	234	99,290.70	228	119,145.00	20%
TV	361	7,312,924.94	485	12,153,250.00	66.2%
Internet	206	-	143	-	-
Majalah	26	212,822.89	28	170,059.00	-20.1%
<b>Jumlah</b>	<b>1676</b>	<b>15,664,568.76</b>	<b>1,598</b>	<b>21,057,555.00</b>	<b>34.4%</b>

Pada tahun 2013, PPj telah berjaya melaksanakan 20 kali media advertorial berkaitan PPj berbanding hanya 5 kali yang dicapai pada tahun 2012. Antara yang difokuskan adalah lebih tertumpu kepada aspek perkhidmatan yang ditawarkan dan pencapaian PPj selaku pihak yang mentadbir di Putrajaya.

Program jalinan silaturahmi antara PPj dan media diteruskan dan diberi tumpuan melalui penganjuran Malam Mesra Media di mana hubungan baik antara PPj dan media terus dipereratkan. Bagi merealisasikan hasrat ini, PPj menganjurkan lawatan ke agensi media terpilih dan berterusan menyokong program-program kebajikan anjuran pihak media khususnya media di Putrajaya.

Tahun 2013 telah merekodkan sebanyak 6 SKP negatif berbanding 14 SKP pada tahun sebelumnya. PPj telah pun mengemukakan maklum balas kepada pihak media menerusi siaran akhbar yang disediakan dalam tempoh yang telah ditetapkan oleh Biro Pengaduan Awam (BPA) dan turut memuat naik artikel-artikel ini ke portal BPA untuk tujuan pemantauan.



Pengurusan media yang dilaksanakan oleh PPj pula di sepanjang 2013 dilihat semakin bertambah baik dari semasa ke semasa. PPj akan menambahbaik pelan promosi dan perancangan media sedia ada bagi meningkatkan lagi liputan berita positif berkaitan PPj di samping mengukuhkan hubungan sedia ada bersama pihak media. Media sosial yang merupakan cabang baru dalam pengurusan media akan diberi perhatian, sejajar dengan kehendak dan aliran teknologi terkini.

## Pengurusan Sumber Manusia

### Perjawatan

Agensi Pusat telah pun meluluskan pengstruktur semula perjawatan Perbadanan Putrajaya (PPj) yang melibatkan pelbagai skim dan gred melalui Surat Kelulusan Perjawatan Bil. S99 Tahun 2013.


Sebanyak 15 jawatan baru telah diluluskan melibatkan 1 jawatan Penolong Pegawai Penguatkuasa dan 14 jawatan Pembantu Penguatkuasa menjadikan keseluruhan perjawatan mengikut waran sebanyak 917 jawatan.

Berikut adalah ringkasan perjawatan mengikut kumpulan berdasarkan surat Kelulusan Perjawatan Bil. S99 Tahun 2013;-

Kumpulan Perjawatan	Bilangan
Pengurusan Tertinggi	7
Pengurusan & Profesional	218
Pelaksana	692
<b>Jumlah</b>	<b>917</b>

### Kursus, Bengkel Dan Seminar

Selaras dengan Dasar dan Strategi Latihan Sumber Manusia, PPj telah menganjurkan pelbagai program untuk meningkatkan kompetensi pegawai sama ada secara dalaman atau dengan kerjasama agensi luar. Setiap pegawai PPj adalah dikehendaki mengikuti latihan/kursus minima tujuh hari setahun. Bagi tahun 2013, sebanyak 4,784 kursus/bengkel/seminar telah dihadiri oleh pegawai-pegawai PPj. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 4,130 adalah kursus anjuran PPj manakala 654 lagi adalah anjuran agensi luar.




### Bilangan Pegawai PPj yang Menghadiri Kursus 2013

Anjuran Perbadanan Putrajaya

Anjuran Agensi Luar

### Bilangan Penyertaan Pegawai Mengikut Bidang Kursus Tahun 2013



# 8%

Anjuran Perbadanan Putrajaya

# 92%

Anjuran Agensi Luar

### Program Pengiktirafan

Program pengiktirafan dan penghargaan merupakan sebahagian perancangan berterusan yang dilaksanakan oleh PPj. Seramai **68 pegawai dan pekhidmat PPj** telah dianugerahkan dengan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang yang terdiri daripada **20 orang** dalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional dan **48 orang** dalam Kumpulan Pelaksana. Di samping itu, pegawai PPj yang memenuhi kriteria juga telah dicalonkan untuk menerima pelbagai pingat dan bintang kebesaran pada peringkat Negeri dan Persekutuan termasuklah 2 orang pegawai yang telah dianugerahkan Darjah Indera Mahkota Pahang (DIMP) yang membawa gelaran Dato' dan **9 orang** penerima anugerah Pingat Wilayah Persekutuan seperti senarai berikut;

#### Penerima Pingat Membawa Gelaran Dato'

Bil.	Nama	Jawatan	Anugerah	Negeri
1.	Y.Bhg Dato' Mohtar bin Kamirun	Naib Presiden Audit	Darjah Indera Mahkota Pahang (DIMP)	Pahang
2.	Y.Bhg Dato' Rogaizat bin Abdullah	Timbalan Pengarah kanan Kewangan	Darjah Indera Mahkota Pahang (DIMP)	Pahang

#### Penerima Pingat Sempena Sambutan Hari Wilayah

Bil.	Nama	Jawatan	Anugerah	Negeri
1.	Sr Roslan bin Mohd Tawi	Timbalan Pengarah Kanan Kontrak dan Ukur Bahan Gred J54	Johan Mahkota Wilayah (J.M.W)	Wilayah
2.	Cik Zarinah binti Mohamad Isa	Ketua Penolong Pengarah Gred W48	Kesatria Mahkota Wilayah (K.M.W)	Wilayah
3.	Encik Noor Azhar bin Zainal	Penolong Pengarah Kanan Gred N44	Ahli Mahkota Wilayah (A.M.W)	Wilayah
4.	Encik Mohamad Rahaizah bin Mat Saman	Penolong Pegawai Senibina Gred J38	Ahli Mahkota Wilayah (A.M.W)	Wilayah
5.	Encik Abdullah bin Salleh	Penolong Pegawai Gred N36	Ahli Mahkota Wilayah (A.M.W)	Wilayah
6.	Puan Sashikala A/P G.R. Nathan	Penolong Pegawai Penerangan Gred S32	Pingat Pangkuan Mahkota Wilayah (P.P.W)	Wilayah
7.	Encik Abu Hassan bin Jani	Penolong Pegawai Gred N32	Pingat Pangkuan Mahkota Wilayah (P.P.W)	Wilayah
8.	Encik Lockman bin Abd Rashid	Pembantu Tadbir Gred N22	Pingat Pangkuan Mahkota Wilayah (P.P.W)	Wilayah
9.	Puan Rahmah binti Husin	Pembantu Penguatkuasa Gred N22	Pingat Pangkuan Mahkota Wilayah (P.P.W)	Wilayah


### Penerima Pingat Sempena Peringkat Persekutuan Dan Negeri

Bil.	Nama	Jawatan	Anugerah	Negeri
1.	Encik Ahmad Hilmi bin Harun	Pegawai Undang-Undang Gred L52	Ahli Mangku Negara (A.M.N)	Persekutuan
2.	Encik Rosli bin Abdul Talib	Pegawai Tadbir Gred 52	Ahli Mangku Negara (A.M.N)	Persekutuan
3.	Encik Roslan bin Sahat	Jurutera Gred J48	Ahli Mangku Negara (A.M.N)	Persekutuan
4.	Encik Hafiz bin Mohd Ali	Penolong Jurutera Gred J36	Pingat Jasa Kebaktian (P.J.K)	Melaka
5.	Encik Hidzir bin Idrus	Penolong Pegawai Undang-Undang Gred L32	Pingat Pangkuan Negara (P.P.N)	Persekutuan
6.	Encik Mohd Minhad bin Solihin	Penolong Pegawai Tadbir Gred N32	Pingat Pangkuan Negara (P.P.N)	Persekutuan

### Skor Kepuasan Bekerja

PPj telah menjalankan kajian kepuasan bekerja yang bertujuan untuk mengetahui Skor Kepuasan Bekerja di kalangan 120 responden kakitangan PPj. Responden adalah terdiri daripada pelbagai gred jawatan mewakili setiap jabatan di PPj. Melalui kajian ini, didapati bahawa Skor Kepuasan Bekerja adalah tinggi iaitu purata 4.6 atau bersamaan 92%. Ini secara tidak langsung menggambarkan bahawa pegawai di PPj berpuashati dengan suasana dan persekitaran kerja mereka.

### Skor Kepuasan Bekerja Tahun 2013





## Teknologi Maklumat Dan Komunikasi

### **Pensijilan MS ISO/IEC 27001:2007 Information Security Management System (ISMS)**

Informasi dan maklumat adalah aset yang amat penting kepada sesebuah organisasi di zaman teknologi maklumat masa kini. Sasaran PPJ untuk mendapatkan pensijilan ISMS adalah amat bertepatan bagi melindungi dan menjamin keselamatan maklumat.

Pihak SIRIM QAS International Sdn Bhd telah mengadakan sesi Auditan Pensijilan Peringkat Kedua MS ISO 27001:2007 pada 26 – 27 September 2013. Skop pelaksanaan pensijilan adalah "**Pengurusan dan Pengoperasian Pusat Data (Central Server Farm) yang merangkumi Sistem Pengurusan Kewangan dan Perakaunan, Email dan IP Fax**". Skop ini melibatkan sejumlah 248 aset ICT yang telah dilakukan penilaian risiko serta pembangunan 5 pelan pengurusan risiko ICT. Hasil daripada auditan tersebut, PPJ telah dianugerahkan pensijilan **MS ISO 27001:2007** tanpa sebarang ketakakuran (*non-compliance*).

Dengan kejayaan pensijilan MS ISO 27001:2007, PPJ sentiasa memastikan skop ISMS yang telah dipersijilkan berada dalam keadaan memuaskan. Kajian pengurusan akan diadakan dari masa ke semasa sekiranya terdapat pertambahan atau perubahan skop pensijilan diperlukan. PPJ juga mensasarkan untuk mendapatkan pensijilan ISO/IEC 27001:2013 (keluaran piawaian terkini) menjelang tahun 2015.

### **Perlaksanaan Sistem Kelulusan Pelan Landskap**

Sistem Kelulusan Pelan Landskap dibangunkan pada awal tahun 2011 mengambil masa selama dua (2) tahun. Sistem mula digunakan pada bulan April 2013. Sehingga kini 62 permohonan, 29 mesyuarat dan 596 kertas mesyuarat juga telah diproses dan dijana menggunakan sistem ini.

Output dari pembangunan sistem ini adalah seperti berikut :-

- e-Pemajuan;
- Modul Pemprosesan Permohonan;
- Modul Serah Tapak;
- Integrasi antara sistem-sistem sediaada;
- Modul Ulasan Teknikal oleh agensi luar;
- Modul Mesyuarat; dan
- Migrasi data.

Impak dari pelaksanaan sistem adalah seperti di bawah:-

- Kerja-kerja pemprosesan pelan akan menjadi lebih mudah dan cepat kerana dokumen digital mudah dicapai oleh pegawai pemprosesan pelan;
- Orang Berkelayakan kini boleh menghantar permohonan melalui internet. Unit OSC akan terus menerima permohonan untuk edaran ke J(L) dan agensi luar bagi permohonan mendirikan bangunan;
- Mesyuarat JKTOSC dan OSC dapat diselaraskan dengan lebih sistematik untuk kesemua jabatan;
- Penyimpanan dokumen kini lebih teratur dan menjimatkan ruang penyimpanan; dan
- Agensi teknikal luar seperti Bomba, Syabas dan lain-lain boleh terus memberi ulasan teknikal secara atas talian.

### **Pemasangan Baru (Peningkatan) Sistem CCTV Kompleks PPJ**

Projek pemasangan baru CCTV Kompleks PPJ telah dilaksanakan pada 19 Februari 2013 adalah sebanyak 39 unit CCTV beresolusi tinggi (High Definition).

Pemasangan CCTV telah disiapkan sepenuhnya pada bulan September 2013. Sistem CCTV telah beroperasi dengan baik dan telah digunakan oleh Unit Keselamatan, Bahagian Pentadbiran, Jabatan Perkhidmatan Korporat.

### **Penyata Bayaran Balik Pinjaman**

Bagi Kenderaan Dan Komputer Modul Penyata Bayaran Balik Pinjaman telah dibangunkan pada Januari 2013 dan telah digunakan pada bulan Mac 2013. Pelaksanaan ini merupakan salah satu alternatif atas talian kepada pekhidmat PPJ yang membuat pinjaman kenderaan dan komputer membuat capaian penyata dan jadual bayaran balik melalui PORTAL PPJ di laman sesawang [www.ppj.gov.my](http://www.ppj.gov.my) – e-Enterprise – Permohonan Pinjaman – Penyata Bayaran Balik Pinjaman.

### **Sistem Pendaftaran Memancing Dan Pengurusan Sirkuit Pancing Putrajaya**

Sistem Pendaftaran Memancing dan Pengurusan Sirkuit Pancing Putrajaya adalah merupakan satu inisiatif yang berinovasi dan kreatif untuk pendaftaran pertandingan Sirkuit Pancing Putrajaya. Memandangkan Sirkuit Pancing Putrajaya diadakan sebanyak 4 kali setahun, sistem ini sentiasa dinaiktaraf bagi memenuhi kehendak dan keperluan pengguna yang terlibat secara langsung.

Pekhidmat PPj yang terlibat dengan sistem ini ialah Bahagian Pengurusan Kewangan, Bahagian Alam Sekitar, Tasik Dan Wetland dan juga Bahagian Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT).

### Sistem Aplikasi Perumahan Penjawat Awam 1Malaysia (PPA1M)

Terdapat 2 modul utama sistem yang telah dibangunkan iaitu seperti berikut:

- Modul Permohonan PPA1M  
Modul sistem permohonan PPA1M dibangunkan adalah untuk membantu operasi merekod maklumat pemohon, memproses permohonan, tapisan kelayakan cabutan undi, penjaan surat tawaran

bagi pemohon yang berjaya, maklumat penolakan tawaran rumah, maklumat perjanjian rumah sehingga ke penyerahan kunci.

Namun begitu, sistem ini dibangunkan secara berperingkat mengikut pelaksanaan operasi oleh pihak pengguna dari semasa ke semasa. Status terkini sistem ialah di fasa merekod masuk penerimaan tawaran perumahan PPA1M bagi cabutan siri ke-2 yang telah diadakan pada 20 Disember 2013 yang lalu.

- Modul Cabutan Undi PPA1M.  
Modul Cabutan Undi PPA1M dibangunkan khas untuk cabutan undi bagi pemohon yang layak

mengikut tapisan kriteria masing-masing. Mekanisme yang digunakan ialah dengan menggunakan barkod nombor kad pengenalan pemohon yang dikumpulkan mengikut keluasan lantai (1000 kaki persegi, 1200 kaki persegi dan 1500 kaki persegi) dan lot OKU. Kod bar ini diimbas ke dalam sistem dan maklumat nombor kad pengenalan permohonan akan didaftar masuk ke dalam sistem serta didaftarkan terus ke lot rumah. Sistem ini telah diimplementasikan sebanyak 2 siri iaitu pada 29 Ogos 2013 dan 20 Disember 2013 dan akan digunapakai untuk sesi cabutan yang akan datang pada tahun 2014.

## Pengurusan Risiko

Pengurusan Risiko di Perbadanan Putrajaya telah dilaksanakan berdasarkan piawaian ISO 31000 dan Kerangka Kerja Pengurusan Risiko Perbadanan Putrajaya. Mengakhiri tahun 2013, sebanyak 20 profil risiko telah didaftarkan. Kemajuan pelaksanaan pelan tindakan mitigasi bagi kesemua risiko tersebut pada akhir tahun 2013 adalah 72.26% berbanding 66.59% pada akhir tahun sebelumnya.

Risiko yang telah didaftarkan adalah seperti berikut:

- Pemantauan, masa dan sumber adalah diperlukan = 10 risiko
- Pemantauan/ kajian mengikut keperluan= 6 risiko
- Pemerhatian = 4 risiko
- SOP Memadai = tiada risiko

Beberapa perkara seperti berikut perlu diberi perhatian dalam pelaksanaan pengurusan risiko Perbadanan Putrajaya:-

- Pelaksanaan pelan tindakan mitigasi sebagaimana dirancang lewat untuk dilaksanakan/ tidak dapat dilaksanakan.
- Kemajuan pelaksanaan pelan tindakan mitigasi bagi sesetengah risiko yang didaftarkan kurang menggalakkan.

- Kurangnya komitmen/ kesedaran yang tinggi kepada pemilik risiko.
- Terdapat pelan tindakan mitigasi yang disediakan adalah di luar kawalan pemilik risiko.
- Sumber yang terhad membataskan pelaksanaan pengurusan risiko.

Bagi mengatasi isu-isu tersebut, beberapa sesi bengkel dan kursus telah diadakan dalam tahun 2013. Kursus-kursus kesedaran berkaitan pengurusan risiko yang bersesuaian untuk penghidmat Perbadanan Putrajaya akan diteruskan untuk masa hadapan.

## Perundangan

### Nasihat Undang-Undang

Jabatan Undang-Undang memberikan nasihat perundangan yang mana meliputi perkara-perkara berkaitan gubalan dan tafsiran undang-undang, terma perjanjian dan penguatkuasaan undang-undang dan dasar-dasar yang berkaitan dengan kerajaan. Khidmat nasihat perundangan ini diberikan kepada jabatan-jabatan di Perbadanan Putrajaya dan juga syarikat milik Perbadanan Putrajaya. Nasihat perundangan relevan adalah penting bagi memastikan setiap keputusan dan polisi yang dibuat untuk Perbadanan Putrajaya adalah selaras dengan peruntukan undang-undang dan peraturan yang telah ditetapkan.

### Kontrak

Semakan kepada dokumen perjanjian, memorandum persefahaman, tender, *Request For Proposal (RFP)* dan sebut harga penting bagi menjaga kepentingan Perbadanan Putrajaya secara keseluruhannya.

Pada tahun 2013, Jabatan Undang-Undang telah menyemak dan menyediakan Perjanjian sebanyak 484 draf Perjanjian. Manakala, dokumen Tender, RFP dan Sebut Harga yang berjaya disemak adalah sebanyak 42 draf. Selain itu, sebanyak 474 Surat Niat dan Surat Setuju Terima telah disemak dan disediakan oleh Jabatan Undang-Undang.

### Gubalan

Dalam menjalankan fungsi sebagai pihak berkuasa tempatan, Perbadanan Putrajaya perlu memastikan supaya setiap aktiviti yang dijalankan hendaklah selaras dengan peruntukan undang-undang yang sedia ada bagi memastikan kepentingan Perbadanan Putrajaya sentiasa terpelihara. Selain itu, pindaan sesuatu undang-undang perlu dilaksanakan mengikut peredaran masa supaya perundangan sedia ada tidak lapuk, ketinggalan zaman atau memenuhi kehendak semasa Perbadanan dan negara.

Memandangkan penggubalan perundangan baru memerlukan tempoh masa yang lama sama ada rang undang-undang tersebut masih diperingkat Jabatan Pelanggan untuk pertimbangan perkara-perkara dasar dan polisi, atau diperingkat semakan Penasihat Undang-Undang Kementerian Wilayah Persekutuan atau Penggubal Jabatan Peguam Negara; berikut adalah perundangan yang masih dalam proses penggubalan:

- Peraturan-Peraturan Perbadanan Putrajaya (Rawatan dan Perubatan).
  - Peraturan-Peraturan Perbadanan Putrajaya (Pengurusan Aset).
- Undang-Undang Kecil Pelesenan Anjing (Wilayah Persekutuan Putrajaya).
  - Akta Hiburan (Wilayah Persekutuan Putrajaya).
  - Akta Hotel (Wilayah Persekutuan Putrajaya).

- UUK Kerja Di Jalan (Wilayah Persekutuan Putrajaya)
- UUK Kerja Tanah (Wilayah Persekutuan Putrajaya)
- UUK Bangunan Seragam (Wilayah Persekutuan Putrajaya)
- UUK Pelesenan Premis Perniagaan (Wilayah Persekutuan Putrajaya)-(Lesen 1 Wilayah).
  - Kaedah-Kaedah Lembaga Rayuan (Wilayah Persekutuan Putrajaya).
- Akta Perbadanan Putrajaya 1995 (Pindaan).
- Kaedah-Kaedah Pengawalan dan Perancangan (Am) (Wilayah Persekutuan Putrajaya).
- Perintah Pengangkutan Jalan (Peruntukan Tempat Letak Kereta) (Wilayah Persekutuan Putrajaya) 2011.

### Pendakwaan

Dalam menjalankan peranan sebagai pihak berkuasa tempatan, Jabatan Undang-Undang juga memainkan peranan bagi memastikan setiap peraturan dan undang-undang yang terpakai di Putrajaya dipatuhi oleh setiap warga Putrajaya, pelawat, kontraktor dan sebagainya.

Jumlah keseluruhan kompaun yang telah diproses adalah sebanyak 21,732 saman. Sebanyak 25,838 kertas siasatan telah dikemukakan kepada Timbalan Pendakwa Raya untuk mendapatkan izin pendakwaan.

**Litigasi Sivil**

Dalam melaksanakan fungsi sebagai sebuah pihak berkuasa tempatan di Putrajaya, Perbadanan Putrajaya tidak terkecuali daripada berhadapan dengan kes-kes litigasi sivil sama ada di saman atau menyaman.

Perbandingan jumlah kes litigasi tersebut mengikut kategori bagi 3 tahun sebelum adalah seperti berikut:

**Bilangan Kes Litigasi Sivil Oleh/  
Terhadap Perbadanan Putrajaya**

Kategori	Tahun		
	2011	2012	2013
Tuntutan tunggakan Cukai Taksiran	0	16	7
Tuntutan tunggakan sewa	7	6	13
Tuntutan ganti rugi kemalangan (insurans)	15	11	6
Tunggakan bayaran pinjaman/ Kuarters/ Emolumen pekhidmat PPj	2	7	2
Lain-lain tuntutan	2	2	-
<b>Jumlah</b>	<b>26</b>	<b>42</b>	<b>28</b>

Jadual 1 menunjukkan jumlah kes yang banyak adalah daripada kes tuntutan tunggakan sewa sama ada dari penyewa pangsapuri atau lot-lot komersil yang diuruskan oleh Perbadanan.

## Auditan Dalaman

**Auditan Dalaman**

Auditan dalaman merupakan satu fungsi bebas, yang dapat memberi kepastian dan khidmat perundingan untuk mempertingkatkan tahap pengurusan organisasi. Ia juga akan dapat membantu organisasi untuk mencapai visi dan misinya melalui pendekatan yang sistematik dan berdisiplin.

Bagi maksud itu, Audit Pengurusan Kewangan dan Audit Prestasi dilaksanakan di Perbadanan Putrajaya. Audit Pengurusan Kewangan merangkumi pemeriksaan terhadap sistem pengurusan kewangan, kawalan dalaman dan rekod-rekod kewangan untuk menentukan sama ada perbelanjaan, hasil, aset dan stor telah diurus mengikut undang-undang, peraturan dan arahan yang berkaitan. Audit Prestasi pula merangkumi penilaian terhadap

aktiviti yang dilaksanakan oleh PPj untuk menentukan bahawa matlamatnya telah dicapai dan sumber yang ada telah digunakan secara berhemat, cekap dan berkesan.

Dalam tahun 2013, Jawatankuasa Audit PPj telah meluluskan sebanyak 17 tajuk auditan yang meliputi auditan kewangan dan auditan prestasi untuk dilaksanakan. Daripada 17 tajuk tersebut, 13 daripadanya telah diselesaikan dalam tahun 2013 dan selebihnya hanya dapat disiapkan pada awal tahun 2014. Di samping itu sebanyak empat tajuk auditan bagi tahun 2012 juga telah disiapkan dalam tahun 2013. Ini menjadikan jumlah keseluruhan bilangan auditan yang dapat diselesaikan dalam tahun 2013 adalah sebanyak 17 auditan.

**Laporan Audit Bergambar**

Dalam usaha untuk membantu pihak pengurusan Perbadanan menjadikan Putrajaya sebagai satu bandar yang bersih dan indah serta dapat mengekalkannya pada sepanjang masa, sebanyak 12 siri lawatan mengejut dengan laporan audit bergambar telah dilaksanakan dalam tahun 2013. Siri lawatan mengejut dengan laporan audit bergambar mula diperkenalkan dalam Rancangan Audit Tahun 2013. Laporan bergambar berkaitan isu-isu kebersihan, penyelenggaraan dan keindahan, dapat disiapkan dalam tempoh yang singkat dan ia sangat berkesan dalam membantu pihak pengurusan Perbadanan membuat keputusan untuk pembetulan dan penambahbaikan.

Bagi tahun 2013, sebanyak 18 laporan audit bergambar telah disiapkan dan dilaporkan Selaras dengan peraturan, Mesyuarat Jawatankuasa Audit Perbadanan Putrajaya telah diadakan sebanyak empat kali dalam tahun 2013, seperti berikut:

#### 16 April 2013

- **Kertas Bil. 2/2013:** Draf Penyata Kewangan Perbadanan Putrajaya Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2012
- **Kertas Bil. 3/2013:** Laporan Semak Semula Penyediaan Penyata Kewangan Perbadanan Putrajaya Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2012

#### 26 Julai 2013

- **Kertas Bil. 4/2013:** Laporan Kemajuan Kerja Jabatan Audit Dalam, Perbadanan Putrajaya
- **Kertas Bil. 5/2013:** Proses Pengurusan Kompaun; Fakta, Permasalahan dan Cadangan Penyelesaian

- **Kertas Bil. 6/2013:** Laporan Kemajuan Kerja Jabatan Audit Dalam, Perbadanan Putrajaya

#### 27 September 2013

- **Kertas Bil. 7/2013:** Penyelesaian Masalah Kesesakan Lalulintas dan Tempat Letak Kereta di Putrajaya
- **Kertas Bil. 8/2013:** Laporan Kemajuan Kerja Audit Dalam, Perbadanan Putrajaya

#### 10 Disember 2013

- **Kertas Bil. 9/2013:** Rancangan Audit Tahunan (RAT) 2014, Jabatan Audit dan Kualiti Asurans, Perbadanan Putrajaya

Bermula pada tahun 2013, tajuk-tajuk auditan yang dirancang untuk dilaksanakan telah dikurangkan dari 21 (2012) kepada 17 sahaja untuk tahun 2013. Pengurangan bilangan tajuk-tajuk tidak dapat dielakkan kerana jabatan juga dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan Pengurusan Risiko

dan auditan dalam MS ISO 9001:2008 serta MS ISO/ IEC 27001:2007 (ISMS). Laporan audit bergambar juga mula diperkenalkan dalam tahun 2013. Dengan yang demikian banyaklah lagi aktiviti-aktiviti utama Perbadanan yang tidak akan dapat diaudit dalam tempoh pusingan lima tahun sekali. Ini secara tidak langsung akan meningkatkan risiko salah pengurusan. Susulan daripada itu, pemilihan tajuk auditan akan memfokuskan kepada aktiviti-aktiviti yang berisiko tinggi.



# Penilaian dan Pengurusan Aset




# Penilaian dan Pengurusan Aset

## Penilaian Untuk Maksud Sumbangan Membantu Kadar (SMK)

Bilangan kes bagi Sumbangan Membantu Kadar bagi tahun 2013 adalah 2,490 kes. ia terdiri daripada bangunan kuarters kerajaan yang baru iaitu merangkumi kediaman berkembar 419 unit, kediaman teres 537 unit dan pangsapuri 1532 unit. Dua (2) bangunan pejabat kerajaan yang baru dinilai iaitu bangunan Kementerian Luar Bandar Dan Wilayah dan Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga Dan Masyarakat.

PPj telah mengeluarkan dua (2) notis tuntutan Borang C pada tahun 2013. Iaitu kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan yang melibatkan 21,076 kes dengan jumlah tuntutan sebanyak RM102,576,360.00 dan Pesuruhjaya Tenaga sebanyak RM658,690.00. Jumlah keseluruhan tuntutan pada tahun 2013 adalah sebanyak RM103,235,040.00 iaitu meningkat sebanyak 5.68% peratus dari tuntutan tahun 2012.

### Jumlah tuntutan SMK yang buat oleh Perbadanan Putrajaya dari tahun 2012 hingga 2014



PPj telah membuat tuntutan Sumbangan Membantu Kadar ke atas Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan dan Pesuruhjaya Tenaga sejak tahun 2001 sehingga 2013 berjumlah **RM 652,816,186.00**, pembayaran diperolehi sehingga 2013 adalah sebanyak **RM 648,198,026.00**. Peratus hasil yang belum diterima adalah **RM 4,618,160.00** atau **0.70%** sahaja.

## Pengurusan Mendapatkan Kembali Tunggakan Cukai Taksiran

PPj telah mengenakan cukai taksiran ke atas harta yang boleh dikenakan cukai semenjak tahun 1999. Sehingga akhir tahun 2013, jumlah tunggakan terkumpul adalah sebanyak RM1,466,373.68.

- **Program Pemberian Insentif kepada Pembayar Cukai**  
Bagi menggalakkan pembayar cukai membuat pembayaran awal dan sebagai menghargai pembayar cukai yang membayar cukai dalam tempoh yang ditetapkan PPj ada menyediakan insentif merupakan payung

bersaiz besar kepada mereka yang telah membuat pembayaran setahun (dua penggal) mulai 2013. Pembayar cukai yang membuat pembayaran awal dan tiada tunggakan juga layak untuk mendapatkan hadiah cabutan bertuah yang disediakan oleh



PPj. Seramai 26 pembayar cukai yang bertuah telah memenangi hadiah istimewa berbentuk barangan elektrik dan motorsikal yang akan disampaikan oleh Tan Sri Presiden Perbadanan Putrajaya pada bulan Mac 2014.

● **Tindakan Agresif Yang Dilakukan Oleh PPj**

PPj telah mempergiatkan lagi usaha untuk mendapatkan tunggakan cukai taksiran antaranya melalui:

Aktiviti	Bilangan Kes
Menghantar Notis Borang E kepada pembayar cukai yang ada tunggakan selepas 28 Feb/ 31 Ogos	2,187
Menghantar Notis Borang E2 kepada pembayar cukai yang melebihi RM2000.00 atau tidak membuat pembayaran cukai melebihi dua(2) penggal.	2,032
Telah dipanjangkan kepada Bahagian Undang-undang untuk tindakan tuntutan sivil diambil di bawah Peruntukan Seksyen 156 Akta 171 (Akta Kerajaan Tempatan 1976) ke atas pembayar cukai yang mempunyai tunggakan tinggi;	10
Memberi penjelasan kepada pembayar cukai melalui panggilan telefon dan kunjungi ke premis yang terlibat;	20
Menampal Notis Amaran dengan kertas warna merah di pintu utama premis yang tersenarai;	40
Menjalankan kerja-kerja pesitaan (sek 148 Akta 171) ke atas harta alih yang berada dalam kawasan premis terlibat.	11



Tindakan yang telah dibuat oleh PPj telah berjaya mengutip cukai taksiran sebanyak 95.9% untuk tahun semasa 2013.

**Rajah: Jumlah Peratus Kutipan Hasil Cukai Taksiran Tahun Semasa dari tahun 2011 hingga 2013**

**107.5%**

2011

**98.2%**

2012


**95.9%**

2013

● **Pencapaian Peratus Tunggakan**

PPj telah berjaya mengurangkan peratusan tunggakan di mana peratus tunggakan cukai taksiran bagi tahun 2013 adalah 0.54% dari jumlah keseluruhan tunggakan berbanding jumlah keseluruhan cukai taksiran yang dibilkan.

# Laporan Anak Syarikat





# Laporan Anak Syarikat

## Pj Hotels & Resort Sdn Bhd

Pj Hotel & Resorts Sdn Bhd telah ditubuhkan pada Februari 2002. Aktiviti utama syarikat Pj Hotels & Resorts Sdn Bhd buat masa ini adalah :-

- Mengawasi pengurusan operasi Hotel Putrajaya Shangri-la
- Membangunkan Padang Golf di Presint 19 Putrajaya

Hotel Putrajaya Shangri-La telah mula beroperasi pada bulan Oktober 2002 dan pihak Shangri-La International Hotel Management Limited dilantik sebagai operator hotel ini mulai Mei 2002 sehingga kini.

### Mengawasi Pengurusan Operasi Hotel Putrajaya Shangri-La

Hotel Putrajaya Shangri-la merupakan hotel berkonsepkan "boutique" yang mempunyai 118 bilik dan merupakan hotel milik penuh Perbadanan Putrajaya yang dipajak kepada anak syarikatnya Pj Hotels & Resorts Sdn Bhd untuk pengawasan operasi penuh hotel tersebut. Hotel ini merupakan hotel pertama Putrajaya yang telah dirasmikan oleh YAB Tun Mahathir Mohamad, mantan Perdana Menteri Malaysia pada tahun 2003.

Hotel Putrajaya Shangri-la dibina berdasarkan konsep "*Hotel in the park, park in the hotel*" indah dengan lanskap luaran dan dalaman.



Pendapatan hotel milik penuh Perbadanan Putrajaya ini telah meningkat dari RM 12 145 338.00 pada tahun 2010 dan unjuran pendapatan dijangka meningkat sehingga RM 18 695 153.00 pada awal tahun 2014.

### Menguruskan Pembangunan Padang Golf Presint 19 Putrajaya

Fungsi baru Pj Hotels & Resorts Sdn Bhd menjelang tahun 2014 adalah untuk menguruskan pembinaan pembangunan padang golf Putrajaya yang sedang dirancang. Cadangan padang golf 18 lubang ini merangkumi kawasan seluas 221 ekar terletak di Presint 19 Putrajaya .

Padang golf ini apabila siap kelak dijangka akan menjadi tumpuan dan daya tarikan sukan pelancongan ke Putrajaya serta menjadi destinasi golf untuk acara pertandingan berprestij samada peringkat nasional maupun antarabangsa. Padang golf ini juga dijangka akan menjadi lokasi pertandingan golf dan juga kejohanan golf persahabatan yang akan diadakan di antara ketua-ketua Negara yang melawat Malaysia kelak.

Pembangunan ini juga menempatkan rezab seluas 1.7 hektar untuk rumah kelab yang akan dirancang dengan pelbagai kemudahan sampingan seperti dewan bankuet, bilik persalinan, kedai peralatan golf, kemudahan bilik mesyuarat / seminar dan juga kawasan pengurusan operasi. Sekiranya semua perancangan pembangunan berjalan lancar, cadangan Padang Golf Putrajaya ini dijangka siap sepenuhnya dalam tempoh lebih kurang 2 tahun.



Cadangan Konsep Pelan Induk Susunatur Padangan Golf Putrajaya

## Marina Putrajaya Sdn. Bhd.

Pengurusan Kompleks Kejiranan Putrajaya Sdn. Bhd. ditubuhkan sebagai syarikat Pengurusan Kompleks Kejiranan Putrajaya Sdn. Bhd. (PPJKOM Sdn. Bhd.) pada 11 Mac 2003 dengan nombor pendaftaran (608569-T) di bawah Suruhanjaya Syarikat Malaysia. Berkuatkuasa pada 24 Oktober 2013, PPJKOM Sdn. Bhd telah ditukar nama kepada Marina Putrajaya Sdn. Bhd. (MPSB) bagi memberi gambaran yang lebih jelas mengenai peranan dan fungsi utama Syarikat iaitu untuk mengurus dan mentadbir pengoperasian Marina Putrajaya.

Pada 1 November 2013, pentadbiran Cruise Tasik Putrajaya telah digabungkan di bawah MPSB bertujuan untuk memperkemas pengurusan dan pentadbiran kedua-

dua entiti tersebut dan pada masa yang sama memaksimumkan sumber dan tenaga kerja bagi memperoleh hasil yang lebih tinggi memandangkan kedua-dua entiti ini saling melengkapi antara satu sama lain. Adalah dijangkakan bahawa penggabungan pengoperasian sepenuhnya bagi kedua-dua entiti ini akan dilaksanakan berkuatkuasa pada bulan Januari 2014.

### Objektif Pengurusan Syarikat

- Mengurus dan mentadbir anak syarikat milik PPj iaitu Marina Putrajaya Sdn. Bhd., dan
- Menjalankan operasi harian syarikat.



### Pengurusan Operasi Pusat Maritim Putrajaya

Mengurus dan mengoperasi kemudahan dan fasiliti yang terdapat di Marina Putrajaya semenjak tahun 2009.

Menyediakan perkhidmatan dan mempromosi kemudahan-kemudahan yang terdapat di Marina Putrajaya seperti yang berikut:

- Kemudahan dewan, bilik-bilik dan ruang-ruang untuk acara, majlis perkahwinan, bengkel, seminar dan mesyuarat,
- Kemudahan rekreasi seperti kolam renang, gimnasium, dewan aerobik, bilik mandian stim & sauna serta skuasy,
- Kemudahan rekreasi air seperti sewaan kayak, kanu, perahu naga, penyimpanan bot dan peralatan, dan
- Kemudahan hiburan seperti snooker, billiard dan karaoke.
- Menyokong polisi PPj untuk meningkatkan penggunaan kemudahan-kemudahan yang terdapat di Pusat Maritim oleh orang ramai serta persatuan-persatuan yang berasaskan sukan dan rekreasi air.

### Prestasi Kewangan

Hasil (RM)	2011	2012	2013
Pendapatan	961,477.00	1,380,446.00	4,915,129.00
Perbelanjaan	829,751.00	1,177,971.00	4,611,549.00
Lain-lain Pendapatan/ (Perbelanjaan)			
Untung/(Rugi)	131,726.00	202,475.00	303,580.00

## Pengangkutan Awam Putrajaya Sdn Bhd

Pengangkutan Awam Putrajaya Sdn Bhd (PAPSB) telah didaftarkan pada 20 Mei 1999, merupakan anak syarikat kerajaan yang dimiliki oleh Perbadanan Putrajaya (PPj). Sehingga 31 Disember 2013 ia telah beroperasi selama enam (6) tahun lapan bulan (8) semenjak mengambil alih operasi pada 1 Mei 2007.

Teras utama aktiviti perniagaan syarikat ialah memberi perkhidmatan pengangkutan kepada pengguna di Putrajaya.

Selain daripada PAPSB juga mengendalikan operasi dan penyenggaraan tempat letak kereta berbayar di sekitar Putrajaya, depo bas, Stesen Putrajaya Sentral, Park And Ride dan perhentian bas.

Mulai 1 Januari 2013 PAPSB telah melakukan transformasi dengan mengubah arah tuju

syarikat daripada syarikat yang berorientasikan perkhidmatan kepada komersil. Beberapa ahli lembaga pengarah baru telah dilantik yang dipengerusikan oleh Tan Sri Dato' Seri Dr. Aseh bin Haji Che Mat, Presiden Perbadanan Putrajaya. Lembaga Pengarah juga telah melantik Tuan Haji Ir. Ab Rahim bin Junoh sebagai Ketua Pegawai Eksekutif.

### Visi, Misi Dan Objektif Syarikat

**Visi.** Menjadikan PAPSB sebagai peneraju sistem pengangkutan awam yang berdaya saing dan terunggul di rantau ini.

**Misi.** Menyediakan perkhidmatan sistem pengangkutan awam yang kondusif, berkualiti, selamat dan mesra pelanggan.

### Objektif Syarikat

- Untuk mengurangkan kos operasi dan meningkatkan hasil/pendapatan syarikat.
- Untuk menyelaraskan operasi semasa dan mengoptimumkan sumber sedia ada.
- Untuk mengukuh sumber kewangan melalui pelbagai aktiviti perniagaan.
- Penjenamaan semula syarikat.



## Perkhidmatan Bas

Perkhidmatan Semasa Yang Disediakan. Selari dengan Visi dan Misi, PAPSB menyediakan perkhidmatan pengangkutan bas di dalam kawasan Putrajaya dan Cyberjaya. Perkhidmatan yang disediakan seperti berikut:

- Perkhidmatan bas berhenti-henti.
  - Dalam kawasan Putrajaya.
  - Cyberjaya.
  - Desa Pinggiran Putra.
- Perkhidmatan laluan terus pada waktu puncak.
- Perkhidmatan bas khas pelajar sekolah.
- Perkhidmatan sewa khas.
- Perkhidmatan bas pajakan.
- Perkhidmatan Pelancongan.

Jumlah Bas/Van. Sehingga Dis 2013 jumlah pegangan bas sebanyak seratus tujuh puluh lima (175) buah iaitu seratus empat puluh enam (146) buah bas NGV, dua puluh lima (25) buah bas NGV MIDI dan empat (4) buah bas diesel. Pada Julai 2013 syarikat telah menerima 4 buah van untuk kegunaan perkhidmatan.

Aktiviti Utama Perkhidmatan. Dalam proses transformasi pihak PAPSB telah melaksanakan beberapa tindakan dan perubahan dalam perkhidmatan bas. Perubahan yang dilaksanakan seperti berikut:

- Penyelarasan Laluan Dalam Putrajaya. Penyelarasan telah dilakukan bagi mengurangkan pertindihan laluan. Bagi Laluan Tetap ia diselaraskan dari 23 laluan kepada 10 laluan dengan mengurangkan kekerapan dari setiap 15 min kepada 30 min. Untuk Laluan Terus ia dikekalkan dengan 19 laluan.



- Memperkenalkan Laluan Malam. Semua laluan tetap akan ditamatkan pada jam 10.00 malam. Diantara jam 10.00 hingga 12.00 malam ia digantikan dengan 8 Laluan Malam dengan kekerapan setiap 1 jam.
- Memperkenalkan Laluan Baru. PAPSB telah membuka 2 laluan baru iaitu:
  - Desa Pinggiran Putra mulai April 2013 – satu laluan
  - Cyberjaya mulai Sep 2013 – empat (4) laluan.
- Menambah Perkhidmatan Bas Sekolah. Berpanduan daripada keperluan semasa perkhidmatan bas sekolah ditambah dari 5 laluan kepada 9 laluan.
- Perkhidmatan Bas Pajakan. Selepas melaksanakan penyelarasan laluan terdapat lebihan bas yang tidak beroperasi. Bagi menambah pendapatan pihak syarikat telah memajakkan dengan kontrak perkhidmatan bas kepada beberapa agensi seperti berikut:
  - UPM - 15 Mac 2013 hingga 31 Dis 2013 - 16 bas
  - UKM - 19 Sep 2013 hingga 18 Sep 2016 - 15 bas
  - KLCC - 01 Okt 2013 hingga 30 Sep 2016 - 3 bas
- Perkhidmatan Sewa Khas. Perkhidmatan sewa khas dikekalkan dan dipertingkatkan bagi menambah sumber pendapatan syarikat.
- Perkhidmatan `On Call`. Mulai 01 Nov 2013 syarikat telah memperkenalkan `On Call Service` di kawasan dan laluan yang kurang pelanggan iaitu di Perumahan Presint 15 dan Fasa 11 dan 12 Presint 9. Perkhidmatan ini akan menggunakan van.
- Perkhidmatan Pelancongan. Syarikat mengadakan perkhidmatan untuk pelancong melawat disekitar Putrajaya. Dua program pelancongan yang dilaksanakan iaitu:
  - Program `Best of Putrajaya Tours` pada setiap hari Sabtu dan Ahad bermula dari Putrajaya Sentral.
  - Program `Putrajaya Tours` diadakan pada hari Jumaat, Sabtu dan Ahad bermula dari Dataran Putrajaya.


Usaha Meningkatkan Mutu Perkhidmatan. Secara berterusan pihak PAPSB berusaha untuk meningkatkan mutu perkhidmatan bagi menarik lebih ramai lagi pelanggan untuk menggunakan perkhidmatan bas Putrajaya. Aktiviti yang telah di laksanakan ialah:

- Menyediakan 7 buah kiosk tambah nilai pas bulanan Kad Putra.
- Menyediakan perkhidmatan kaunter bergerak (bas) untuk urusan permohonan baru dan tambah nilai Kad Putra.
- Menyediakan maklumat dan panduan laluan bas Putrajaya di setiap perhentian bas.
- Memperkenalkan jadual ketibaan bas di setiap perhentian bas.
- Mempaparkan maklumat dan panduan laluan bas Putrajaya dilaman sesawang PPj.

### Maklumat Perkhidmatan


- **Bilangan Penumpang.** Secara amnya statistik jumlah penumpang bagi tempoh setahun untuk tahun 2013 terus meningkat berbanding dengan tempoh yang sama pada tahun 2008 hingga tahun 2012. Sehingga bulan Disember 2013 jumlah penumpang ialah 5,018,280 penumpang. Peningkatan ini disebabkan terdapat peningkatan jumlah penduduk dan penambahan pelanggan.

**Carta 1: Statistik Perbandingan Jumlah Penumpang Tahunan**



- **Kutipan.** Secara keseluruhan statistik jumlah kutipan untuk tahun 2013 meningkat berbanding kutipan tahun-tahun sebelumnya. Jumlah kutipan tahun 2013 ialah RM 2,500,139.00. Jumlah kutipan merangkumi jumlah pembayaran tunai tambang dan jualan kad putra atau pas bulanan. Syarikat masih mengekalkan kadar tambang sedia ada iaitu 50 sen untuk dewasa dan 30 sen untuk kanak-kanak.

**Carta 2: Statistik Perbandingan Jumlah Kutipan Tahunan**






- **Kad Putra.** Kad Putra yang berasaskan kad bercip mula digunakan pada tahun 2011. Kelebihan menggunakan Kad Putra ialah ia lebih murah dan menjimatkan. Kadar untuk dewasa RM20.00 dan RM 10.00 untuk pelajar sekolah bagi tempoh 35 hari. Pada tahun 2013 terdapat peningkatan dalam rekod pemegang dan penggunaan kad putra.


**Carta 3: Rekod Pemegang Kad Putra.**

Penumpang	2011	2012	2013	Jumlah
Dewasa	980	1045	1548	<b>3573</b>
Kanak-kanak	130	185	165	<b>480</b>
<b>Jumlah</b>	<b>1110</b>	<b>1230</b>	<b>1713</b>	<b>4053</b>

- **Perkhidmatan Sewa Khas.** Selain daripada tugas operasi harian, Syarikat juga memberi perkhidmatan sewa khas terutamanya kepada Perbadanan Putrajaya, Kementerian dan Jabatan Kerajaan serta sekolah-sekolah di Putrajaya dengan kadar yang telah ditetapkan. Ia melibatkan sewa khas di dalam Putrajaya dan juga ke luar kawasan. Statistik jumlah kutipan sewa khas tahun 2013 meningkat dibandingkan pada tahun-tahun sebelumnya.


**Carta 4: Perbandingan Jumlah Kutipan Sewa Khas bagi Tahun 2008 hingga 2013**

- **Kemalangan.** Statistik kemalangan yang direkodkan adalah kes-kes kemalangan yang melibatkan bas Putrajaya. Setiap kes akan disiasat bagi mengenalpasti punca kemalangan iaitu punca kecuaihan pemandu, punca oleh pihak ketiga atau lain-lain punca seperti teknikal dan keadaan sekitar. Kebanyakan kes kemalangan yang berlaku adalah dikategorikan kes kemalangan kecil dan sehingga kini belum ada ada lagi kes kematian kemalangan yang melibatkan bas Putrajaya. Bagi tahun 2013 statistik menunjukkan rekod keseluruhan kemalangan yang melibatkan bas sebanyak 73 kes turun sebanyak 39 kes (35%) berbanding tahun sebelumnya. Dari jumlah itu sebanyak 30 kes (41%) kemalangan berlaku berpunca dari kecuaihan pemandu sendiri, 31 kes (43%) berpunca kecuaihan yang melibatkan pihak ketiga dan 12 kes (17%) disebabkan masalah teknikal dan lain-lain. Pihak syarikat sentiasa berusaha dengan memberi peringatan kepada semua pemandu untuk sentiasa berhemah dan berhati-hati di jalanraya dan juga melalui kursus dan latihan.

**Carta 5: Perbandingan Statistik Jumlah Kemalangan bagi Tahun 2008 hingga 2013.**


- **Aduan Awam.** Aduan yang diterima adalah berhubungkait dengan perkhidmatan yang diberi. Ia melibatkan aduan berhubung kekerapan bas, sikap pemandu, ketepatan masa dan cara pemanduan. Aduan awam diterima melalui dua sumber iaitu melalui CRM Perbadanan Putrajaya dan melalui pihak Syarikat. Pihak Syarikat akan bertindak cepat ke atas semua aduan yang diterima. Siasatan akan dilakukan kepada setiap aduan bagi mendapatkan punca aduan dan terus bertindak memperbaiki kesilapan. Selain itu, terdapat juga maklumbalas yang positif tentang pemandu PAPS B Pihak Syarikat sentiasa berusaha menjaga mutu perkhidmatan dan memelihara kepercayaan pelanggan terhadap perkhidmatan yang diberikan oleh pihak Syarikat.

**Carta 6: Aduan Awam Terhadap Perkhidmatan Bas Putrajaya**



- **Soal Selidik Perkhidmatan Nadi Putra.** Syarikat melaksanakan operasi soal selidik dengan tujuan untuk mendapatkan maklumbalas daripada pelanggan mengenai tahap perkhidmatan yang telah diberikan dan mendapatkan maklumat untuk memperbaiki kelemahan dan mempertingkatkan mutu perkhidmatan yang diberikan. Sebanyak 2,213 responden terdiri daripada penumpang bas Putrajaya telah memberi maklumbalas dan cadangan. Enam (6) bidang perkara yang dinilai iaitu Kekerapan Perjalanan, Maklumat Perkhidmatan, Pemandu, Kemudahan Fasiliti, Keadaan Bas dan Keseluruhan Perkhidmatan. Peratus kepuasan pelanggan bagi tahun 2013 ialah 91%.

**Carta 7: Penilaian Keseluruhan Perkhidmatan**



### Putrajaya Sentral , Park & Ride Presint 7 Dan Tempat Letak Kereta (TLK)

- **Urus Tadbir.** Mulai April 2013 PAPSB telah mengambil alih pengurusan premis Putrajaya Sentral dan Park & Ride Presint 7 serta TLK dari PPj. Berikutan dari itu beberapa aktiviti telah dilaksanakan seperti berikut:
  - Mengasingkan terminal perkhidmatan bas ekspres dengan bas berhenti-henti.
  - Menambah bilangan penyewa ruang niaga
  - Meningkatkan promosi penggunaan Park n Ride dan TLK melalui penganjuran acara, kempen dan pengedaran banner dan brosur.
- Statistik ruang sewaan dan TLK di Putrajaya Sentral seperti berikut:

**Jadual 1 : Jumlah Ruang Niaga dan TLK di Putrajaya Sentral**

Bil.	Jenis Ruang Niaga /TLK	2012	2013
1.	Lot Kedai	7	7
2.	Kiosk	6	12
3.	Tapak Niaga	4	4
4.	Mesin Air Minuman	2	4
5.	Peti Simpanan Barang	0	21
6.	Restoran	1	1
7.	TLK	1537	1711

- Kaedah Operasi TLK. Operasi TLK dijalankan menggunakan 3 kaedah iaitu bayar dan peraga, manual dan autopay. Lokasi dan bilangan lot TLK seperti berikut:

**Jadual 2 : Lokasi dan Jumlah TLK**

Bil.	Jenis Ruang Niaga /TLK	2012	2013
1.	Kompleks Kastam	Manual	93
2.	Kompleks B	Manual	121
3.	Kompleks C	Manual	112
4.	Kompleks PPj	Autopay	87
5.	Kompleks E1	Autopay	550
6.	Kompleks E2	Autopay	133
7.	Kompleks A	Bayar & Peraga	45
8.	Laman Perdana	Bayar & Peraga	43
9.	Presint Diplomatik	Bayar & Peraga	300

### Laporan Kewangan

#### ● Latar Belakang

##### Kewangan Syarikat

Pengiktirafan Pendapatan.

Tuntutan bayaran yang dimohon oleh PAPSB kepada PPj adalah secara 'full cost reimbursement' mengikut kadar tetap berasaskan bilangan bas dan bilangan pemandu serta kadar tetap bagi kos tayar sehingga April 2013. Mulai Mei 2013, PAPSB akan membiayai kos pengurusan syarikat dari hasil yang diperolehi melalui kutipan tambang bas, kutipan tempat letak kereta, sewaan ruang niaga dan sewaan bas. Manakala PPj akan menampung kos kontrak perkhidmatan yang terdiri dari kontrak perkhidmatan penyenggaraan bas, penyenggaraan Putrajaya Sentral, Park And Ride, depo dan perhentian bas.

- Secara keseluruhannya, pada tahun 2013 pendapatan PAPSB terdiri daripada tiga (3) sumber iaitu terimaan bayaran operasi, pendapatan yang dijana melalui beberapa aset yang telah diserahkan oleh Perbadanan Putrajaya kepada PAPSB serta peruntukan kewangan. Pendapatan bayaran operasi dan hasil daripada aset adalah bagi membiayai kos pengurusan syarikat manakala peruntukan kewangan adalah untuk membiayai kos perkhidmatan.
- **Pendapatan.** Pendapatan PAPSB berjumlah RM17,637,934 terdiri daripada hasil kutipan dan sewa khas bas, tempat letak kereta, terimaan bayaran operasi dan geran. Pendapatan yang diterima melalui aset yang diserahkan kepada PAPSB adalah berkuatkuasa mulai Mei 2013 manakala dari bulan Januari hingga April pendapatan adalah secara kaedah 'reimbursement'.
- Perbelanjaan. Secara keseluruhannya, jumlah perbelanjaan PAPSB berjumlah RM19,179,968 yang terdiri dari kos pengurusan dan kos perkhidmatan. Peningkatan kos adalah seiring dengan pertambahan tanggungjawab yang telah diserahkan kepada PAPSB seperti penyenggaraan bas, Stesen Putrajaya Sentral, Park And Ride, Depo dan perhentian bas.
- Kerugian Bersih. PAPSB mengalami rugi bersih pada tahun semasa berjumlah RM1,362,266. Pendapatan pada tahun 2013 masih belum dapat membiayai sepenuhnya perbelanjaan pengurusan syarikat.

## Putrajaya International Convention Centre Sdn Bhd

Putrajaya International Convention Centre Sdn Bhd (PICCSB) telah ditubuhkan pada bulan Ogos 2013 untuk mengurus dan mengendalikan operasi Pusat Kovensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC). Ini termasuk jualan dan pemasaran dewan-dewan bagi tujuan mesyuarat, persidangan, konferens, seminar dan sebagainya. Pada bulan Oktober 2013, PICC telah menjadi venue untuk Persidangan

Pertubuhan Islam (Organisation of Islamic Conference – OIC) dan terus menjadi pilihan bagi venue utama untuk persidangan atau mesyuarat penting Kerajaan.


Selain itu, PICCSB juga mengurus dan mengendalikan operasi kafe serta penyediaan makanan dan minuman (F&B) bagi semua acara yang diadakan di Pusat Kovensyen Antarabangsa Putrajaya.

Bagi tempoh dari bulan September 2013 sehingga Disember 2013, PICCSB telah menjana hasil pendapatan sebanyak RM6.9 juta.





# Penyata Kewangan Yang Telah DiAudit





**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA  
MENGENAI PENYATA KEWANGAN  
PERBADANAN PUTRAJAYA  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2013**

**Laporan Mengenai Penyata Kewangan**

Penyata Kewangan Perbadanan Putrajaya dan Kumpulan telah diaudit oleh wakil saya yang merangkumi Lembaran Imbangan pada 31 Disember 2013 dan Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Ekuiti serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, ringkasan polisi perakaunan yang signifikan dan nota penjelasan lain.

*Tanggungjawab Anggota Perbadanan Terhadap Penyata Kewangan*

Anggota Perbadanan bertanggungjawab terhadap penyediaan dan persembahan penyata kewangan tersebut yang saksama selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan Akta Perbadanan Putrajaya 1995 (Akta 536). Anggota Perbadanan juga bertanggungjawab terhadap kawalan dalaman yang ditetapkan perlu oleh pengurusan bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan yang bebas daripada salah nyata yang ketara sama ada disebabkan oleh fraud atau kesilapan.

*Tanggungjawab Juruaudit*

Tanggungjawab saya adalah memberi pendapat terhadap penyata kewangan tersebut berdasarkan pengauditan yang dijalankan. Pengauditan telah dilaksanakan mengikut Akta Audit 1957 dan piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia. Piawaian tersebut menghendaki saya mematuhi keperluan etika serta merancang dan melaksanakan pengauditan untuk memperoleh jaminan yang munasabah sama ada penyata kewangan tersebut bebas daripada salah nyata yang ketara.

Pengauditan meliputi pelaksanaan prosedur untuk memperoleh bukti audit mengenai amaun dan pendedahan dalam penyata kewangan. Prosedur yang dipilih bergantung kepada pertimbangan juruaudit, termasuk penilaian risiko salah nyata yang ketara pada penyata



keuangan sama ada disebabkan oleh fraud atau kesilapan. Dalam membuat penilaian risiko tersebut, juruaudit mempertimbangkan kawalan dalaman yang bersesuaian dengan entiti dalam penyediaan dan persembahan penyata kewangan yang memberi gambaran yang benar dan saksama bagi tujuan merangka prosedur pengauditan yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman entiti tersebut. Pengauditan juga termasuk menilai kesesuaian polisi perakaunan yang diguna pakai dan kemunasabahan anggaran perakaunan yang dibuat oleh pengurusan serta persembahan penyata kewangan secara menyeluruh.

Saya percaya bahawa bukti audit yang saya peroleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas bagi pendapat audit saya.

#### *Pendapat*

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Perbadanan Putrajaya dan Kumpulan pada 31 Disember 2013 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia.

Saya telah mempertimbangkan penyata kewangan dan laporan juruaudit bagi semua syarikat subsidiari yang tidak diaudit oleh saya seperti yang dinyatakan dalam nota kepada penyata kewangan. Saya berpuas hati bahawa penyata kewangan berkenaan telah disatukan dengan Penyata Kewangan Perbadanan Putrajaya dalam bentuk dan kandungan yang sesuai dan wajar bagi tujuan penyediaan penyata kewangan. Saya juga telah menerima maklumat dan penjelasan yang memuaskan sebagaimana yang dikehendaki bagi tujuan tersebut. Laporan juruaudit mengenai penyata kewangan syarikat subsidiari berkenaan tidak mengandungi sebarang pemerhatian yang boleh menjejaskan penyata kewangan.



**(DATUK HJ. ANWARI BIN SURI)**

b.p. KETUA AUDIT NEGARA  
MALAYSIA


PUTRAJAYA  
21 JULAI 2014



## PENGESAHAN OLEH ANGGOTA PERBADANAN


Kami, Tan Sri Dato' Seri (Dr.) Aseh bin Hj. Che Mat, dan Dato' Zainal Abidin bin Putih, yang merupakan pengerusi dan salah seorang daripada Anggota Perbadanan Putrajaya, dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Anggota Perbadanan, Penyata Kewangan yang mengandungi Lembaran Imbangan, Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan, Penyata Aliran Tunai dan Penyata Perubahan Ekuiti yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama mengenai kedudukan Perbadanan Putrajaya pada 31 Disember 2013 dan hasil kendaliannya serta perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Perbadanan,



TAN SRI DATO' SERI (DR.) ASEH BIN HJ. CHE MAT

Pengerusi



DATO' ZAINAL ABIDIN BIN PUTIH

Anggota Perbadanan


Tarikh : **26 JUN 2014**

Putrajaya

## PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN PERBADANAN PUTRAJAYA


Saya, Dato' Rogaizat bin Abdullah, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakuan Perbadanan Putrajaya dengan ikhlas mengakui bahawa Lembaran Imbangan, Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan, Penyata Aliran Tunai dan Penyata Perubahan Ekuiti dalam kedudukan kewangan yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepda Penyata Kewangan di dalamnya mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar dan atas kehendak peruntukan-peruntukan Akta Akuan Berkanun, 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya diakui oleh penama diatas, Dato' Rogaizat bin Abdullah di Kajang pada **24 APR 2014**



(DATO' ROGAIZAT BIN ABDULLAH)

Di hadapan saya,



PESURUHJAYA SUMPAAH

No. 17, Jalan Sulaiman,  
43000 Kajang, Selangor.

## LEMBARAN IMBANGAN

Pada 31 Disember 2013

	Nota	Kumpulan		Perbadanan Putrajaya	
		2013 RM	2012 RM	2013 RM	2012 RM
<b>HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN</b>	3	3,617,558,530	3,875,124,154	3,617,111,416	3,875,124,154
<b>PELABURAN DI DALAM ANAK SYARIKAT</b>	4	-	-	100,000	100,000
<b>PENGHUTANG JANGKA PANJANG</b>					
Pinjaman / Pembiayaan Kenderaan	5	1,488,672	1,614,333	1,488,672	1,614,333
Pembiayaan Komputer	6	218,664	287,526	218,664	287,526
Pelbagai Penghutang	7	4,715,488	18,857,537	4,715,488	18,857,537
		<b>6,422,824</b>	<b>20,759,396</b>	<b>6,422,824</b>	<b>20,759,396</b>
<b>ASET SEMASA</b>					
Pelbagai Penghutang	7	32,002,305	55,168,204	28,933,571	55,364,903
Pinjaman / Pembiayaan Kenderaan	5	398,592	444,133	398,592	444,133
Pembiayaan Komputer	6	180,199	178,644	180,199	178,644
Stok	8	1,128,197	1,217,990	916,857	962,371
Bayaran Terdahulu Dan Deposit	9	5,300,735	310,735	5,300,735	310,735
Simpanan Tetap	10	539,797,384	512,198,788	539,668,684	512,198,788
Baki Bank Dan Tunai Di Tangan	11	28,277,069	41,829,785	22,840,034	39,775,244
		<b>607,084,481</b>	<b>611,348,279</b>	<b>598,238,672</b>	<b>609,234,818</b>
<b>LIABILITI SEMASA</b>					
Pelbagai Pemiutang	12	146,568,684	133,931,206	135,401,287	132,062,173
Cagaran Diterima	13	10,304,906	9,182,583	10,304,906	9,182,583
Terimaan Terdahulu	14	2,674,397	2,900,826	2,674,397	2,900,826
Terimaan Bagi Pihak Agensi Lain		4,091,743	14,286,784	4,091,743	14,286,784
Cukai		64,368	-	-	-
Sewa Beli		79,913	-	-	-
		<b>163,784,011</b>	<b>160,301,399</b>	<b>152,472,333</b>	<b>158,432,366</b>
<b>ASET SEMASA BERSIH</b>		443,300,470	451,046,880	445,766,339	450,802,452
<b>ASET BERSIH</b>		4,067,281,824	4,346,930,430	4,069,400,579	4,346,786,002
<b>DIBIYAI OLEH</b>					
GERAN TERTUNDA	15	3,566,275,475	3,827,705,391	3,566,275,475	3,827,705,391
TABUNG PENDIDIKAN PERBADANAN PUTRAJAYA	16	2,254,234	2,325,446	2,254,234	2,325,446
KUMPULAN WANG PINJAMAN / PEMBIAYAAN KENDERAAN	17	4,000,000	4,000,000	4,000,000	4,000,000
KUMPULAN WANG PEMBIAYAAN KOMPUTER	18	1,000,000	1,000,000	1,000,000	1,000,000
KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN	19	92,312,283	98,296,588	92,312,283	98,296,588
Kepentingan Minoriti	2	2	2	-	-
LEBIHAN TERKUMPUL	20	401,310,743	413,603,003	403,558,587	413,458,577
		<b>4,067,152,737</b>	<b>4,346,930,430</b>	<b>4,069,400,579</b>	<b>4,346,786,002</b>
<b>LIABILITI JANGKA PANJANG</b>					
Sewa Beli		129,087	-	-	-
		129,087	-	-	-
		<b>4,067,281,824</b>	<b>4,346,930,430</b>	<b>4,069,400,579</b>	<b>4,346,786,002</b>

Nota-nota yang dilampirkan merupakan sebahagian asasi penyata kewangan Ini.

## PENYATA PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN

Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2013

	Nota	Kumpulan		Perbadanan Putrajaya	
		2013 RM	2012 RM	2013 RM	2012 RM
<b>PENDAPATAN</b>					
Hasil Dari Operasi Anak Syarikat	21	23,254,475	16,293,159	-	-
Geran Hasil	22	102,900,725	84,970,112	102,900,725	84,970,112
Cukai Taksiran	23	20,905,752	21,198,531	20,905,752	21,198,531
Sumbangan Bantu Kadar	24	97,367,104	85,635,676	97,367,104	85,635,676
Terimaan Penyelenggaraan Bandar Raya Putrajaya	25	137,576,417	121,000,000	137,576,417	121,000,000
Geran Khas Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar	25	13,790,000	8,140,179	13,790,000	8,140,179
Faedah/Keuntungan Simpanan Tetap/Semasa					
Faedah/Keuntungan Pinjaman/	26	19,398,951	18,665,854	19,398,951	18,665,854
Pembiayaan Kenderaan/Komputer	27	93,528	90,880	93,528	90,880
Lesen Dan Permit	28	1,754,100	1,731,012	1,754,100	1,731,012
Fi Rancang Dan Proses	29	1,623,722	774,275	1,623,722	774,275
Sewaan	30	16,151,466	15,669,009	16,151,466	15,669,009
Jualan	31	151,773	399,233	151,773	399,233
Pendapatan Perkhidmatan	32	2,062,273	4,448,991	2,062,273	4,448,991
Pendapatan Tanah		-	1,467,540	-	1,467,540
Kompaun Dan Denda	33	1,113,092	1,589,161	1,113,092	1,589,161
Sumbangan kepada Perbadanan Putrajaya		4,286,983	3,721,482	4,286,983	3,721,482
Lain-Lain Pendapatan		422,594	567,315	422,594	567,315
Lebihan Jualan Hartanah, Loji dan Peralatan	34	2,568,881	67,292	2,568,881	67,292
<b>JUMLAH PENDAPATAN</b>		<b>445,421,836</b>	<b>386,429,701</b>	<b>422,167,361</b>	<b>370,136,542</b>
<b>PERBELANJAAN</b>					
Belanja Operasi Anak Syarikat		40,889,933	27,105,202	-	-
Emolumen Pegawai Dan Pehidmat		52,858,330	48,967,031	52,858,330	48,967,031
Elaun Tetap Anggota		50,400	41,400	50,400	41,400
Tuntutan Perjalanan Dan Sara Hidup		2,419,809	1,882,841	2,419,809	1,882,841
Pengangkutan		8,420	3,650	8,420	3,650
Perhubungan Dan Utiliti		11,784,823	11,303,068	11,784,823	11,303,068
Sewaan Peralatan		12,484,963	284,146	12,484,963	284,146
Alatulis Dan Bekalan Pejabat		2,735,660	2,826,443	2,735,660	2,826,443
Penyelenggaraan Dan Pembaikan Kecil		15,530,928	13,974,010	15,530,928	13,974,010
Penyelenggaraan Bandar Raya Putrajaya		178,682,858	174,494,669	194,004,371	184,827,182
Promosi Dan Iklan		200,670	83,965	200,670	83,965
Perkhidmatan Ikhtisas Dan Hospitaliti		37,671,710	20,957,391	37,671,710	20,957,391
Cukai Dan Insuran		3,235,050	1,334,655	3,235,050	1,334,655
Susutnilai/Pelunasan	3	86,770,692	78,374,341	86,770,692	78,374,341
Aset Tidak Dimodalkan	35	465,540	1,060,741	465,540	1,060,741
Pembangunan Sumber Manusia		1,804,110	2,362,223	1,804,110	2,362,223
Perbelanjaan Bukan Modal		5,218,590	3,038,992	5,218,590	3,038,992
Hapuskira Hartanah, Loji dan Peralatan		3,401,420	589,683	3,401,420	589,683
Lain-Lain Bayaran		776,716	971,859	776,716	971,859
<b>JUMLAH PERBELANJAAN</b>		<b>456,990,622</b>	<b>389,656,310</b>	<b>431,422,202</b>	<b>372,883,621</b>
<b>KURANGAN PENDAPATAN SEBELUM CUKAI</b>		<b>(11,568,786)</b>	<b>(3,226,609)</b>	<b>(9,254,841)</b>	<b>(2,747,079)</b>
<b>CUKAI</b>		<b>78,325</b>	<b>-</b>	<b>-</b>	<b>-</b>
<b>KURANGAN PENDAPATAN SELEPAS CUKAI</b>		<b>(11,647,111)</b>	<b>(3,226,609)</b>	<b>(9,254,841)</b>	<b>(2,747,079)</b>

Nota-nota yang dilampirkan merupakan sebahagian asasi penyata kewangan ini.

## PENYATA ALIRAN TUNAI

Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2013

Nota	Kumpulan		Perbadanan Putrajaya	
	2013 RM	2012 RM	2013 RM	2012 RM
<b>TUNAI BERSIH DARIPADA AKTIVITI PELABURAN</b>	<b>7,334,831</b>	<b>(195,702)</b>	<b>7,472,218</b>	<b>6,541,577</b>
<b>ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PEMBIAYAAN</b>				
TERIMAAN TERDAHULU	3,351,205			
PEMBIAYAAN KENDERAAN	347,100	(1,333,330)	(226,429)	(1,333,330)
